

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 18

Isnin

13 Disember 2004

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA - Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2005	(Halaman 26)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 13 Disember 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad.
2. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.
3. Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed.
4. Yang Berhormat Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad.

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah di atas perlantikan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara. Di antara ungkapan yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi semasa Mengangkat Sumpah ialah memelihara, melindungi serta mempertahankan perlembagaan negara.

Maka saya mengambil kesempatan di sini untuk memperingati bahawa pemerintahan negara ditegak di bawah Perlembagaan Persekutuan melalui prinsip *The Rule of Law*.

Di bawah sistem berparlimen yang kita amalkan, Dewan Negara boleh mempunyai peranan yang tersendiri untuk mendukung prinsip *check and balance* dan akauntabiliti pemerintah. Abdikanlah diri untuk menyerlahkan peranan tersebut.

Selamat Bertugas!

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. [*Tepuk*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“9 Disember 2004

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 2005;
2. Rang Undang-undang Kewangan 2004;
3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2004; dan
4. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Dato" Seri Nor Mohamed bin Yakcop]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai projek-projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara. Apakah puncanya projek-projek ini terbengkalai dan apakah tindakan kementerian dalam usaha membantu untuk menyelesaikan masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak dengan Soalan No. 36 pada 15 Disember 2004 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di dalam kedua-dua soalan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tiga perkara berkenaan dengan projek-projek terbengkalai.

Yang pertama ialah berkenaan dengan bilangan projek-projek terbengkalai dan keadaan projek-projek ini pada masa sekarang.

Yang kedua ialah sebab-sebab puncanya projek-projek ini dan yang ketiga ialah berkenaan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini dan saya akan cuba untuk menjawab soalan-soalan ini dengan secara ringkas dan komprehensif.

Untuk aspek yang pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik dari tahun 1990 sehingga 30 Julai 2004, terdapat 122 projek perumahan terbengkalai dan daripada jumlah tersebut, 99 projek telah dipulihkan. 15

projek telah diambil alih oleh pemaju lain dan sebanyak lapan projek didapati tidak sesuai untuk dipulihkan.

Sebagai jawapan bahagian kedua soalan itu ialah berkenaan dengan sebab-sebab projek terbengkalai ini, kita telah memastikan beberapa punca projek perumahan terbengkalai iaitu:

- (i) krisis ekonomi yang telah berlaku pada tahun 1997 dan 1998 yang telah menjadi satu faktor utama kerana projek-projek ini terbengkalai.
- (ii) pengurusan yang tidak cekap oleh syarikat pemaju perumahan.
- (iii) masalah pemasaran yang lemah dan jualan yang lembap kerana kurang sambutan pembeli ke atas rumah-rumah tersebut.
- (iv) kontraktor yang tidak dapat meneruskan projek kerana kegagalan pemaju untuk melaksanakan pembayaran.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah ini yang secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung kita menasihatkan pembeli-pembeli yang terlibat untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembeli yang sah dan berbincang bersama dengan kementerian bagi melantik mana-mana pihak yang berminat untuk memulihkan projek perumahan tersebut. Kita juga berunding dengan mana-mana syarikat pemaju yang berpengalaman dan berminat untuk membantu memulihkan projek tersebut dan kementerian telah membuat syor kepada syarikat Perumahan Negara untuk mengkaji projek-projek ini dan memulihkan projek-projek yang dapat dipulihkan. Secara yang tidak langsung 'Tuan Yang Terutama' beberapa pindaan telah dibuat ke atas Akta Pemaju Rumah....

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedar Yang Berhormat telah tersasul tetapi itu sudah keterlaluan. Kalau Yang Berhormat sebut saya ini Tuan Yang Terutama.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Pemindaan yang telah dibuat ke atas Akta, pertama ialah memperketatkan syarat pemberian lesen kepada pemaju khususnya di bawah Seksyen 6 yang bertujuan untuk memastikan pemaju yang benar-benar berkeupayaan dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh sahaja diberikan lesen pemajuan. Kedua ialah setiap pemaju kena mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada kementerian untuk tujuan pemantauan dari segi kedudukan kewangan. Ketiga ialah pemaju dikehendaki mengemukakan borang kemajuan melalui borang 7F setiap awal tahun dan

pertengahan tahun iaitu enam bulan sekali berkenaan dengan projek-projek itu dan mereka juga dikehendaki memaklumkan kepada kementerian sekiranya mereka tidak mampu memenuhi obligasi mereka. Terima kasih.

Tuan M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit pandangan daripada kementerian apakah status cadangan *build and sell* dan adakah kerajaan bercadang untuk mengimplicasikan konsep tersebut? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, konsep *build and sell* telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa bulan yang lalu dan buat masa sekarang kerajaan telah mengkaji konsep ini dan kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan konsep ini secara tergesa-gesa kerana pelaksanaan konsep ini secara drastik akan memberi implikasi yang luas terhadap industri perumahan termasuk bekalan rumah yang secukupnya dengan harga yang mampu dibeli oleh semua golongan masyarakat. Pelaksanaan konsep tersebut dijangka melibatkan kenaikan kos dan harga rumah dan ini akan memberi kesan kepada bekalan rumah terutama rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Pada masa sekarang satu kertas akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan berhubung dengan cadangan pelaksanaan konsep bina dan jual selepas pihak kementerian mendapat pandangan daripada semua pihak yang terlibat termasuk pembeli-pembeli rumah, Persatuan Pemaju, Persatuan Arkitek dan Persatuan-persatuan Profesional yang lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kerajaan tidak akan melaksanakan BKJ iaitu bina kemudian jual pada jangka masa yang akan datang apakah perlindungan....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan tidak akan melaksanakan tetapi masih dalam kajian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Apakah perlindungan-perindungan yang boleh diperkenalkan buat sementara waktu untuk memastikan pembeli itu tidak kehilangan semua duit yang telah dibayar kepada pemaju termasuk bayaran progresif melalui pinjaman bank dan sebagainya. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Separuh daripada jawapan untuk ini soalan tadi saya telah buat berkenaan pemindaan yang telah dibuat untuk akta yang telah memberi kuasa kepada kementerian supaya dapat memantau sesuatu projek pada satu masa yang lebih awal. Tidak menunggu sampai projek itu terbengkalai. Ini akan memberi

peluang supaya kerajaan boleh mengambil tindakan pada masa yang lebih awal kalau kita tahu projek ini tidak akan maju dengan segera. Tetapi saya ingat maksud Ahli Yang Berhormat ialah dari segi kewangan. Dari segi kewangan pada masa sekarang kita tidak ada apa-apa cadangan untuk menentukan deposit atau sebagainya daripada pemaju untuk satu-satu projek perumahan. Terima kasih.

2. Datuk Benedict Bujang Tembak minta Menteri Pelajaran menyatakan kejayaan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bagi mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah seluruh negara-negara. Jika berjaya adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bagi mata pelajaran lain.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali sebelum saya menjawab soalan ingin saya sampaikan ucapan tahniah kepada empat orang Ahli Yang Berhormat baru kita. Pihak kementerian sekali lagi ucap syabas dan tahniah. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris atau PPSMI berjalan dengan baik, Kementerian Pelajaran menjalankan pemantauan yang komprehensif dari semasa ke semasa di semua sekolah. Ini juga bertujuan untuk memberi bimbingan dan sokongan kepada sekolah, guru dan murid dan untuk mengumpul maklumat tentang masalah serta pandangan guru dan murid mengenai pelaksanaan PPSMI.

Dapatan daripada pemantauan menunjukkan persepsi guru terhadap bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik adalah positif. Mereka menunjukkan kesediaan dan keyakinan untuk mengajar dalam bahasa Inggeris. Dapatan kita ialah 85.1%. Guru yang menyatakan bahawa kursus-kursus yang dihadiri, perkakasan dan bahan pembelajaran yang dibekalkan dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dapatan kita ialah 84.0%.

Dari segi murid pula, pada keseluruhannya mereka menunjukkan minat untuk mengikuti pelajaran dalam bahasa Inggeris terutama dengan penggunaan ICT. Dapatan menunjukkan 73.0% murid menyatakan kesediaan dan keyakinan. Murid-murid berpendapat guru mampu mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Pada peringkat awal penguasaan bahasa Inggeris yang terhad menyebabkan sebilangan murid iaitu sebanyak 53.0% menyatakan interaksi mereka dengan guru terhad. Sekadar menjawab soalan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, interaksi ini didapati meningkat dari masa ke semasa.

Untuk soalan yang kedua, kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan bahasa Inggeris, saya ulangi, kerajaan telah bercadang untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain. Untuk makluman, bahasa Malaysia masih merupakan bahasa penghantar utama di semua peringkat persekolahan. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kaedah dan rancangan pihak kementerian untuk memperbaiki dan mempertingkatkan penguatkuasaan bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar yang sememangnya lemah dan menghadapi kesulitan ataupun masalah bagi menguasai bahasa tersebut terutamanya pelajar-pelajar dari luar bandar. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat mengetahui bahawa ada orang buat tuduhan kepada kita bahawa seolah-olah kita hendak tukar bahasa kebangsaan kita kepada bahasa Inggeris. Itu tidaklah menjadi objektif utama kami. Bahasa Melayu sebagai bahasa Malaysia atau bahasa kebangsaan tetap menjadi keutamaan kita. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan ICT kita telah pun memperkenalkan pembelajaran-pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di samping itu kita ada juga mata pelajaran bahasa Inggeris. Memang saya akui di kawasan-kawasan luar bandar kita mempunyai beberapa masalah yang mana kecekapan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris itu amat terhad. Pertama sekali ialah kerana di luar bandar tidak ramai yang bercakap bahasa Inggeris berbanding dengan kawasan bandar. Begitu juga untuk mengatasi masalah ini kami telah pun membekalkan guru-guru bahasa Inggeris yang berkelayakan. Insya-Allah pada masa yang akan datang keadaan ini akan berubah. Terima kasih.

Datuk Karim bin Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan buku dan alat-alat ICT yang perlu untuk fasih dan mahir berbahasa Inggeris dapat dikurangkan kerana harganya terlalu mahal di ketika ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, setelah kita katakan kita telah membekalkan sekolah-sekolah tadi dengan berbagai-bagai peralatan untuk membantu di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Mengenai dengan buku-buku tadi, itu adalah di luar kawalan kami di mana dijual dalam pasaran terbuka. Jadi saya faham, kita cuba mengatasi masalah ini supaya buku-buku dapat dijual dalam keadaan yang lebih rendah harganya. Oleh kerana kebanyakan buku-buku Yang Berhormat sebutkan tadi saya rasa adalah buku-buku yang diimport masuk ke negara kita. Kita cuba mengadakan bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Inggeris di Malaysia ini sendiri supaya harganya itu dapat berkurangan.

Walau bagaimanapun, mutu dapat dipertahankan. Jadi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat saya rasa kita akan cuba untuk bincangkan lebih lanjut lagi. Terima kasih.

3. Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan mengapakah masih terdapat banyak kemudahan yang baru dibangunkan masih tidak boleh dinikmati oleh golongan kurang upaya dan warga emas sedangkan kerajaan telah pun mengeluarkan pelbagai garis panduan terhadap pembangunan kemudahan-kemudahan ini. Apakah kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan perundangan khusus bagi pembangunan kemudahan yang mesra pengguna untuk memberi peluang golongan ini menikmati kemudahan-kemudahan yang dibangunkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat belum ada cadangan untuk mewujudkan perundangan khusus bagi penyediaan pembangunan kemudahan yang mesra pengguna atau mesra insan terutamanya bagi golongan kurang upaya dan warga tua. Ini adalah kerana sudah terdapat berbagai usaha yang dijalankan dalam memastikan isu *accessibility* ini dapat dipertingkatkan. Antara usaha yang dijalankan adalah:

- (a) perwujudan kod amalan (*code of practice*) di bawah building by law yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan. Terdapat 3 kod amalan iaitu MS1184 Tahun 1991, kod amalan *accessibility* bagi OKU di bangunan awam. MS1331 Tahun 1993, kod amalan *accessibility* bagi OKU di luar bangunan. Kod

amalan untuk kaedah menyelamatkan diri *means of escape* dengan izin bagi OKU

- (b) Program *advocacy* dan usaha penggalakan seperti anugerah bagi bangunan-bangunan yang mesra insan yang dilakukan setiap tahun sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya. Penubuhan kumpulan kerja teknikal mengenai *accessibility* yang bertanggungjawab membuat perancangan strategik dan program dalam menggalakkan penyediaan kemudahan mesra insan secara lebih meluas. Kumpulan kerja teknikal ini adalah salah satu di antara 12 kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat dan Perundingan Orang Kurang Upaya Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Untuk makluman juga, kerajaan memang komited dan menyokong usaha-usaha untuk meningkatkan kesejahteraan golongan kurang upaya. Ini dapat dilihat melalui komitmen antarabangsa kepada pencapaian sasaran dekat orang kurang upaya kawasan Asia Pasifik dari tempoh tahun 1993 ke tahun 2002. Dan kepada *frame work for action* bagi tempoh tahun 2003 hingga ke tahun 2012 dan juga satu akta OKU sedang dirancang. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di antara golongan masyarakat yang tersisih ialah bekas banduan atau bekas tahanan pusat serenti. Adakah ada satu perancangan daripada pihak kementerian bagi golongan ini agar mereka tidak terus tersisih daripada masyarakat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah bekas banduan dianggap sebagai orang kurang upaya?

Puan Chew Mei Fun: Orang kurang upayakah?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya, berkaitan dengan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya maksudkan, di antara golongan yang tersisih dari masyarakat ialah bekas banduan. Adakah satu perancangan daripada pihak kementerian surat golongan ini tidak tersisih. Itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab soalan asal ialah khusus ditujui kepada orang kurang upaya. Maka mungkin Yang Berhormat memerlukan sedikit notis.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat sudah terkeluar dari topik yang asal.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jadi, belum ada cadangan untuk mewujudkan perundangan khusus dalam perkara ini tetapi sudah ada piawaian.

4. Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah sambutan terhadap saranan kerajaan bagi memberi kuasa kepada anggota-anggota pasukan sukarelawan simpanan seperti Rela dan Sukarelawan Polis dan adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan elaun latihan tahunan serta imbuhan bagi anggota-anggota ini di semua peringkat bagi memastikan kemantapan tenaga sukarelawan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini mempunyai dua bahagian. Bahagian yang pertama berkaitan dengan reaksi terhadap memberi kuasa kepada anggota sukarelawan seperti Polis dan Rela. Manakala bahagian kedua berkaitan dengan elaun-elaun dan imbuhan bagi anggota sukarelawan berkenaan.

Soalan bagi bahagian pertama tidak begitu jelas kerana tidak menyatakan apa bentuk kuasa yang hendak diberi kepada pasukan-pasukan sukarelawan berkenaan. Jika Yang Berhormat Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam bermaksud memberi kuasa polis kepada pasukan-pasukan sukarelawan berkaitan, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak mempunyai masalah berkaitan dengan pasukan sukarelawan polis ataupun PVR kerana anggota PVR memang telah diberi kuas polis apabila mereka melaksanakan tugas-tugas polis di bawah Seksyen 45 Akta Polis 1967 yang mana peruntukan undang-undang berbunyi:

“seseorang pegawai polis sukarelawan apabila melaksanakan tugas-tugas polis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang sama dan perlindungan dan *immunity* yang sama dan hendaklah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Disiplin yang sama seperti pegawai polis bersamaan pangkat dengannya”

Bagi pasukan sukarelawan Rela, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tidak ingin menyentuhnya kerana ia bukan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian kedua, elaun, latihan serta imbuhan kepada badan-badan sukarela termasuk sukarelawan polis telah dinaikkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berkuat kuasa mulai 1 November 2000 seperti berikut:

- elaun kehadiran latihan tempatan bagi jawatan pegawai, kadar dahulu RM2.90 satu jam pada kadar baru RM4.35 satu jam. Lain-lain pangkat iaitu Koperal ke atas, kalau dahulu RM2.40 sejam dan kini RM3.00 sejam. Lance Koperal dan ke bawah masih kadar lama iaitu RM1.60 sejam.
- Pasukan seragam pegawai – jenis elaun iaitu elaun pakaian seragam sekali sepasang perkhidmatan. Kadar dahulu RM200. Kadar baru RM300.
- Elaun penyelenggaraan pakaian seragam – setiap tahun dibayar mulai tahun kedua. Kalau dahulu RM120 dan kadar baru RM125.
- Elaun pakaian istiadat – bagi lima tahun sekali tiada. Kini RM750.

Di samping itu, untuk menarik minat orang awam bagi menyertai pasukan sukarelawan polis, pihak kerajaan juga telah bersetuju meluluskan kadar sagu hati tahunan seperti berikut berkuat kuasa 1 Oktober 2001 iaitu sagu hati tahunan iaitu sagu hati penuh syarat kelayakan menghadiri latihan 380 jam. Kadar dahulu RM400, kadar baru RM520. Kalau sagu hati tiga suku iaitu menghadiri latihan di antara 240 jam sehingga 375 jam, kadar dahulu RM300 dan kadar baru RM390. Kalau sagu hati separuh iaitu menghadiri latihan di antara 120 jam sehingga 239 jam. Dahulu kadarnya ialah RM200 dan kini kadarnya RM260.

Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan pakaian seragam dan alat mempertahankan diri yang cukup kepada pasukan Rela untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka setelah dipilih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Bagi pasukan sukarelawan, apa kemudahan yang disediakan oleh pasukan polis, bahawa pasukan PVR juga mendapati nikmat yang sama. Terima kasih.

5. Tuan Ismail bin Kasim minta Menteri Penerangan menyatakan apakah RTM bercadang untuk menyumbang semula program vendor yang sepatutnya diterajui oleh HVD Entertainment dan apakah kesudahan masa depan pelaburan kerajaan di dalam HVD Entertainment akibat daripada kesulitan yang dihadapi oleh syarikat itu ekoran daripada penamatan skim vendor.

Menteri Penerangan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai program vendor yang diterajui oleh HVD Sdn Bhd sukalah kementerian memaklumkan di sini bahawa program vendor tersebut adalah suatu inisiatif pihak HVD sendiri untuk membolehkannya membekalkan program TV kepada RTM ekoran pelantikan HVD menjadi pembekal program TV kepada RTM melalui satu kontrak sah yang telah ditandatangani dengan pihak kerajaan. Justeru itu mengenai masa depan sistem vendor tersebut tidak melibatkan RTM kerana ia adalah masalah dalaman HVD dan di luar skop kontrak yang ditandatangani itu.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah menandatangani satu kontrak dengan HVD pada tahun 2003 di mana HVD akan membekalkan program TV untuk mengisi slot drama di RTM untuk sebanyak 624 episod - ini cukup tinggi.

Tempoh pelaksanaan kontrak ini adalah daripada 19 Jun 2003 hingga 18 Jun 2005 iaitu selama tiga tahun dengan nilai keseluruhannya sebanyak RM24.96 juta. Kontrak kerajaan dengan pihak HVD ini masih berjalan sehingga sekarang. Berasaskan fakta ini, pelaburan kerajaan di dalam syarikat HVD adalah terpelihara selagi kontrak ini berkuat kuasa.

Di samping itu, RTM juga turut membeli program TV yang dikeluarkan oleh syarikat HVD melalui tatacara perolehan biasa yang diamalkan di RTM. Pembelian melalui kaedah biasa ini bergantung kepada keperluan semasa di RTM dan juga kualiti program yang ditawarkan oleh syarikat tersebut. Adalah ditekankan di sini bahawa RTM hanya berurusan dengan syarikat yang tulen yang mempunyai *track record* yang baik, berpengalaman dan mempunyai kedudukan kewangan yang mantap dan

berupaya membawa nama, prestij dan *rating* bagi meningkatkan lagi mutu rancangan tempatan yang disiarkan melalui RTM.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menstrukturkan semula pegangan ikuti Lembaga Pengarah Urusan bagi memastikan pelaburan kerajaan dalam HVD Entertainment tidak merupakan satu pembaziran. Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dengan menstrukturkan semula syarikat ini tidak akan menyelesaikan masalah. Saya yakin bahawa pihak kerajaan dan juga Khazanah Nasional tidak akan melaburkan dalam mana-mana syarikat yang akan menyaingi syarikat-syarikat bumiputera lain yang berkemampuan dan dalam industri ini banyak sangat syarikat bumiputera yang berkemampuan.

Tetapi saya juga yakin bahawa pelaburan Khazanah Nasional dalam syarikat pada dahulunya adalah untuk membantu syarikat ini melibatkan diri dalam program-program yang lebih besar lagi misalnya mengeluarkan dokumentari ataupun filem-filem yang dapat dijual ke negara-negara asing ataupun *feature film* yang bertaraf antarabangsa yang boleh dieksport ke negara luar. Syarikat ini seharusnya melihat bagaimana dia dapat memperkembangkan *businessnya* tanpa menyaingi sangat dengan syarikat-syarikat bumiputera yang kecil-kecil yang begitu banyak terdapat di negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri Sendiri, saya jemput soalan tambahan lagi. Dato' Haji Mohamad.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya, pada masa kini, bagaimanakah pembahagian slot-slot ataupun masa kepada syarikat yang ditubuhkan sebagai syarikat konsortium. Adakah sama dengan syarikat-syarikat perseorangan?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, segala kontrak dengan syarikat-syarikat konsortium dan sebagainya yang telah pun diberi sebelum saya menjadi Menteri Penerangan masih berkuat kuasa dan ia akan mengambil masa beberapa bulan lagi sebelum ia tamat perlahan-lahan dan selepas itu kita akan pilih kaedah yang sebaik-baiknya tetapi yang akan menekankan kepada syarikat-syarikat yang benar-benar layak.

6. Puan Siw Chun a/p Eam minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perancangan dan tindakan/langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian bagi menjamin keselamatan di sempadan-sempadan Malaysia-Thailand memandangkan kejadian rusuhan di Selatan Thailand semakin serius.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada seramai tiga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan sempadan Malaysia-Thailand pada mesyuarat kali ini. Mereka ialah Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murad pada 19 Disember, Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam pada 13 Disember, hari ini dan Yang Berhormat Tuan Haji Hasan bin Haji Shukri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kesan daripada kejadian rusuhan yang berlaku di Selatan Thailand, langkah-langkah keselamatan di sempadan Malaysia-Thai telah dipertingkatkan.

Bagi menjamin keselamatan di kawasan sempadan, Angkatan Tentera Malaysia telah dan sedang melaksanakan beberapa operasi secara berterusan. Ketika ini terdapat empat buah batalion infantri ditugaskan mengawasi perbatasan negara bermula daripada negeri Perlis hingga ke negeri Kelantan.

Selain daripada itu dua posimbangan ataupun *coordinated border post* telah ditubuhkan di Kedah dan Yala yang melibatkan pasukan keselamatan dari kedua-dua buah negara. Posimbangan ini bertanggungjawab untuk membuat rondaan di sepanjang kawasan sempadan bagi mengelakkan sebarang penyusupan dan sebarang aktiviti lain yang boleh menggugat keselamatan negara.

Dalam masa yang sama, rakyat Malaysia yang tinggal berdekatan dengan sempadan telah diberi peringatan supaya tidak melibatkan diri dalam apa-apa jua bentuk kegiatan yang tidak bermanfaat. Dari sudut yang lain, Kerajaan Malaysia telah terus berpegang kepada prinsip bahawa segala yang berlaku adalah masalah domestik negara Thailand dan bagaimanapun Malaysia sentiasa bersedia untuk bersama-sama berusaha membantu memulihkan keadaan di wilayah tersebut jika diminta oleh kerajaan Thailand. Sekian, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian membuat kajian atau penelitian mengenai isu ini di mana ada pihak-pihak tertentu di negara Thailand mendakwa bahawa pengganas yang mewujudkan rusuhan itu berada di negeri Kelantan dan dilindungi oleh rakyat Malaysia. Apakah pendapat dan pandangan pihak kerajaan terhadap pendakwaan ini?

Tuan Yang di Pertua: Soalan Yang Berhormat itu boleh meliputi tiga kementerian iaitu Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Soalan asal adalah ditujukan dalam perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan, maka saya serahkan kepada Yang Berhormat sama ada mahu menjawab atau tidak.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di Pertua, saya sangat berbesar hati dan berterima kasih di atas penganalisisan jawapan oleh Tuan Yang di Pertua sendiri. Bagi memuaskan hati, seperti yang telah kita katakan bahawa kita sentiasa bekerjasama dan kita tidak memandang kecil tuduhan ataupun saranan yang dibuat oleh pihak Thailand. Mana-mana tanggungjawab yang akan dibuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, mereka akan terus bagi melihat tuduhan-tuduhan tetapi secara keseluruhannya, apa pun tuduhan yang dilakukan adalah lebih baik pihak yang bertanggungjawab ini mengemukakan senarai nama supaya kita boleh mengkhususkan individu-individu yang dianggapkan terlibat di dalam perkara yang berkenaan oleh pihak pasukan keselamatan dalam negeri dan pasukan pertahanan Malaysia. Adalah sangat mengecewakan sekiranya satu *random* tuduhan yang dibuat kepada rakyat kita kerana kita telah memberitahu kepada rakyat kita supaya jangan melibatkan diri dengan *problem* yang dihadapi oleh negara jiran dan sememangnya kita tidak suka rakyat kita campur tangan dalam perkara itu seperti juga kita tidak suka negara lain campur tangan urusan dalam negara kita. Terima kasih.

[Soalan No. 7 – Yang Berhormat Datuk Kalakau bin Untol tidak hadir]

Tuan Yang di Pertua: Saya minta maaf – Yang Berhormat Menteri hadir, yang bertanya pula tidak hadir.

8. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah saham DRB-Hicom milik keluarga Tan Sri Yahya tidak dibeli sahaja oleh GLC's demi mempertahankan kepentingan nasional dan kepentingan strategik yang ada padanya. Kalau dijual kepada individu korporat tertentu, apakah jaminan Kerajaan supaya saham itu nanti tidak bertukar milik kepada syarikat milik asing.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcob]:

Saya mengucapkan terima kasih di atas soalan ini dan saya anggap soalan ini adalah soalan yang penting yang harus diberi penjelasannya yang menyeluruh.

Tuan Yang di Pertua, di dalam memperkasa dan membangunkan sektor swasta, kerajaan mempunyai beberapa kaedah. Antara kaedah yang digunakan oleh kerajaan ialah kaedah GLC. Dalam mekanisme kaedah GLC, kerajaan melalui agensi-agensi memegang ekuiti dalam syarikat dan pengurusan syarikat ditadbir oleh golongan profesional.

Dalam model ini, tujuan kerajaan ialah untuk memastikan syarikat ini syarikat yang diberi nama GLC ini diuruskan dengan baik dan dengan itu kerajaan melantik pegawai-pegawai, CEO-CEO yang mempunyai ciri-ciri yang baik, warak, rajin, siddiq, sentiasa bermuhasabah dan sebagainya.

Pegawai-pegawai ini, *professional* ini memang tidak mempunyai ekuiti dalam syarikat pada asalnya tetapi semakin lama khabarnya mereka akan diberi sedikit ekuiti melalui sistem ESOS ataupun *stock grant* dan dalam tempoh yang tertentu mereka juga akan memegang ekuiti tetapi mereka akan memegang ekuiti tanpa pinjaman. Oleh yang demikian profesion ini dapat menumpukan perhatian kepada pengurusan. Itu satu model yang diwujudkan oleh kerajaan untuk membolehkan GLC memainkan peranan penting dalam sektor swasta tetapi itu hanya satu daripada beberapa model.

Selain dari modul GLC, kerajaan juga memang mempunyai agenda untuk memastikan bahawa entrepreneur yang tulen dan khasnya entrepreneur bumiputera memainkan peranan juga dalam membangunkan sektor swasta dan dalam membangunkan negara. Dan di mana kita dapati ada peluang untuk entrepreneur khasnya entrepreneur bumiputera memainkan peranan, tugas kerajaan ialah untuk membantu entrepreneur bumiputera supaya berjaya dalam bidang masing-masing.

Dalam kes DRB Hicom, ia terletak di bawah kaedah modul yang kedua, di mana kerajaan telah memberi sokongan kepada kumpulan bumiputera untuk menerajui dan menguruskan DRB. Oleh yang demikian, semasa ekuiti sebanyak

15.8% ini dicadangkan untuk dijual kepada pihak yang lain agenda kerajaan ialah untuk memastikan bahawa pihak yang membeli adalah tulin, adalah konteks agenda kerajaan dapat memainkan peranan yang penting dan sekiranya pihak swasta, entrepreneur bumiputera dapat memainkan peranan yang penting dalam menguruskan syarikat yang begitu strategik ini, tugas kerajaan hanyalah untuk membantu entrepreneur bumiputera Malaysia untuk berbuat demikian. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan sedar sebenarnya bahawa individu korporat berkenaan yang mendapat saham DRB Hicom ini telah pun menjual beberapa projeknya seperti Kebayan City, Waterfront City, Pusat Bebas Cukai yang ada di Johor. Apakah kriteria sebenarnya yang diberikan ketika beliau dipilih dan apakah kerajaan tidak ada rancangan supaya menegah supaya projek-projek besar ini jangan ditumpukan dan diberi kepada satu individu sahaja. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcob: Tuan Yang di Pertua, memang tujuan dan peranan kerajaan mengagihkan setakat yang boleh projek-projek kepada yang lebih *dynamite*. Tetapi dalam hal ini yang membuat bida ialah yang menunjukkan minat untuk membeli 15.8% hanya dua dan bida tersebut telah dimenangi oleh syarikat yang disebutkan tadi.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah tawaran yang diberikan kepada Tan Sri Syed Mokhtar hanya berdasarkan kepada harga tertinggi tanpa mengambil mengira pengalaman dan kepakaran kepada individu ataupun syarikat yang terbabit.

Tuan Yang di Pertua: Sebelum Yang Berhormat menjawab suka saya menyatakan dalam mengikut kefahaman saya, yang hendak menjual itu bukan kerajaan tetapi Estet Tan Sri Yahya dan di sini peranan kerajaan mungkin adalah untuk menampakkan kerelaan di antara yang mana satu, bukan hendak jual kepada siapa, sebab yang hendak menjual ialah orang lain bukan kerajaan. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcob Tuan Yang di Pertua, apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di Pertua adalah tepat. Memang kita mesti faham dan sedar bahawa blok 15.8% yang dijual itu bukan blok kerajaan tetapi ialah blok estet dan estet memang mempunyai kebebasan untuk menjual blok tersebut kepada mana-mana pihak yang didapati sesuai.

Dalam perkara ini, bagi kerajaan, kedua-dua pihak itu yang membuat bida adalah didapati pihak yang sesuai sebab kedua-dua pihak itu adalah pihak bumiputera satu, telah menunjukkan kebolehan dalam bidang *business* masing-masing dan kerajaan tidak ada halangan ke atas kedua-dua pihak. Terima kasih.

9. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membolehkan setengah sumber manusia Malaysia yang tidak tergolong dalam pasaran sumber dapat bekerja separuh masa, atau setengah hari setiap hari kerja, supaya kebolehan kumpulan ini dapat dicungkil dan memberi sumbangan kepada pendapatan individu dan negara.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:
Tuan Yang di Pertua, bahawa terdapat sumber tenaga kerja di Malaysia yang tidak dapat bekerja sepenuh masa disebabkan beberapa faktor. Di antaranya mereka terpaksa menumpukan masa terhadap keluarga walaupun ada di kalangan mereka yang mempunyai kemahiran dan kelulusan yang tinggi.

Sukacita dimaklumkan bahawa undang-undang buruh negara tidak menghalang majikan daripada mengaji pekerja secara separuh masa, malah pekerja separuh masa diberi perlindungan yang sama seperti bekerja sepenuh masa di bawah Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di Pertua, di samping itu, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja telah berusaha membawa golongan ini masuk ke pasaran pekerjaan untuk mengurangkan pergantungan negara terhadap pekerja asing. Sehubungan itu program “*Sure Kerja*” telah dilancarkan pada bulan Oktober 2004 dengan tujuan untuk membantu kumpulan sasaran seperti suri rumah, orang kurang upaya dan ibu tunggal untuk mendapat pekerjaan.

Sementara itu, kementerian ini juga berusaha dengan menggalakkan majikan melaksanakan pembaharuan atau perubahan pekerjaan dengan memperkenalkan *flexy wages, flexy working hours, firm office, outsourcing* serta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak (PAKK) di tempat kerja. Langkah-langkah ini dapat membantu suri rumah, orang kurang upaya dan ibu tunggal mendapat pekerjaan dan meningkatkan produktiviti supaya pergantungan negara kepada tenaga kerja asing dapat dikurangkan. Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan saya ialah berapa ramaikah pekerja-pekerja Malaysia yang berdaftar dengan PERKESO dan bagaimanakah kedudukan rizab simpanan PERKESO. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Soalan ini dijuruskan kepada PERKESO. Adakah Yang Berhormat mahu menjawab?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh. Setakat ini seramai 44 juta orang telah mendaftar dengan PERKESO dan sejauh ini rizab yang disimpan oleh pihak PERKESO ialah berjumlah RM11.3 bilion. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah dinyatakan bilangan pencari kerja sepanjang tahun lalu? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Bilangan pencari kerja sepanjang tahun 2003 ialah berjumlah 92,837 orang. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Daripada jawapan yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, seolah-olah ibu tunggal ini dan yang lain-lain adalah pekerja di estet-estet atau di perladangan mencari kerja di estet atau di *plantation* kelapa sawit, pembinaan dan sebagainya, tetapi ibu tunggal dan sebagainya bukan mencari pekerjaan ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya kita tidak bergantung lagi kepada pekerja-pekerja asing dari segi aspek ini. Terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Nasib baik dia tambah dari segi aspek ini. Kalau tidak saya tidak benarkan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya? Maksudnya?

Tuan Yang di Pertua: Nasib baik dia tambah ungkapan dari segi aspek ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, memang ibu tunggal diberikan peluang pekerjaan dalam apa juga bidang yang sesuai dengan kebolehan dan keupayaan mereka bukan sahaja di estet ataupun di bidang pembinaan tetapi di semua sektor. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Soalan tambahan saya ialah Dewan didedahkan baru-baru ini bahawa kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam lebih kurang 265,705 kekosongan. Sedangkan di masa yang sama

Tuan Yang di Pertua: Puan Siti Zailah, soalan nombor 10.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Masya-Allah, maaf, Tuan Yang di Pertua. Saya ingatkan soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Soalan saya no. 10.

Tuan Yang di Pertua: Kita ada 15 minit lagi.

10. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan kerajaan untuk membanteras rasuah di seluruh negara sedangkan indeks rasuah semakin naik termasuklah politik wang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam pada 13 Disember 2004 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukar untuk diukur tahap sebenar rasuah dalam sesebuah negara, namun begitu dari kajian yang dibuat oleh *Transparency International* untuk tahun 2004, Malaysia telah diletakkan di tempat ke-39 dari 145 buah negara dengan skor lima iaitu skor sepuluh yang paling kurang kadar rasuah manakala skor kosong adalah negara yang teruk diresapi rasuah berbanding dengan tahun 2003 di mana Malaysia diletakkan di tempat yang ke-37 dari 133 buah negara dengan skor 5.2.

Tuan Yang di-Pertua, skor ini adalah merupakan persepsi dan kadangkala tidak melambangkan keadaan sebenar. Ada masanya tindakan yang diambil oleh sesebuah negara disalahtafsirkan dan memberikan persepsi yang berbeza. Pada masa ini kerajaan mengambil langkah dan tindakan yang serius untuk menangani masalah rasuah dan tindakan ini mungkin disalah anggap oleh pihak luar dengan menganggap bahawa rasuah semakin menular walaupun keadaan sebenar adalah tidak begitu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memerangi rasuah dipertingkatkan melalui pelbagai tindakan seperti memperbaiki sistem pentadbiran, mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa khas untuk memperbaiki sistem dan prosedur kerja, meningkatkan kerjasama dua hala dengan negara lain di rantau Asia Pasifik dalam usaha pencegahan rasuah, mewujudkan Institut Integrasi Malaysia, penubuhan Akademi Pencegah Rasuah dan sebagainya adalah merupakan

tindakan proaktif untuk menentukan bahawa cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh, ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Tindakan-tindakan tegas ini mungkin disalahtafsirkan sehingga ada pihak yang menganggap bahawa rasuah semakin menular walaupun pada hakikatnya perkara ini tidak benar dan ini menimbulkan persepsi yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan akan terus berusaha untuk mengubah persepsi ini dan meningkatkan kedudukan negara dan usaha ini akan dapat dilaksanakan dengan komitmen dan kesungguhan dari semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di antara *statement* yang terbaik mengenai rasuah daripada kerajaan yang kita dengar.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada pemantauan kerajaan, apakah sebenarnya punca yang berlakunya rasuah terutama di kalangan kakitangan perkhidmatan awam dan sejauh manakah undang-undang yang ada hari ini boleh memberi kesedaran kepada pihak pemberi dan penerima rasuah? Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dari aspek kakitangan, kita sekarang ini berusaha untuk memberi dari segi semua aspek kesedaran (*awareness*), dengan izin, kepada kakitangan dan juga masalah ini adalah daripada bukan kakitangan kerana pihak-pihak luar ataupun pelanggan-pelanggan yang datang daripada agensi kerajaan, biasanya apabila mereka ada masalah ataupun mereka membawa sesuatu perkara kepada meja kakitangan, nampaknya mereka ini tidak lengkap. Katakanlah contohnya dokumen-dokumen yang tidak lengkap. Oleh sebab itu apabila mereka ini sempurnakan dokumen ini, sekali lagi mereka ini mencari satu jalan yang, dengan izin, *shortcut* ataupun cepat, maka mereka ini cuba memberi rasuah kepada kakitangan. Kadang-kadang pada masa yang sama mungkin, mungkin ya, ini apa yang kita tahu, mungkin kakitangan tersebut mempunyai masalah sendiri; dia belum bayar kereta dua, tiga bulan, dia belum bayar rumah dua, tiga bulan, dia perlukan sedikit wang. Bukannya niat dia hendak ambil rasuah tetapi

duit itu jadi satu perkara yang penting dan mustahak pada masa itu. Ini adalah salah satu yang kita nampak rasuah ini menular kepada agensi-agensi kerajaan.

Selain daripada itu, undang-undang yang sedia ada cukuplah Yang Berhormat, kita telah buat pindaan beberapa kali dan kita juga telah menambah *fine* dan penjara. Pada dekad ini kita masih dalam keadaan mengawal dan kita akan terus memantau perkara rasuah ini dari segi kakitangan dan juga dari luar. Terima kasih.

11. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah subsidi bahan bakar diberi oleh kerajaan pada tahun ini dan mengenai kenaikan harga minyak dunia adakah ia mendatangkan beban yang teruk kepada kerajaan dalam membantu mensubsidikan bahan bakar ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat, kesan daripada kenaikan harga minyak mentah dunia sehingga USD56 satu tong, kerajaan terpaksa mengganggu pemberian subsidi sebanyak RM13.4 bilion dalam usaha menstabilkan harga runcit produk petroleum di Malaysia. Memang ini mendatangkan beban kepada kerajaan tetapi kerajaan perlu memberi subsidi untuk memastikan rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan harga minyak ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi Haji Abdul Hamid.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya. Kita tahu bahawa diesel merupakan bahan bakar yang disubsidikan oleh kerajaan. Baru-baru ini kita lihat dan kita amat kecewa bahawa penyeludupan diesel di pelabuhan dan sempadan. Jadi apakah tindakan kementerian bergabung dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk menghadapi perkara ini?

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah satu masalah yang besar. Apa yang kita sedang buat adalah *Enforcement Unit* ataupun jabatan penguatkuasaan, mereka sering mengambil tindakan dan beberapa tangkapan telah dibuat di mana mereka menggunakan lori-lori dengan tangki-tangki besar membawa diesel dan mengumpulkannya di satu tempat kemudian dijual. Di Port Dickson sahaja lebih 20 kes telah ditangkap dalam beberapa bulan ini sahaja. Begitu

juga di sempadan-sempadan di mana minyak diesel ini dibawa ke negara luar dan juga dijual kepada industri-industri lain.

Maka, *enforcement* diketatkan dan kita juga sedang mengkaji bagaimana ada juga stesen-stesen yang menjual terlalu banyak diesel. Jadi kita akan mengambil tindakan atas stesen-stesen minyak ini dan memastikan bahawa mereka hanya menjual kepada kereta-kereta dan pengangkutan dengan satu had maksimum supaya semua boleh menikmati subsidi ini. Subsidi ini bukanlah untuk industri-industri besar dan juga untuk orang-orang yang menjadi mewah kerana perbezaan harga begitu besar, setiap liter mereka boleh untung 50 sen. Kalau dijual dalam pasaran gelap, ini menjadi satu masalah tetapi kita akan terus mengambil tindakan dan kita minta juga orang ramai bekerjasama, kalau ada maklumat memberitahu kepada jabatan saya. Sekian.

12. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah tindakan kementerian bagi mengatasi kemasukan barangan makanan dari negara luar seperti daging atau ayam yang tidak disembelih atau dijangkiti penyakit ke negara kita. Adakah kementerian akan mengenal pasti pengeluar-pengeluar luar negara menjalankan penyembelihan mengikut syariat Islam. Ini boleh mengelakkan dari keraguan para pengguna Islam di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat, semua barang makanan; daging dan ayam tidak dibenarkan masuk kecuali mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan JAKIM. Langkah-langkah yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pengeksporan dari loji luar negara perlu mengisi borang permohonan yang ditetapkan oleh JPH dan JAKIM;
- (ii) semakan permohonan akan kemudian dibuat oleh JPH dan JAKIM;
- (iii) penilaian loji akan dibuat oleh JPH dan JAKIM bagi setiap permohonan yang layak.

Pihak veterinar luar negara akan memaklumkan status penyakit semasa lawatan pemeriksaan dibuat oleh JPH dan JAKIM. Status penyakit akan juga disemak dengan OIE iaitu Animal Health Organization, dengan izin. Badan Islam luar negara yang bertauliah oleh JAKIM sahaja dibenarkan memberi pengiktirafan HALAL kepada

loji luar negara tersebut. Bagi memastikan loji luar negara mengikut prosedur yang ditetapkan oleh JPH dan JAKIM, program pemantauan berkala diadakan bagi memastikan negara itu tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Semasa pemeriksaan, loji yang tidak mengikut prosedur akan dibatalkan serta-merta status pengimportannya. Sekian sahaja.

13. **Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha ataupun tindakan kementerian untuk mencantikkan lagi persekitaran ataupun landskap Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur agar ia dapat mencerminkan lagi imej serta keindahan negara kita di mata pelancong-pelancong.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak.

Tuan Yang di-Pertua, persekitaran atau landskap Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA dan kawasan sekitarnya adalah berkonsepkan Forest In The Airport, Airport In The Forest. Keluasan 375 hektar kawasan landskap KLIA telah ditanam dengan 39 ribu pokok hutan yang terdiri daripada 300 jenis spesies pokok hutan hujan tropika yang menggambarkan identiti Malaysia. Pelaksanaan penanaman pokok-pokok ini di bawah pengawasan dan khidmat nasihat Forest Research Institute Of Malaysia (FRIM)

Di samping itu seluas 4,200 hektar tanah rizab KLIA telah ditanam dengan pokok kelapa sawit. Selain daripada mencerminkan salah satu aktiviti ekonomi Malaysia, pokok kelapa sawit ini juga bertindak sebagai penyerap pencemaran bunyi pesawat di samping mengindahkan landskap KLIA. Strategi peningkatan dan penambah baikkan landskap di KLIA adalah seperti berikut:

- (a) Projek berterusan penggantian pokok-pokok renek (*shrubs*) ataupun pokok-pokok hutan yang mati. Pokok-pokok renek (*shrubs*) yang telah matang dan hampir pupus, ia akan diganti dan ditanam dengan pokok renek yang lebih sesuai untuk memberi imej baru. Walau bagaimanapun, tidak akan mengubah konsep asal landskap KLIA – *Airport In The Forest* ataupun *Forest In The Airport*. Pokok-pokok hutan hujan tropika

yang mati akibat bencana alam akan diganti dengan spesies yang sama di samping tambahan penanam di kawasan baru yang bersesuaian.

- (b) Menaikkan taraf landskap di kawasan Plaza KLIA, kawasan Plaza yang terletak di tengah-tengah blok pemakiran kenderaan berbumbung A, B dan C, D adalah kawasan strategik dan sesuai untuk dibangunkan serta dinaikkan taraf landskapnya. Kawasan Plaza mempunyai air terjun buatan manusia yang mengalir ke kolam berbentuk anak sungai. Sebelah kiri dan kanan aliran anak sungai ini terdapat pokok-pokok hutan dan pokok *palm*. Pelancong-pelancong dan penumpang-penumpang sering kali bersantai di kawasan ini sementara menunggu waktu pelepasan.
- (c) Landskap dalaman (*indoor landscape*) bagi tahun 2005, Malaysia Airport Sepang akan mempertingkatkan landskap dalaman terutamanya di Dewan Ketibaan, *contact peer* dan juga bangunan satelit dan tempat-tempat yang strategik.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****Bacaan Kali Yang Kedua****11.15 pagi**

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2005 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali yang kedua.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala kerana dengan izinNya, saya dapat menyampaikan perutusan Bajet 2005. Di sini saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad di atas kejayaan beliau menerajui usaha pembangunan negara. Kerajaan bertekad untuk memastikan kejayaan yang telah dicapai ini kekal menjadi milik kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2005 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelapan dan sebagai tahun asas penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Agenda pembangunan diteruskan melalui dasar pro-pertumbuhan dan setiap lapisan masyarakat akan didorong untuk meraih peluang dalam pelbagai aktiviti ekonomi agar dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana aman dan harmoni. Kemakmuran dicapai selaras dengan pembangunan pesat ekonomi negara.

Sejak Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri dan Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2005 di Dewan Rakyat pada 10 September 2004 yang lalu, prestasi ekonomi negara terus menunjukkan perkembangan yang kukuh. Ekonomi berkembang dengan memberangsangkan sebanyak 7.6 peratus bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2004. Pertumbuhan ini dicapai meskipun persekitaran luar negara adalah tidak menentu berikutan kesan harga minyak dunia dan peningkatan kadar faedah di Amerika Syarikat.

Petunjuk ekonomi terkini juga menggambarkan arah aliran yang meningkat. Antaranya Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) berkembang kukuh sebanyak 12%

bagi tempoh Januari hingga Oktober 2004. Nilai eksport berkembang kukuh pada kadar 21.8%, manakala import mencatatkan pertumbuhan pesat sebanyak 27.5% bagi tempoh Januari hingga Oktober 2004.

Imbangan perdagangan luar negara terus mencatat lebihan selama 84 bulan berturut-turut sejak November tahun 1997. Harga getah meningkat kepada 465 sen sekilogram bagi tempoh Januari hingga November, berbanding dengan 384 sen bagi keseluruhan tahun 2003. Minyak sawit sebanyak RM1,683 setan metrik berbanding dengan RM1,572 dalam tempoh yang sama.

Bilangan ketibaan pelancong ke Malaysia kembali meningkat dengan ketara kepada 13.1 juta bagi tempoh Januari hingga Oktober 2004, berbanding dengan 8.1 juta bagi tempoh yang sama tahun 2003.

Jualan kereta penumpang meningkat 11.9% bagi tempoh Januari hingga September 2004, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 10.7% bagi tempoh yang sama 2003. Rizab antarabangsa negara terus meningkat tinggi daripada RM170.7 bilion atau USD44.9 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM239.3 bilion atau USD44.9 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM239.3 bilion ataupun USD63 bilion pada 30 November 2004.

Indeks komposit bursa Malaysia melonjak daripada 850 mata semasa hari pembentangan Bajet 2005, mencecah paras tertinggi 920 mata pada 2 Disember dan ditutup pada paras 894 mata pada 10 Disember 2004. Berdasarkan kepada penunjuk-penunjuk ekonomi di atas yang menggalakkan serta jangkaan pertumbuhan suku keempat yang terus kukuh, kerajaan yakin pertumbuhan KDNK sebanyak 7% bagi keseluruhan tahun 2004 yang disasarkan semasa pembentangan Bajet 2005 dapat dicapai. Peranan semua pihak sangat penting, termasuk sektor swasta yang kini sudah bersedia untuk menerajui semula pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur pertumbuhan ekonomi terus memberangsangkan walaupun persekitaran luar negara adalah tidak menentu. Kerajaan telah mengimbuai strategi Bajet 2005 dengan memberi tumpuan kepada empat strategi berikut:

- (i) meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan Kerajaan, kecekapan sistem penyampaian dan daya saing;
- (ii) mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai ditambah yang tinggi;

- (iii) membangunkan sumber manusia atau *human capital* sebagai pemangkin pertumbuhan; dan
- (iv) memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan.

Peruntukan Bajet 2005.

Kerajaan mencadangkan sejumlah RM117.4 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2005. Sebanyak RM89.1 bilion atau 75.9 peratus adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM28.3 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Peruntukan pembangunan terbesar sebanyak 49.1 peratus atau RM13.9 bilion disediakan bagi sektor ekonomi untuk menampung keperluan infrastruktur, pertanian dan perindustrian. Sebanyak RM7.6 bilion (26.9%) diperuntukkan bagi sektor sosial termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan dan perumahan. Manakala RM3 bilion (10.6%) diperuntukkan bagi sektor keselamatan dan RM3.8 bilion ringgit (13.4%) bagi sektor pentadbiran am.

Tuan Yang di-Pertua, strategi pertama, meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan, kecekapan sistem penyampaian dan daya saing. Kerajaan meneruskan usaha mengurangkan deposit fiskal secara beransur-ansur supaya tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan sebaliknya dapat mengekalkan kecergasan kegiatan ekonomi. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dianggarkan terus berkurangan daripada 5.3% daripada KDNK pada tahun 2003 kepada 4.5% pada tahun ini dan seterusnya kepada 3.8% pada tahun 2005.

Beberapa langkah akan diambil, terutamanya melalui penyusunan semula sistem percukaian untuk menjadi lebih efisien, mesra perniagaan serta berupaya menjana punca hasil yang stabil.

Kerajaan akan memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau, dengan izin, *Goods and Services Tax (GST)* pada tahun 2007. Kerajaan akan mengadakan perbincangan serta dialog dengan pelbagai pihak untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya. Di samping itu, sebuah panel kajian semula sistem percukaian telah pun ditubuhkan bagi mengkaji sistem cukai pendapatan serta Akta Cukai Pendapatan 1967.

Selain itu, kerajaan juga akan mengambil langkah bagi meningkatkan lagi keberkesanan pungutan hasil cukai. Ini termasuk membenarkan pembayaran zakat

perniagaan sebagai potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. Langkah ini dijangka akan dapat mengurangkan kos kendalian perniagaan.

Kerajaan akan terus memperkemas serta menyusun semula jentera pentadbiran dan sistem perkhidmatan awam. Bagi meningkatkan ketelusan dan mempercepatkan proses kelulusan, kerajaan memperkenalkan, dengan izin *Disclosure Based Regulation* (DBR), manakala untuk mempercepatkan bayaran dan menjamin ketepatan maklumat kewangan sistem *e-Treasury* akan terus dilaksanakan.

Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam terutama di Lembah Klang, pelbagai langkah telah dirancang. Inisiatif terbaru kerajaan adalah pelaksanaan Integrasi Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang, ataupun (ISPALK) yang dilancarkan pada 26 November 2004, dengan matlamat membangun satu sistem pengangkutan bandar yang bersepadu, efisien dan menguntungkan di Lembah Klang. Sistem ini akan diurus secara profesional berasaskan tanda arah terbaik antarabangsa.

Sebuah syarikat milik penuh kerajaan, Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras (RAPID KL) yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang mudah, selesa dan cekap pada kos yang berpatutan telah pun dilancar dengan pengguna dijangka menunggu bas kira-kira 7.5 minit atau selewat-lewatnya 15 minit ketika waktu puncak. Saya berharap lebih ramai warga kota menggunakan perkhidmatan ini supaya dapat mengurangkan kesesakan di Lembah Klang.

Bagi memastikan aset kerajaan terpelihara, satu skim penyelenggaraan yang sistematik akan diwujudkan. Di bawah program ini sebanyak RM500 juta disediakan dan dilaksanakan secara penyemburan luar, *outsourcing*, dengan kontrak diagihkan kepada kontraktor kecil terutamanya Kelas F di peringkat daerah. Satu garis panduan mengenai kaedah pelaksanaan dan pengagihan projek penyelenggaraan infrastruktur awam sedang disediakan dan akan dikeluarkan sebelum penghujung bulan ini.

Kerajaan komited untuk melaksanakan langkah menerap budaya berprestasi tinggi sebagai agenda nasional. Perhatian khusus akan diberi kepada langkah menerapkan budaya berprestasi tinggi melalui penunjuk prestasi utama, meninggikan tahap integriti serta disiplin berpandukan Pelan Integriti Nasional (PIN). Selain itu kerajaan juga telah memperkenalkan ganjaran berasaskan prestasi (PLC) untuk syarikat berkaitan kerajaan. Usaha juga akan diambil bagi memajukan nilai etika dan urus tadbir serta memerangi gejala rasuah.

Bagi menentukan kejayaan pelaksanaan PIN, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM6 juta. Sehingga kini IIM telah menganjurkan beberapa siri ceramah, taklimat dan seminar bagi meningkat kesedaran dan kefahaman mengenai integriti terutamanya kepada agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua, mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai ditambah yang tinggi. Dalam kita melangkah ke hadapan, kerajaan berhasrat mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai ditambah yang tinggi, terutama di sektor pertanian, perkhidmatan dan pembuatan.

Pelaburan domestik akan terus digalakkan di samping menarik pelaburan asing FDI dalam memajukan sektor ekonomi terpilih dan strategik. Dasar menjadikan sektor pertanian sebagai jentera ketiga pertumbuhan mempunyai dua objektif iaitu menambah pendapatan dan mengurangkan pergantungan yang berlebihan kepada import terutamanya barangan makanan. Pelbagai insentif cukai seperti potongan 100% ke atas perbelanjaan modal, taraf perintis dan elaun pelaburan semula telah disediakan untuk memodenkan dan mengkormesialkan sektor pertanian. Sebanyak RM1.5 bilion disediakan untuk projek pertanian khususnya yang memberi manfaat kepada pekebun kecil.

Pertanian komersial akan terus digalakkan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar global yang kompetitif bagi produk pertanian berkualiti tinggi melalui peningkatan *output*, R&D dan aplikasi teknologi moden. Syarikat swasta akan digalakkan bergiat cergas dalam pertanian komersial melalui perwujudan dana RM300 juta. Sementara itu Universiti Putra Malaysia akan dijadikan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian bagi melahirkan sumber tenaga mahir di bidang pertanian.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai kepakaran dalam bidang persijilan logo 'Halal' berdaftar yang diiktiraf di seluruh dunia. Negara kita berpotensi untuk menjadi pengeluar dan pengeksport produk 'Halal' terkemuka di dunia. Bagi memantapkan lagi kedudukan negara semua produk 'Halal' yang dihasilkan mesti berkualiti tinggi dan mencapai piawaian antarabangsa.

Untuk itu dana khas pembangunan dan promosi produk 'Halal' diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Kerajaan juga mencadangkan elaun cukai pelaburan sebanyak 100% diberi bagi tempoh 5 tahun untuk menggalakkan lebih ramai pelabur menceburi pengeluaran produk 'Halal'.

Memperkaya Sektor Perkhidmatan.

Sektor perkhidmatan merupakan satu lagi penjana kejayaan dan kekayaan negara. Justeru itu langkah akan diambil bagi memperkukuh aktiviti terpilih untuk menerajui pertumbuhan masa depan terutamanya dalam subsektor kewangan dan pasaran modal serta teknologi maklumat dan komunikasi. Kerajaan akan meneruskan usaha memperluaskan pasaran bon domestik dan mempelbagaikan sumber pembiayaan alternatif. Untuk memberi manfaat kepada warga emas kerajaan akan menambah lagi terbitan Bon Merdeka. Sebanyak RM1.9 bilion telah diterbitkan hingga 1hb Oktober 2004 dengan kadar pulangan 5% setahun. Dan sebanyak RM1.75 bilion lagi akan diterbitkan sehingga penghujung tahun 2005.

Seperti yang telah diumumkan kerajaan bercadang memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang dibayar kepada syarikat bukan pemastautin daripada *debenture* dan sekuriti Islam dalam nilai ringgit selain daripada stok pinjaman boleh tukar (*convertible loan*), dengan izin, yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Memandangkan matlamat pemberian pengecualian cukai adalah untuk menarik kemasukan dana daripada syarikat bukan pemastautin yang beroperasi di luar negara sahaja, sukacita dijelaskan bahawa layanan pengecualian tersebut tidak meliputi syarikat bukan pemastautin yang beroperasi di Malaysia. Ini adalah juga selaras dengan layanan pengecualian ke atas pendapatan faedah yang diperolehi oleh syarikat bukan pemastautin daripada deposit di bank dan syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah BAFIA 1989 yang mana tidak diperluaskan kepada syarikat bukan pemastautin yang beroperasi di Malaysia.

Kerajaan bertekad menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam memandangkan pasaran kewangan Islam mempunyai potensi luas untuk berkembang pesat dan kita pula mempunyai pengalaman, kepakaran dan peneraju dalam bidang ini serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Untuk mengukuhkan lagi kedudukan ini beberapa langkah kita dicadangkan termasuk menubuhkan sebuah institusi latihan antarabangsa bagi melahirkan pakar dalam sistem kewangan Islam dan membuka kaunter perbankan Islam bagi cawangan bank tempatan di luar negara. Kerajaan juga telah menerbitkan Bil Perbendaharaan Islam iaitu Sekuriti Islam berjangka pendek di samping akan menambah terbitan pelaburan kerajaan iaitu sekuriti Islam berjangka sederhana dan panjang pada tahun 2005. Untuk mempelbagaikan penerbitan Sekuriti Islam tersebut, kerajaan telah

meluluskan rang undang-undang bagi meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983 yang akan dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang.

Sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua tertinggi tukaran wang asing negara selepas hasil eksport barangan pembuatan dan dianggarkan memperoleh RM30 bilion pada tahun ini. Untuk merancakkan lagi aktiviti sektor ini promosi akan diperhebatkan lagi bagi menarik lebih ramai pelancong asing khususnya dari Asia Barat, China dan Jepun. Di samping itu pelancongan pendidikan turut digalakkan dengan penyediaan pelbagai insentif cukai termasuk pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah diberi kepada IPTS yang bergabung.

Bagi meningkatkan pelancongan kesihatan, antara langkah yang akan diambil oleh kerajaan ialah menggalakkan pembentukan syarikat kesihatan multinasional Malaysia dan melonggarkan syarat imigresen bagi pakar perubatan dan terapi asing.

Bagi terus membangunkan sektor ICT serta Koridor Raya Multimedia (MSC) sumber pertumbuhan baru akan dibangunkan terutamanya industri *Shared Services* dan penyebaran luar di mana Malaysia telah dinilai sebagai lokasi ketiga terbaik di dunia bagi industri ini.

Bagi memaksimumkan potensi perkhidmatan, perunding dan binaan, kumpulan profesional dan kontraktor akan digalakkan untuk meneroka pasaran luar negara. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC) akan membantu mereka dalam usaha ini. Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi berkenaan untuk membantu syarikat Malaysia yang dapat kontrak di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan telah lama menjadi tunjang pembangunan negara. Perubahan struktur ke arah industri berinsentif modal dan berteknologi tinggi telah pun dimulakan. Untuk memperkasa sektor pembuatan, kerajaan akan terus menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif. Antaranya:-

- (i) mengadakan tanda arah untuk meningkatkan kualiti pengeluaran dan pemprosesan dalam memenuhi piawaian antarabangsa.
- (ii) Pusat mikroelektronik akan diwujudkan bagi menyelaraskan latihan dan reka cipta dalam sistem reka cipta dan

mikroelektronik serta meningkatkan daya saing industri separa konduktor.

- (iii) Memberi pengecualian cukai duti import kepada syarikat tempatan yang melaksanakan penyebaran luar kepada *contract manufacturer*, dengan izin, seperti yang dinikmati oleh syarikat pembuatan.
- (iv) Menghapus duit import ke atas beberapa barangan terpilih termasuk sarung tangan pembedahan, permaidani dan barangan kaca dan mengurangkan duit import ke atas beberapa bahan mentah untuk industri pakaian dan racun rumpai.
- (v) Memberi galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan kali kedua kepada syarikat sedia ada yang menempatkan semula aktiviti pembuatan ke kawasan yang digalakkan meliputi koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Kegiatan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) turut diberi perhatian supaya mereka lebih berperanan dalam pembangunan negara. Untuk menggalakkan lagi PKS pelbagai langkah akan diambil antaranya:-

- (i) membangunkan satu pangkalan data untuk membantu kerajaan melaksanakan program yang lebih tersusun di samping menyeragamkan definisi PKS;
- (ii) menambahkan peruntukan dana tabung Industri Kecil Dan Sederhana Kedua sebanyak RM1.5 bilion lagi menjadi RM4.5 bilion. Manakala Tabung Usahawan Baru Kedua juga ditambah sebanyak RM550 juta menjadi RM2 bilion; dan
- (iii) memperluaskan skop geran pembangunan pasaran dengan had maksimum geran ditingkatkan daripada RM60,000 kepada RM100,000 serta mewujudkan dana Peningkatan Kemahiran Pemasaran PKS dengan peruntukan sebanyak RM50 juta dan dana Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembangunan Dan Pelaburan Produk PKS sebanyak RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, strategi ketiga membangunkan sumber manusia (*human capital*) sebagai pemangkin pertumbuhan. Matlamat kerajaan adalah menjadikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia dalam usaha membina keupayaan

membangun masyarakat berilmu pengetahuan. Peruntukan terbesar iaitu hampir satu perempat daripada peruntukan mengurus dalam tahun 2005 diberi kepada sektor pendidikan. Sebanyak RM16.3 bilion disediakan bagi Kementerian Pelajaran dan RM5.2 bilion bagi Kementerian Pengajian Tinggi.

Bagi memenuhi keperluan peralihan strategi dalam industri, enrolmen pelajar vokasional dan teknik di politeknik, kolej komuniti, institut latihan perindustrian, Institut Kemahiran Mara dan Institut Kemahiran Belia Negara akan dipertingkatkan. Sebanyak RM670 juta disediakan bagi membina institusi baru, manakala RM248 juta disediakan bagi menaik taraf kemudahan sedia ada.

Untuk meningkatkan jumlah pelajar lepasan sekolah menengah berpeluang mengikuti latihan kemahiran, sebanyak RM190 juta diperuntukkan bagi mengadakan program dua syif di politeknik, institut latihan perindustrian, kolej komuniti dan Institut Kemahiran Mara di samping mengenal pasti sejumlah 30,000 tempat tambahan bagi tempoh 3 tahun.

Selain daripada itu program pembangunan kemahiran teknikal dan peningkatan kemahiran perindustrian akan dilaksanakan oleh pusat pembangunan kemahiran negeri bagi membantu mengatasi masalah bekalan tenaga kerja mahir. Kerajaan akan menambah bilangan tempat bagi pelajar tajaan Mara di luar negara di bawah Skim Pelajar Cemerlang daripada 700 kepada 1,000 pelajar setiap tahun. Di samping itu Khazanah Nasional akan menaja 100 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di universiti terkemuka luar negara dalam bidang teknikal dan profesional.

Kerajaan sedar betapa pentingnya peranan guru dalam melahirkan pelajar yang berkualiti. Pelbagai galakan dan kemudahan telah diadakan dan kini satu lagi insentif diberi ke arah penambahbaikan skim perguruan iaitu mewujudkan 12 jawatan khas untuk penyandang Gred Khas 3 bagi guru cemerlang dan 5 jawatan khas untuk penyandang Jusa C bagi pengetua cemerlang.

Bagi membangunkan budaya keusahawanan berdaya maju di kalangan masyarakat bumiputera, projek usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan PROSPER telah diwujudkan sejak tahun 2000. Kini sejumlah 458 perniagaan sedang beroperasi dan dianggarkan dapat menjana jualan tahunan keseluruhan melebihi RM300 juta. Seramai 1,085 usahawan runcit bumiputera telah dilahirkan, manakala lebih daripada 2,700 pekerjaan disediakan. Bidang perniagaannya sudah meliputi perkhidmatan profesional. Untuk meningkatkan rangkaian nilai ditambah dan

memperkuhkan *synergy* perniagaan, aktiviti PROSPER akan diperluaskan kepada perniagaan pemborongan. Seramai 250 lagi perniagaan baru disasarkan pada tahun hadapan. Bagi usahawan yang berdaya maju, mereka akan dibantu untuk menambah nilai melalui *branding* perniagaan. Untuk mengembangkan lagi PROSPER, sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi tahun 2005.

Program siswazah francais akan diteruskan dengan matlamat 150 pelatih setiap tahun. Peruntukan akan ditambah bagi beberapa dana termasuk dana modal teroka PNB, Skim Pembiayaan Perniagaan MARA, Skim Jaminan Usahawan Kecil dan Tabung Khas Pendidikan di bawah Bank Industri dan Teknologi. Sementara itu, dasar perolehan kerajaan juga akan digunakan untuk meningkatkan keupayaan usahawan bumiputera dan menggalakkan pemindahan teknologi. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D akan distrukturkan semula ke arah memenuhi permintaan pasaran. Bagi mencapai tujuan ini, aktiviti R&D ditumpukan kepada empat bidang utama iaitu bioteknologi, ICT, *advance materials* dan *advance manufacturing*.

Galakan turut diberi kepada penyelidik dan pereka cipta sektor awam seperti pemberian royalti yang setimpal, pegangan ekuiti dalam syarikat, kelonggaran menjalankan penyelidikan dengan pihak industri dan melanjutkan perkhidmatan selepas persaraan wajib mengikut keperluan. Di samping itu, kerajaan akan menyediakan insentif potongan cukai dan taraf perintis kepada syarikat milik tempatan bagi menerajui pengkomersialan hasil R&D tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi keempat, memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan. Kerajaan berazam untuk menghapuskan kemiskinan tegar yang pada masa ini hanyalah 1% iaitu melibatkan 52,900 isi rumah. Semua program membasmi kemiskinan di bawah pelbagai agensi akan diselaraskan. Pengesahan senarai keluarga miskin tegar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan dilaksanakan untuk mengkaji profil keluarga dan merangka program khusus. Daftar keluarga miskin tegar di bandar pula akan disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebanyak RM94.2 juta disediakan untuk program bantuan rumah, program peningkatan pendapatan, program tambahan makanan seimbang, program pembangunan minda insan dan program latihan dan pendidikan.

Sejumlah RM205 juta disediakan bagi Skim Baucar Tuisyen untuk anak golongan berpendapatan rendah. Pelan Komprehensif Pembangunan Masyarakat

Orang Asli di dalam pendidikan kesihatan, pemilikan harta dan pembangunan prasarana serta pembangunan minda akan dilaksanakan. Tiga program utama yang akan diteruskan ialah Program Penempatan Tersusun, Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Sosial. Bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan mesra OKU seperti kawasan *barrier free* dan kemudahan ICT.

Bagi tujuan ini, Jawatankuasa Kerja Teknikal Kemudahan Akses di bawah Majlis Penasihat dan Perundingan Kebangsaan bagi OKU telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab ke atas penyediaan kemudahan akses bagi pengangkutan, bangunan dan kemudahan awam. Jurubahasa isyarat akan juga ditambah, di samping kempen mendaftar OKU akan diperhebatkan. Kerajaan telah menaikkan pelepasan cukai tambahan bagi OKU serta menyediakan elaun bulanan RM25 seorang kepada pelajar kurang upaya yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti dan sekolah khas kelolaan pertubuhan sukarela kerajaan.

Kerajaan juga bersetuju supaya perbelanjaan makanan dan minuman harian bagi penghuni institusi pemulihan dan perlindungan dinaikkan daripada RM3.90 kepada RM8.00 seorang. Kerajaan komited untuk menyediakan liputan sepenuhnya kemudahan bekalan air, elektrik, telefon serta hubungan jalan di luar bandar. Sebanyak RM130 juta disediakan dalam tahun 2005 untuk program bekalan elektrik dan RM95 juta untuk bekalan air. Sejumlah RM174 juta lagi disediakan untuk membina jalan kampung dan RM50 juta untuk menyiapkan dan membina jalan luar bandar. Sejumlah RM18.7 juta disediakan bagi meningkatkan taraf kesihatan penduduk di luar bandar.

Di samping itu, bagi menangani jurang digital, kemudahan makmal komputer di sekolah luar bandar telah disediakan. Program Info-Desa dan Internet Desa juga akan diperluaskan. Bagi menggalakkan budaya membaca dan menangani jurang pengetahuan serta digital, kerajaan menaikkan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan membeli buku kepada RM700 setahun daripada RM500 sebelumnya. Rebet cukai bagi pembelian komputer peribadi dinaikkan kepada RM500 setahun daripada RM400 sebelumnya.

Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM30 juta di bawah Jabatan Perpustakaan Negara untuk menyediakan perpustakaan desa terutamanya untuk membiayai bahan bacaan. Sebanyak 245 kampung dan rancangan tanah peneroka

dijangka disediakan kemudahan ini dan kerja perancangan sedang berjalan. Kerajaan bertekad untuk memastikan setiap rakyat mempunyai peluang menduduki rumah mampu milik (*affordable homes*), dengan izin. Kerajaan berhasrat menyediakan 100,000 unit lagi rumah mampu milik yang akan dilaksanakan dengan kaedah *Industrialized Building System* (IBS) yang dapat menjimatkan kos, meningkatkan kualiti pembinaan serta mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Kerajaan menyediakan RM778 juta bagi membina 21,000 unit rumah kos rendah di bawah program perumahan rakyat untuk penduduk setinggan di Kuala Lumpur dan bandar utama.

Sebanyak RM177 juta lagi diperuntukkan secara pinjaman kepada kerajaan negeri bagi meneruskan pembinaan 3,000 unit rumah di bawah projek perumahan awam kos rendah. Selain daripada itu, peruntukan untuk projek perumahan mesra rakyat akan ditambah sebanyak RM100 juta. Ini akan membolehkan 2,500 petani dan nelayan serta golongan miskin mendapat pembiayaan untuk membina rumah di atas tanah mereka sendiri. Satu kaedah untuk memastikan pembinaan rumah mampu milik ialah penswastaaan tanah kerajaan secara tender, di mana pemaju swasta akan membina rumah berkenaan sebagai balasan bagi hak memajukan tanah tersebut. Sebagai projek perintis, kerajaan akan mengadakan tawaran tender untuk melaksanakan pembangunan bersepadu di mukim Pantai Dalam Kuala Lumpur, di mana seramai 1,000 isi rumah kini tinggal di rumah panjang sementara.

Adalah penting kawasan bandar dan pinggir bandar mempunyai penempatan yang mencerminkan komposisi pelbagai kaum. Justeru, kerajaan akan mengambil langkah untuk meningkat dan mengekalkan kehadiran serta pemilikan kediaman dan hartanah komersial oleh bumiputera di pusat bandar. Sebagai permulaan, kerajaan akan membangunkan tanah bekas Penjara Pudu sebagai pusat komersial dan perumahan. Kerajaan akan terus memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkualiti. Untuk memantapkan perkhidmatan kesihatan, hampir RM7.9 bilion diperuntukkan bagi tahun 2005. Bagi menjadikan profesion kedokteran awam lebih *remunerative*, kerajaan akan melaksanakan kaedah rawatan swasta di hospital awam terpilih bermula dengan Hospital Putrajaya dan Selayang.

Bagi menggalakkan gaya hidup sihat pula, kerajaan mencadangkan satu duti import dan duti eksport ke atas rokok dan minuman dinaikkan. Kerajaan sedar bahawa langkah perlu diambil bagi memelihara kepentingan wanita. Sehubungan itu, sejumlah

RM37.8 juta disediakan bagi melaksanakan program pembangunan wanita di samping memberi geran bantuan tahunan kepada NGO dan pertubuhan kebajikan terpilih yang mengendalikan rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak. Bagi program pembangunan keluarga termasuk pemulihan akhlak dan pusat harian warga emas, sejumlah RM129.5 juta disediakan.

Kerajaan juga prihatin terhadap kebajikan mereka yang diwajibkan bersara sebelum mencapai umur 55 tahun. Untuk meringankan beban cukai pekerja yang perlu bersara wajib pada umur antara 50 hingga 55 tahun, kerajaan mencadangkan supaya pengecualian cukai pendapatan diberi ke atas manfaat persaraan yang diterima sehingga RM6,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya menyanjung tinggi jasa anggota angkatan tentera, polis serta pasukan beruniform lain yang sanggup berkorban demi menjamin keamanan negara. Untuk meninggikan lagi kecekapan dan keberkesanan pihak polis, kerajaan akan menyediakan kelengkapan yang canggih, alat komunikasi dan kereta berkelajuan tinggi di samping kemudahan dan pembaikan bangunan. Sebagai penghargaan, kerajaan telah pun membayar pelarasan gaji skim perkhidmatan polis berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004. Arahan juga telah dikeluarkan untuk melaksanakan bayaran insentif kepada Pasukan Gerak Khas (PGK), Polis Diraja Malaysia dan pasukan komando Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mulai pada 1 Januari 2005. Selain daripada itu, kerajaan akan menambah kadar bayaran makanan harian untuk pelatih polis.

Untuk kakitangan awam pula, kerajaan telah membayar bonus satu bulan gaji pada bulan Oktober dan Disember ini. Kerajaan berharap kakitangan awam akan berkhidmat lebih gigih untuk membangunkan negara ini supaya manfaatnya dapat dikongsi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, prospek ekonomi 2005. Strategi dan langkah-langkah tersebut, insya-Allah, akan mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara. Pertumbuhan KDNK dijangka pada kadar 6% bagi tahun 2005. Penglibatan sektor swasta dalam kegiatan ekonomi dijangka semakin menyerlah. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara, pendapatan per kapita dijangka meningkat melebihi RM16,000. Dengan paras inflasi yang kekal rendah, kuasa beli *parity* dijangka bertambah melebihi USD10,000. Negara juga akan terus mencatat tahap guna tenaga

penuh. Ini semua memberi gambaran akan kedudukan, kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita terus maju ke hadapan mengikut corak pengurusan kita sendiri. Di samping bersyukur kepada Allah S.W.T. tidak salah kita berbangga atas pencapaian cemerlang ini.

Namun kemajuan dan kekuatan ekonomi semata-mata bukanlah matlamat kita. Yang kita utamakan ialah keseimbangan pembangunan kebendaan dan kerohanian. Oleh itu nilai agama budaya dan tradisi seharusnya digarap sebagai tunjang untuk mendorong pencapaian pembangunan yang lebih gemilang. Kita juga bersyukur kerana negara ini bebas dari bencana alam dan mala petaka besar, tiada berlaku kekacauan dan peperangan termasuk keganasan di atas nyawa dan kemusnahan harta benda seperti yang berlaku di negara-negara lain.

Marilah kita berdoa semoga keamanan, keharmonian, kemakmuran, keselamatan dan kestabilan yang kita kecapai selama ini akan terus dinikmati. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya silakan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

12.02 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat beri saya terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kementerian Kewangan di atas Bajet yang

telah dibentangkan ke Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2005 itu. Itu merupakan Bajet yang pertama yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Yang Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan Pertama dan pada hari yang mulia ini kita berpeluang mendengar Menteri Kewangan Kedua membentangkannya di Dewan yang mulia ini.

Saya sentiasa mengikuti perkembangan di Kementerian Kewangan oleh kerana ia merupakan satu nada yang begitu penting bagi negara sama ada kita dapat mencapai sesuatu atau tidak itu terpulung kepada usaha mereka untuk menguruskan wang kita dan apa yang menarik saya ialah pada kali ini kita melihat tiga orang tokoh Menteri dan Setiausaha Parlimen dari Pulau Pinang menjadi ketua pemimpin di kementerian ini. Yang pertama ialah Perdana Menteri kita yang kedua, ialah Menteri Kewangan Kedua yang berasal dari Sekolah Penang Free yang juga merupakan sekolah yang mana saya menjadi murid; dan yang ketiga ialah Setiausaha Parlimen yang bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, sekarang Ahli Parlimen bagi Balik Pulau.

Jadi, di bawah pucuk pimpinan ketiga-tiga tokoh politik ini saya yakin bahawa wang negara kita akan diuruskan dengan baik demi kepentingan rakyat jelata dan demi mencapai supaya negara kita dapat mencapai satu tahap kemajuan seperti yang kita telah rancangkan itu dan harapan saya ialah sebelum tahun 2020 kita akan mencapai satu taraf.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya menghuraikan beberapa strategi yang telah disebut-sebutkan tadi. Seperti kita mendengar tadi maka pada Bajet 2005 ini kerajaan telah merancangkan empat strategi yang penting, iaitu yang pertama meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan. Bagi saya ini adalah sangat penting kerana tanpa kita menguruskan kewangan kerajaan dengan baiknyanya maka sukarlah bagi kita menentukan bahawa kita dapat mencapai apa yang kita berhasrat berbuat itu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah rasa pada ucapan belanjawan itu bahawa kecekapan sistem penyampaian dan juga daya saing itu juga adalah penting dan dengan pengurusan kewangan kerajaan dengan baik akan memastikan bahawa mas depan negara kita itu masih cemerlang.

Dasar yang kedua ialah mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai ditambah yang tinggi, juga bagi saya satu perkara yang amat penting dan patut diberi perhatian oleh kerajaan kerana kalau kita tidak ke tahap demikian di

bawah globalisasi yang sedang meningkat begitu cepat itu maka kita akan ketinggalan ke belakang dan kalau kita juga tidak menambah nilai yang tinggi kepada ekonomi kita maka kita tidak mencapai satu taraf kemajuan yang kita telah rancangkan itu sejak RMK-7, RMK-8 dan sebagainya.

Yang ketiga ialah tentang sumber manusia. Kerajaan telah sedar bahawa sumber manusia itu menjadi satu pemangkin pertumbuhan dan pada saya ini adalah baik. Oleh kerana itu satu amaun yang besar telah diperuntukkan untuk pendidikan termasuk juga menubuhkan satu kementerian baru iaitu Pendidikan Pengajian Tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, strategi yang keempat ialah memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan, itu juga amat penting apabila kita sampai ke satu tahap kemajuan. Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau kita melihat amaun-amaun yang akan diguna untuk tujuan ini, biar saya baca amaun yang telah dicadangkan itu iaitu kita memerlukan RM117.4 bilion untuk mencapai semua hasrat itu, iaitu RM117.4 bilion iaitu RM89.1 bilion ialah untuk mengurus dan RM28.3 bilion ialah untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi pendapatan negara hanya RM99 bilion seperti yang dijangkakan, itu bermakna kita akan menghadapi satu defisit sebanyak RM18.4 bilion. Ini adalah latar belakang yang penting. Sungguhpun kita telah melihat usaha kerajaan untuk menyamakan pendapatan dengan perbelanjaan sejak beberapa tahun yang lalu, tetapi kita dapati masih ada kekurangan sebanyak RM18.4 bilion seperti yang dirancangkan. Tuan Yang di-Pertua, ini bagi saya adalah satu amaun besar dan kita harus mengambil tahu bahawa kita kena cari jalan bagaimana kita dapat mengurangkan defisit ini.

Saya telah mengkaji defisit diskaun yang berlaku pada 2003 iaitu 5.3% daripada KDNK iaitu 5.3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Ini telah menurun pada tahun ini ke-4.5% KDNK dan dijangka defisit yang kita akan menguruskan pada 2005 akan turun lagi ke-3.8% iaitu jangkaan. Tetapi memandangkan beberapa peristiwa yang mungkin di luar kawalan kita, adakah kita dapat mengawasi perkara ini, adakah kita dapat memastikan 2005 kelak kita hanya akan menghadapi 3.0% defisit diskaun seperti yang telah dirancangkan itu.

Pagi tadi kita telah mendengar subsidi yang diberi kepada petroleum, subsidi petroleum atau hasil-hasil petroleum akibat daripada kenaikan harga minyak di

pasaran antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, kita telah diberitahu bahawa amaun ini ialah sebanyak RM13.4 bilion. Ini sudah menjadi satu amaun yang begitu besar dan kalau harga minyak akan naik lagi maka mungkin subsidi ini akan ditambah juga dan ini akan menjejaskan rancangan-rancangan kita. Sungguhpun pada masa sekarang harga minyak di pasaran antarabangsa sudah menurun daripada kadar yang tinggi, sekarang sudah kurang daripada USD50 setiap tong itu tetapi kita tidak tahulah sama ada harga ini akan meningkat pada tahun hadapan akibat daripada kemajuan-kemajuan dan pembangunan-pembangunan yang memerlukan banyak tenaga dan adakah kita sudah merancang untuk menghadapi masalah ini sekiranya harga minyak itu naik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap bahawa segala usaha akan diambil oleh kerajaan untuk melihat bagaimana kita juga boleh mengurangkan perbelanjaan yang dirancangan akan ke tahap RM117.4 bilion. Kalau tidak tentunya rancangan untuk mengehadkan defisit ini pada tahun 2005 ke-3.0% itu tidak akan menjadi satu seperti yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik kepada sistem penyusunan semula sistem percukaian seperti satu daripada langkah atau strategi pertama iaitu untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan dan saya membaca dalam ucapan itu bahawa di dalam penyusunan semula sistem percukaian ini maka cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang ada sekarang dicadangkan akan dimansuhkan dan diganti dengan satu cukai baru yang dinamakan cukai penggunaan berasaskan konsep nilai ditambah dan itu dikenali sebagai Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau GST iaitu *Goods and Services Tax*.

Saya diberitahu bahawa sistem ini akan dilaksanakan pada masa hadapan iaitu 1.1.2007 iaitu dua tahun lebih dari masa sekarang iaitu tidak lama lagi dan pada pendapat Kementerian Kewangan GST ini merupakan satu sistem percukaian yang lebih komprehensif, lebih cekap, lebih telus dan lebih berkesan. Itu adalah harapan pihak kementerian dan mereka juga menjangka bahawa GST ini mampu meningkatkan kadar pematuhan cukai (*tax compliance*), Tuan Yang di-Pertua. Ini bermakna dari segi kutipan dan sebagainya maka kita dapat mengutip apa yang harus dibayar dan bukan pada sistem yang ada sekarang di mana pihak-pihak tertentu sedang berusaha jugalah untuk mengelak daripada bayaran cukai.

Ini adalah satu langkah yang baik, kalau ini dapat mengawasi perkara *tax compliance*.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Karim minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma minta sedikit penjelasan. Apakah bezanya GST dengan VAT, Dato' Dr. Chin?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu saya harap kerajaan akan menjawab, tetapi sistem percukaian yang dicadangkan itu ada dinyatakan Yang Berhormat Datuk Haji Karim, bahawa kerajaan akan memberi peluang kepada semua pihak untuk memberi pandangan mereka ke arah melaksanakan GST ini. Jadi semasa peluang-peluang atau taklimat-taklimat itu diberi, maka kita berkesempatan untuk menyoal sesuatu dan juga memberi cadangan-cadangan tentang aspek ini.

Saya harap pada masa itu Yang Berhormat Datuk Haji Karim dan rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini akan mengambil kesempatan untuk memberi komen, sama ada dalam Dewan ini atau melalui saluran-saluran yang lain. Tetapi apa yang penting ialah kerajaan telah berjanji akan memberi peluang kepada semua pihak untuk memberi pandangan supaya apabila kita melaksanakan GST itu, maka kita akan melaksanakan satu sistem yang lebih baik. Apa yang dijangkakan Tuan Yang di-Pertua, bagi saya adalah beberapa perkara yang baik tetapi sama ada betul-betul itu akan mencapai hasrat kerajaan atau tidak saya pun tidak tahu, kerana kita akan melaksanakan satu sistem yang sudah juga dilaksanakan di beberapa negara yang lain.

Di antara kebaikan yang dijangkakan dalam sistem ini adalah, kerajaan nampaknya boleh mengurangkan kadar cukai pendapatan *individual*. Kalau itu boleh berlaku, maka itu baik kerana kita sebagai *individual* perlu bayar *tax*, perlu bayar cukai. Tetapi kalau sistem ini dapat mengurangkan kadar cukai pendapatan *individual*, itu satu petanda yang baik dan bukan *individual* sahaja Tuan Yang di-Pertua, tetapi dijangkakan syarikat juga akan dapat mengurangkan kadar cukai pendapatan mereka.

Apa yang menarik perhatian saya ialah golongan berpendapatan rendah tidak terbeban dengan pelaksanaan GST. Ini satu janji bahawa golongan berpendapatan rendah tidak terbeban dengan pelaksanaan GST ini. Kalau itu boleh berlaku, maka saya yakin ramai daripada rakyat kita tentu mengalu-alukan pelaksanaan GST ini dan bukan sahaja segelintir rakyat, tetapi ramai akan mengalu-alukannya.

Satu lagi janji yang disebutkan ialah barangan dan perkhidmatan yang merupakan keperluan asas seperti beras, gula, minyak termasuklah petroleum, diesel dan sebagainya tidak akan dikenakan GST. Itu adalah barangan dan perkhidmatan.

Perkhidmatan mungkin, kalau kita perlu cari doktor perubatan atau jika kita perlu cari arkitek untuk melukis pelan rumah dan sebagainya. Kita sekarang ini dikenakan cukai perkhidmatan, tetapi dengan sistem ini apa yang dianggap sebagai barangan dan perkhidmatan yang merupakan keperluan asas itu tidak akan dikenakan GST ataupun dikecualikan daripada GST.

Satu lagi ialah perniagaan kecil, apa yang dijanji ialah perniagaan kecil dikecualikan dari GST. Kalau semua itu dapat dilakukan, maka pada pendapat saya mungkin dengan adanya sistem GST ini keadaan kewangan kerajaan akan bertambah baik dan juga bebanan kepada rakyat itu akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang merupakan satu kehendak daripada kejayaan strategi pertama pada pendapat saya ialah, memperkemaskan sistem pencapaian perkhidmatan. Ini juga apa yang dirancang dalam Bajet 2005 ini. Ini adalah satu aspek yang sangat penting kerana bagi saya ini ada kaitan dengan banyak urusan kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dimaksudkan dalam perkara ini ialah supaya tugas pegawai-pegawai kerajaan itu berpindah daripada proses kelulusan kepada proses penguatkuasaan. Ini adalah satu penukaran minda atau *mind shift* yang penting.

Pada masa sekarang mereka diberi tugas untuk meluluskan sesuatu, tetapi dengan pindaan yang dicadangkan itu, maka mereka bukan sahaja perlu tumpukan perhatian kepada kelulusan, tetapi kepada penguatkuasaan, bermakna siapa yang mohon itu kalau dia kata semua mematuhi keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak undang-undang, maka secara automatik perkara itu akan diluluskan tanpa tunggu lagi. So, kalau kita memohon passport mungkin kalau kita menulis, saya rakyat Malaysia, saya sudah memenuhi semua syarat untuk minta passport dengan sertamerta passport boleh dikeluarkan kepada saya. Itu adalah jangkaan saya. Kalau saya masuk satu pelan kepada pihak PBT (pihak berkuasa tempatan) dan kalau arkitek saya itu menandatangani bahawa semua syarat telah dipatuhi, maka pelan itu secara automatik diluluskan tidak perlu tunggu sehingga satu tahun, dua tahun dan sebagainya.

Kalau ini boleh berlaku Tuan Yang di-Pertua, tentu sistem penyampaian yang ada sekarang menjadi satu daripada punca rasuah, kerana satu sistem penyampaian yang kurang memuaskan akan membolehkan ruang-ruang itu dibuka untuk hal-hal yang tidak sepatutnya berlaku. Jadi apa yang saya sangat tertarik dalam perkara ini ialah, kerajaan telah mencadangkan bahawa 20 set *statute* dan peraturan akan dipinda dan 104 sistem dan proses kerja di 16 kementerian akan dikemaskinikan, dan mereka akan melaksanakan sistem yang dinamakan sistem baru, ini dipanggil pendekatan DBR iaitu *Disclosure-Based Regulation* Tuan Yang di-Pertua.

Semua ini bagi saya akan memastikan bahawa penyampaian tidak merupakan satu masalah lagi, dan apa yang saya sebutkan ialah supaya peraturan baru itu hanya berdasarkan kepada pengisytiharan dan kelulusan secara automatik, kalau pemohon itu isytihar semua syarat dipenuhi seperti yang saya katakan tadi. Jadi saya harap dalam tahun 2005 ini, maka sistem sedemikian akan dilaksanakan dalam 16 kementerian yang disebutkan itu dan juga dalam segala jentera kerajaan untuk memastikan bahawa rakyat itu tidak menyoal lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan ini maka apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya mereka menukar minda mereka ke satu prosedur kerja yang baru, bukan mereka akan diberi tanggungjawab untuk meluluskan sesuatu, tetapi dari segi penguatkuasaan kalau sesuatu itu dilaksanakan, jika tidak mengikut apa yang telah dijanjikan itu, maka mereka perlu menguatkuasakan undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang telah membuat permohonan itu dan menyatakan, bahawa permohonan itu mengikut peraturan dan juga undang-undang seperti yang ada. Bukan sahaja pegawai-pegawai kerajaan Tuan Yang di-Pertua, tetapi orang awam juga termasuk mereka yang profesional, yang bekerja dalam syarikat-syarikat yang membentangkan permohonan itu semua, juga akan bertanggungjawab.

Pada saya, ini adalah satu perkara yang sangat penting dan saya telah membangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya rasa ini harus diberi perhatian yang secukupnya supaya kita bersedia untuk melaksanakan sistem ini secepat mungkin.

Kita juga mendengar Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam. Tetapi saya telah menjadi cemburu

apabila saya melihat bahawa usaha-usaha itu hanya di Lembah Klang. Kenapa bandar-bandar lain seperti Georgetown, Butterworth, Bukit Mertajam, Johor Bahru semua itu tidak mendapat satu perkhidmatan.

Memandangkan objektif untuk menambahbaikkan sistem pengangkutan ialah supaya - ada tiga sebab yang diberikan kenapa mereka telah berusaha dalam Kuala Lumpur dan juga Lembah Klang. Iaitu satu, mengelak pembaziran tenaga dan masa. Itu juga berlaku di Pulau Pinang, juga berlaku di Johor, juga berlaku di mana-mana bandar besar sekiranya ada masalah kesesakan lalu lintas. Kenapa tumpuan tidak juga diberi kepada tempat-tempat ini, kerana mereka juga menghadapi pembaziran tenaga dan masa. Mereka mengambil masa yang panjang untuk balik ke rumah atau untuk sampai ke pejabat kerja.

Yang kedua, yang menyatakan kenapa ini harus diperbaiki ialah penjimatan waktu dan penjimatan waktu juga berlaku di tempat-tempat seperti saya sebutkan, bukan sahaja di Kuala Lumpur.

Kalau waktu perjalanan itu dikurangkan maka produktiviti akan meningkat, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga menghadapi masalah itu di bandar-bandar lain. Jadi kalau tujuan ini ialah supaya rakyat itu dapat menikmati lebih masa bersama keluarga dan membolehkan mereka sampai ke destinasi lebih cepat, lebih awal maka, tidakkah rancangan sedemikian juga akan dilaksanakan di tempat-tempat lain.

Di Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, kita ada SPNB iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad. Kita ada RAPID Kuala Lumpur - Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. Kita ada Jawatankuasa INSPAK iaitu Jawatankuasa Pemandu Integrasi dan Penyusunan Semula Sistem Pengangkutan Awam di Lembah Klang. Tetapi di bandar-bandar lain kita satu pun tiada Tuan Yang di-Pertua. Kita juga bayar cukai, kita juga menyumbang kepada tabung kerajaan, tidakkah kita juga di bandar-bandar lain itu memerlukan satu bantuan sedemikian? Saya harap kerajaan bukan sahaja akan menumpukan semua perhatian ke sini, tetapi juga akan memberi bantuan. Oleh kerana itu apabila saya melihat ini saya berasa cemburu Tuan Yang di-Pertua, kerana saya bukan seorang yang bermastautin di Kuala Lumpur, saya dari Pulau Pinang, saya dari Utara dan apabila saya balik ke sana saya ceritakan kepada rakyat di sana, "Wah Kuala Lumpur dapat begitu banyak kemudahan, tetapi kita satu pun tidak dapat". Itulah merupakan satu keadaan yang

pada saya tidak patut berlaku, kerana kita semua adalah rakyat dan patut diberi bantuan dan kita bukan anak tiri di tempat-tempat luar dari Kuala Lumpur.

Saya berharap selepas RAPID KL itu, RAPID KL baru sahaja ditubuhkan iaitu bulan November ini, beberapa hari sahaja Tuan Yang di-Pertua dan mereka telah berusaha dan mengambil alih lebih kurang 65% daripada perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang ini dan dengan pengalaman mereka, mereka akan memberi bantuan kepada bandar-bandar lain supaya bandar-bandar ini juga dapat melaksanakan satu sistem untuk mengatasi atau mengurangkan kesesakan lalu lintas. Kalau tidak, maka bandar-bandar seperti Pulau Pinang, Georgetown, itu akan menghadapi banyak masalah dari segi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat kerajaan akan melaksanakan beberapa galakan yang penting, dan di antara satu galakan yang dirancangkan oleh mereka ialah galakan untuk menempatkan semula aktiviti pembuatan ke kawasan yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat ini, kita nampak dasar ini pada pendapat saya ada sedikit masalah. Kita sudah kenal pasti bahawa kawasan yang harus digalakkan itu ialah dua tempat iaitu Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu dan juga Selatan di kedua-dua negeri itu.

Yang kedua ialah Sabah dan Sarawak, iaitu dikenal pasti sebagai *corridor* yang digalakkan dan kerajaan telah bercadang untuk menempatkan atau menggalakkan syarikat-syarikat yang ada di Selangor mungkin di Pulau Pinang, di Perak itu semua pindah ke tempat ini dengan memberikan mereka insentif-insentif, dan insentif-insentif diberikan percukaian bagi kali kedua, iaitu insentif yang mereka telah menikmati. Kalau mereka pindah, maka mereka akan dapat kemudahan dan juga galakan satu kali lagi, Tuan Yang di-Pertua..

Kalau kita melihat cara ini, biar saya sebutkan amaun yang telah dicadangkan Tuan Yang di-Pertua. Iaitu ke Koridor Pantai Timur RM2.5 bilion telah dicadangkan, iaitu sesiapa yang ingin pindah dari Pulau Pinang ke Kota Bharu atau dari Shah Alam ke Besut, sebagai contoh boleh memohon daripada tabung ini dan sesiapa dari sini ingin pindah ke Sabah atau pindah ke Sarawak boleh minta, boleh memohon dari satu tabung yang dicadangkan sebanyak RM3.8 bilion Tuan Yang di-Pertua. Kesemua ini, kedua-dua *corridor* RM6.3 bilion telah disediakan untuk menggalakkan pihak-pihak itu supaya pindah.

Tuan Yang di-Pertua, adakah strategi macam ini betul? Kalau mereka pindah, mungkin mereka pindah ke negara China atau pindah ke Indonesia atau pindah ke Thailand dan tidak akan pindah ke tempat ini. Adakah kita kehilangan satu pelabur di negara kita kerana kita ada dasar sedemikian? Ini saya sangat tidak bersetuju Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita berbuat demikian dan anak-anak Pulau Pinang, anak-anak Selangor mungkin kehilangan kerja sungguhpun di Kelantan, di Terengganu mungkin mereka dapat peluang-peluang yang baru kerana syarikat-syarikat ini berpindah ke tempat-tempat itu. Saya bukan sahaja membangkitkan perkara ini, tetapi saya juga ada cadangan dan saya berharap kerajaan akan mengambil kira serta ingin melaksanakan satu idea semacam ini.

Bukan saya cemburu lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang kita ada sekarang akan dipindahkan ke tempat lain, itu adalah sedikit cemburu tentang keadaan itu, tetapi sebenarnya tempat-tempat yang disebutkan itu ada kekuatan sendiri. Kalau kita lihat di Kelantan, di Terengganu, usaha-usaha mereka dalam pemasaran barangan emas, barangan perak, mereka ada kemahiran dalam aspek ini. Kenapa kita tidak memberi galakan kepada syarikat-syarikat untuk mempermodenkan usaha ini atau memperbanyakkan lagi usaha itu dengan memberikan mereka insentif-insentif supaya mereka boleh memulakan industri baru. Bukan curi dari sini dan tempatkan ke sana kerana di tempat yang asal itu mereka akan menghadapi masalah. Kalau satu kilang yang ada 500 pekerja di Selangor, pindah ke sana, maka 500 rakyat di Selangor mungkin kehilangan pekerjaan mereka dan ini juga sudah menjadi satu masalah, mungkin pindah ke sana digantikan dengan 500 orang yang baru, tetapi kalau mereka tidak ke sana dan keluar langsung dari Malaysia ke Bali atau ke tempat lain macam mana? Adakah ini patut berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lihat bagaimana insentif semacam ini boleh membantu dalam usaha kita mempergiatkan lagi aktiviti di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak. Saya fikir kerajaan harus mengkaji balik cadangan ini dengan lebih teliti supaya RM6.3 bilion yang telah dicadangkan itu boleh digunakan untuk tujuan menggalakkan industri baru di tempat-tempat yang di mana kita perlukan usaha di mana pengangguran mungkin tinggi di kawasan-kawasan ini di mana kita perlu menggalakkan. Adakah apa yang dicadangkan itu boleh mencapai hasrat kita dengan mengganggu sesuatu tempat demi katanya kebaikan tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu sama ada kita setuju dengan dasar sedemikian. Ini pada pendapat saya adalah satu daripada langkah yang penting telah dirancang oleh kerajaan dalam Bajet 2005 dan saya merayu supaya perhatian diberikan kepada perkara ini supaya kita tidak membawa satu keadaan yang lebih rumit kepada negara kita akibat daripada pelaksanaan idea ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan menyentuh

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta laluan. Sila.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang apa yang telah diperkatakan. Mungkin jumlah tadi adalah antara usaha kerajaan untuk menyeimbangkan permohonan di *East Cost Corridor* tadi. Mungkin itulah tujuan kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ikhwan Salim. Bagi saya tentulah antara sebabnya adalah apa yang disebutkan iaitu untuk memberi galakan kepada satu kawasan yang mungkin kurang maju pada ketika ini. Itu saya tidak mempertikaikan Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya kurang puas hati ialah berkenaan dengan cara *uproot* dari sini tanam di sana. Patutkan kita buat demi atau kita tanam baru di tempat yang memerlukan bantuan itu. Patut kita berusaha cari industri baru, tengok apakah kekuatan Sarawak, apakah kekuatan Sabah. Mereka telah katakan, saya tanya seorang asing yang saya jumpa beberapa hari yang lalu. Saya kata, anda tahu kita ada Malaysia *my second home programme* kerana orang ini orang nampaknya kaya. Dia datang ke Malaysia saya kata, Malaysia *my second home* satu rancangan yang baik. Adakah anda fikir datang ke sini untuk tujuan menyertai program itu.

Dia kata, "Saya seorang yang berminat *outdoor*. Kalau saya datang, saya mahu pergi ke Sabah. Saya suka ke Sabah dan mungkin Datuk Dayang itu suka dengar dan Datuk Karim, dia kata "Saya suka Sabah tetapi saya tidak mahu pergi ke Pulau Pinang, saya tidak mahu ke Selangor, saya suka ke Sabah." Itu bermakna Sabah itu ada kekuatan sendiri. Ahli-ahli Dewan Negara dari Sabah tentu boleh beritahu kita apakah kekuatan Sabah

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng itu memang benar tetapi pelabur ini dia hendak melabur di

tempat di mana dia fikir untung. Beberapa bulan yang lalu, saya bercerita dengan seorang dari Korea yang hendak melabur di Malaysia. Jadi, terpanggil kepada saya hendak *entice* dia datang melabur di Sabah. Tetapi dia kata tiap-tiap bulan kalau saya melabur di Malaysia hendak bawa *raw material* ini lebih kurang 1,000 kontena. Dia mesti datang ke Port Klang dahulu. Kalau hendak melabur di Sabah, dari Port Klang kita hendak bawa lagi ke Sabah, *extra cost* belanja yang lebih.

Adakah dasar Malaysia ini dia kata supaya dari Port Klang ke Sabah itu, kerajaan Malaysia bayar kerana dasar serupa ini berlaku di Europe, berlaku di Australia kerana hendak *locate*, hendak pindahkan tempat melabur itu daripada Kuala Lumpur umpamanya ke Sabah memerlukan belanja yang paling besar dan *economically* kalau kita hendak melabur di Semenanjung, bukan di Sabah.

Kalau kita hendak *entice* dia datang dari Semenanjung ke Sabah, beberapa perbelanjaan itu dia kata mesti dibayar oleh Kerajaan Malaysia. Jadi, macam mana perkara ini boleh kita selesaikan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya menyatakan guna tabung ini untuk tujuan-tujuan sedemikian sebagai galakan, bukan harap mereka tarik keluar dari satu tempat dan ke tempat lain. Kalau kita keluar dari satu tempat dia juga keluar dari satu kawasan Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau dia keluar dari Selangor, pindah ke Sabah apa gunanya. Tetapi kalau dia mula satu usaha di Sabah dengan galakan-galakan yang kita beri, tentu bagi saya itu lebih baik kerana dua-dua tempat pun untung, di tempat asal mereka masih ada pekerjaan, mereka tidak perlu dikurangkan gaji dan sebagainya dan di tempat baru, orang di sana, penduduk di sana juga menikmati kemudahan yang baru itu, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita guna tabung yang dicadangkan itu untuk tujuan-tujuan demikian.

Tabung itu Tuan Yang di-Pertua, juga mengandungi dalam dasar ini juga ada disebutkan bahawa taraf perintis mereka atau *pioneer status* dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan *statutory* bagi tempoh lima tahun, itu juga satu galakan iaitu taraf perintis dipanjangkan dan dengan taraf ini mereka dikecualikan cukai 100% ke atas pendapatan *statutory* bagi tempoh lima tahun. Itu juga satu galakan yang baik dan bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada lagi iaitu elaun cukai pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal juga layak dipohon bagi masa lima tahun.

Jadi, selain daripada tabung ini kita juga ada insentif-insentif untuk syarikat-syarikat itu, tetapi kenapa minta satu yang sudah okay dalam satu tempat itu supaya pindah ke tempat yang lain yang mengganggu semua keadaan termasuk rancangan-rancangan yang kita ada mungkin di Pulau Pinang, di Selangor, di Johor dan sebagainya. Kalau kita lihat, adakah sesuai kerana Perlis itu tidak termasuk dalam koridor ini. Kalau saya tanya kawan-kawan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin, adakah beliau bersetuju kerana Perlis itu tidak termasuk dalam koridor ini dan kalau satu kilang di Perlis itu ambil insentif ini dan pindah ke Kelantan katanya apa akan terjadi kepada Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat dari Ketua Juru Audit Negara yang menyatakan sejak beberapa tahun Perlis tidak bayar balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Itu sebabnya dia tidak ada duit. Kalau demikian, pindah industri lagi ke negeri lain, macam mana? Macam mana saya pun tidak tahu. Setahu saya, usaha-usaha mereka di Perlis sudah ada pihak yang menghadapi masalah kerana pelaburan sudah kurang. Tetapi kalau sekarang apa yang sedia ada di galak pindah ke Kelantan atau pindah ke Terengganu, apa akan terjadi?

Tidakkah kita lebih baik berusaha untuk mencari *business* yang baru bagi diperkenalkan di kawasan-kawasan ini.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Wan Nordin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya berterima kasih kalau Datuk Chin - bertambahlah suara Perlis kalau ramai Ahli Yang Berhormat kata sekarang *relocation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *relocation of industries* kepada negeri-negeri yang kecil macam Perlis, Kelantan, Terengganu kami sokong penuh. Kalau ramai Ahli Yang Berhormat menyokong supaya cadangan ini diketengahkan, kita ucapkan ribuan terima kasih di atas budi baik Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu Dato' Dr. Chin, dengan Perlis tidak termasuk dalam Koridor Pantai Timur, adakah Yang Berhormat Dato' rasa lebih cemburu? [*Ketawa*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, Perlis memang kawan baik Pulau Pinang.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kita ada banyak usaha seperti IMTGT termasuk kawasan itu, termasuk Kedah, rakan saya Datuk Mohamad Yaakub juga terlibat dalam usaha IMTGT. Kita sedang mempergiatkan aktiviti. Tetapi sekarang apa yang dicadangkan oleh Kementerian kewangan ialah tarik keluar dari Perlis dan ditempatkan di Terengganu, di Kelantan. Tarik keluar dari Kedah ditempatkan di sana tidak patut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', Datuk Dayang Mahani dari Sabah juga minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Ya. Ya.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Saya cuma hendak mencelah dan terima kasih jugalah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebenarnya *statement* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Perlis yang mengatakan *relocate*, saya rasa Dato' Dr. Chin tidak begitu setuju tentang *relocation*.

Sebenarnya kita dalam perbahasan ini dan dalam masa soal jawab hari itu juga, apa yang kita merayu ialah supaya pengagihan *foreign investment* ini boleh dikatakan kalau boleh sama rata, kalau tidak pun mengikut saiz, sebab keadaan bilangan terima kasih hendak bagi kepada negeri kecil itu tidak tepat juga sebab keadaan yang sama terjadi kepada Sabah.

Sabah di antara negeri yang luas, yang besar tetapi tidak mempunyai bilangan *foreign investment* yang mencukupi, sedangkan kita sediakan kawasan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) dengan 100 *acres of Free Trade Zone*, semua kemudahan ada. Tetapi untuk mendapatkan atau menarik pelaburan dengan tidak ada insentif seperti apa yang ditegur ataupun dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Karim tadi berlaku. Akibatnya ada yang dapat terlalu lebih, ada langsung tidak dapat, ada yang sedikit sangat sampai apa pun sumbangan kerajaan negeri terhadap persediaan infrastruktur itu tidak berbaloi.

Kalaulah boleh yang penting ialah pengagihan supaya ia mencerminkan negeri-negeri kita ini dapat pulangan sebaik mungkin. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya memberi jawapan saya pada petang ini kerana sudah sampai pukul 1.00. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa perbahasan sudah cukup. Saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk sambung.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi sebelum kita rehat, saya telah ditanya pendapat saya tentang sama ada kerajaan harus mengagihkan permohonan-permohonan untuk melabur di Malaysia ke tempat-tempat yang dicadangkan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak pelabur itu bersetuju dengan cadangan kerajaan itu, maka bagi saya tidak ada masalah kerana itu adalah pelaburan-pelaburan baru, tetapi mungkin ada segolongan daripada mereka yang hanya hendak ke tempat-tempat tertentu.

Katakan mereka hendak melabur di Selangor dan enggan ke Terengganu, enggan ke Sabah, ke Sarawak atau ke Kelantan. Kalau kita kata tidak boleh, tetapi kena pergi juga ke tempat yang diputuskan oleh kerajaan, saya bimbang mereka mungkin tidak langsung mahu datang ke sini dan akibatnya Malaysia yang akan rugi. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mempunyai pendirian sedemikian kerana ada pihak-pihak tertentu melihat faktor-faktor lain seperti kemudahan infrastruktur, seperti lapangan terbang sama ada barangan mereka boleh dihantar keluar dengan cepat, sama ada ada pelabuhan di sana dan sebagainya, dan sama ada harga tanah di sesuatu tempat, pekerja-pekerja yang ada sama ada mereka mahir atau tidak mahir dan sebagainya.

Itu adalah antara kriteria-kriteria yang diguna oleh mereka ini untuk menentukan sama ada hendak melabur di sesuatu tempat atau di tempat lain. Jadi, kalau kita memaksa mereka ke sesuatu tempat sahaja, saya bimbang sama ada strategi sedemikian boleh membawa kesan baik kepada Malaysia, kerana mungkin mereka tidak mahu datang langsung dan mereka mungkin pergi ke negara lain di mana mungkin tidak ada syarat sedemikian. Jadi adalah lebih baik kalau kita mengkaji

perkara ini secara keseluruhan, bukan sahaja minta pihak-pihak tersebut ke tempat-tempat tertentu.

Bagi saya tarikan-tarikan tertentu di sesuatu tempat itu mesti ada. Mungkin mereka bimbang tentang pendidikan anak-anak mereka, jadi mereka hendak mula pelaburan mereka di negara kita di suatu bandar, dan kalau kita hantar mereka ke luar bandar mungkin tidak sesuai dari segi itu. Jadi itulah pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini akan dikaji dengan teliti supaya kita tidak kehilangan FDI yang kita dapat, kerana setahu saya pada beberapa bulan yang lalu, *FDI (foreign direct investment)* itu sudah berkurangan dan kalau kita tidak mengawasi perkara ini dengan baik dan memberikan galakan-galakan tertentu, apakah akan terjadi kalau syarikat-syarikat menggunakan kemudahan yang diberi di bawah insentif ini untuk menikmati taraf perintis (*pioneer status*) untuk satu tempoh lagi, dan kemudian menarik keluar pelaburan dari Malaysia. Adakah kita akan memastikan dengan memberi begitu banyak insentif kepada mereka itu, mereka tidak akan menggunakan kesempatan? Hanya menempat semula dari Selangor katakan ke Kota Bharu untuk menikmati kemudahan taraf perintis selama lima tahun dan kemudian menarik keluar dari Malaysia – ke Indonesia, ke China atau ke Thailand.

Kita harus mengkaji perkara ini dengan teliti, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi contoh yang menjadikan saya cemburu, seperti saya katakan pagi ini, ialah ketidakseimbangan dasar yang diamalkan di tempat-tempat macam ibu kota kita dengan bandar-bandar yang lain. Seperti contoh, kerajaan ada bercadang supaya memberi pengecualian duti hiburan ke atas persembahan kesenian dan kebudayaan.

Bagi saya kita menggalakkan budaya, kita menggalakkan seni tetapi syarat yang dikenakan, Tuan Yang di-Pertua, hanya persembahan-persembahan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Labuan, di Putrajaya tetapi kalau persembahan itu diadakan di Johor Bahru, di Georgetown, di Kota Bharu, di Kuala Terengganu, di Kuching, di Kota Kinabalu, ia tidak boleh menikmati kemudahan ini. Orang dari bandar-bandar yang saya sebutkan itu juga ingin menonton persembahan-persembahan budaya, kesenian dan warisan. Kenapa kita ketinggalan? Kenapa kita diminta membayar duti hiburan tetapi kawan kita di Wilayah Persekutuan pula dikecualikan? Ini ialah cadangan dalam Bajet ini.

Saya menyoal sama ada ini berpatutan ataupun tidak

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah ini disebabkan oleh kerana pihak yang berkuasa tempatan tidak memberikan ruang itu, maka dengan sebab itulah pihak Kementerian Kewangan tidak memasukkan. Maknanya, dalam perbincangan-perbincangan, perundingan-perundingan, pihak berkuasa tempatan negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Perak di Ipoh, misalnya tidak memberikan ruang pelepasan cukai terhadap pertunjukan-pertunjukan hiburan yang berdasarkan kesenian nasional itu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin disebabkan duti hiburan itu dikutip di peringkat negeri atau pejabat daerah dan sebagainya, tetapi kalau kita ingin menggalakkan perkara ini, maka apa salahnya kalau kerajaan memberi subsidi. Kerajaan Persekutuan boleh kata duti hiburan itu tidak payah, tetapi ganti rugi akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan melalui kemudahan yang diberi kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Kalau saya hendak menonton persembahan dari Kangar, mungkin saya kena hadir di Putrajaya baru saya dapat menikmatinya dan mungkin saya tidak akan datang ke Putrajaya dari Kangar untuk menonton dua jam persembahan.

Ini bagi saya tidak menggalakkan rakyat kita supaya lebih memberi perhatian kepada persembahan-persembahan berbentuk budaya dan kesenian. Itu adalah satu perkara yang kita ingin mempromosikan tetapi bagi saya ini adalah satu halangan. Kenapa hanya tempat-tempat tertentu diberi kemudahan ini dan bukan seluruh negara? Apa salahnya kalau satu persembahan yang diadakan di Kota Bharu juga diberi kesempatan ini. Mungkin itu akan membuka minda rakyat di sana supaya kita memahami arus perkembangan dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin duti hiburan yang dikutip itu tidak begitu banyak, tetapi bagi saya itu juga adalah satu simbol sama ada Kerajaan Persekutuan menggalakkan aktiviti sedemikian atau tidak. Kalau kita sudah mengambil inisiatif hendak memberi kemudahan ini, kenapa tidak dipanjangkan ke seluruh negara dan bukan menghadkan ke tempat-tempat tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menarik perhatian saya ialah kerajaan telah bercadang untuk mengkaji semula duti import ke atas barangan terpilih dan kerajaan telah mengenalpastikan 145 barangan di mana duti import diturunkan dari 35 peratus ke 30 peratus, 20 peratus, 50 peratus ataupun dihapuskan langsung

dan daripada 145 barangan ini, didapati 118 barangan di mana duti importnya dikurangkan dan untuk yang lain duti importnya dihapuskan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu perkembangan yang baik kerana apabila duti import dihapuskan, maka itu akan membantu rakyat kita untuk menikmati barangan dengan harga yang lebih murah. Tetapi apa yang penting juga, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menerima konsep *EAC (East-Asian Community)* atau masyarakat Asia Timur dan konsep ini telah mewujudkan satu pasaran yang besar, yang akan melibatkan lebih daripada dua bilion penduduk dan Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada satu persidangan *EAC* yang dijadualkan berlangsung di Kuala Lumpur atau Putrajaya pada akhir tahun depan.

Memandangkan demikian, Tuan Yang di-Pertua dengan pembukaan-pembukaan ini, adakah kita juga mengkaji dasar kebangsaan kita untuk mempromosikan barang-barang tertentu, sama ada dengan memberi perlindungan khas ataupun memberi subsidi kepada sektor ini. Sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, kereta nasional kita Proton.

Apabila kerajaan telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu industri yang disebut sebagai industri kejuruteraan atau *engineering industry* di sini, beberapa perkara telah dikenal pasti iaitu, perkapalan (*shipping*) ataupun mesin peralatan berat (*heavy machinery*) ataupun kereta dan kerajaan telah memilih kereta. Nampaknya dengan membuka pasaran kita kepada cabaran-cabaran dari luar akibat daripada beberapa aspek globalisasi, maka nampaknya perlindungan-perlindungan yang kita berikan itu makin lama semakin kurang sehingga sektor ini perlu bersaing hebat dengan mereka yang ingin datang ke sini. Akibatnya Tuan Yang di-Pertua, ialah IKS iaitu Industri Kecil dan Sederhana yang berbentuk Malaysia, yang ditubuhkan di sini, yang dimiliki oleh kita orang tempatan itu akan menghadapi masalah-masalah kerana perlindungan-perlindungan tertentu itu dikeluarkan atau dikurangkan.

Kita harus mengkaji apakah sebenarnya dasar kita. Kalau kita ingin mempromosikan industri kejuruteraan (*engineering industry*) dengan mengenal pasti satu industri yang penting iaitu automotif industri, maka kita harus mengkaji apakah bantuan-bantuan yang diperlukan supaya mereka dapat meneruskan persaingan mereka dalam keadaan globalisasi yang makin lama makin rumit, dan telah mengakibatkan kita menghapuskan duti import, tarif dan sebagainya. Ini sudah berlaku. Kalau kita tidak jaga dengan baik, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang

semua kemudahan ini pada satu ketika akan sama ada dimiliki atau dikuasai oleh mereka yang bukan rakyat Malaysia. Saya tidak mahu melihat satu perkembangan semacam itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil berat tentang aspek ini. Apa yang saya hendak ialah satu penjelasan daripada kerajaan, apakah sebenarnya dasar yang kita mahu amalkan. Dan bagaimana kita dapat pertahankan dasar ini demi kepentingan negara kita, kerana tiap-tiap negara dalam forum awam mereka umumkan tidak ada perlindungan, saya sudah hapuskan perlindungan dan sebagainya. Tetapi sebaliknya di belakang mereka memberi subsidi sini, subsidi sana dan membantu industri kita. Adakah kita berbuat demikian? Adakah kita mengkaji keadaan ini dan adakah kita tahu apakah insentif-insentif yang diberi kepada mereka ini supaya mereka dapat mencari pasaran?

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau barangan dari China dibenarkan datang ke sini kerana EAC termasuk China, Japan dan South Korea. Itu ASEAN tambah tiga. Kemudian tambah 3 lagi negara yang penting ini. Saya minta supaya satu kajian yang teliti dibuat supaya kita jangan wujudkan satu keadaan di negara kita sendiri, di mana rakyat kita menderita pada akhirnya. Kalau IKS itu kena tutup tirai, gulung tirai, maka banyak kerja sudah kehilangan. Sebagai contoh Proton sendiri dapat bekalan begitu banyak dari IKS, kalau harga pasaran itu terjejas maka *down line* semua akan terjejas.

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr Chin mengenai globalisasi. Kita semua sedia maklum bahawa tahun hadapan kereta-kereta import dari negara jiran ASEAN disebabkan kuat kuasanya AFTA dutinya akan turun secara mendadak. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang cadangan kerajaan untuk mengenakan cukai lain ke atas kereta-kereta yang diimport dari negara-negara tersebut? Adakah ini akan dipandang oleh negara-negara jiran yang mengeksport kereta ke dalam negara kita sebagai satu tindakan kerajaan yang tidak jujur dalam melaksanakan perjanjian tersebut? Dan adakah ini akan mendatangkan kesan yang tidak begitu baik kepada pengguna kerana dari segi pengguna rakyat Malaysia inginkan kereta yang lebih murah. Minta pandangan, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, itulah satu dilema negara kita. Dalam satu keadaan kita mahu rakyat kita menikmati kemudahan-kemudahan yang lebih murah, tetapi kita juga ada dasar-dasar nasional yang kita harus mempertahankan. Kalau kita biarkan dasar nasional kita dicabar tanpa mengambil apa-apa tindakan, maka apakah akan terjadi? Sungguhpun sebaliknya kesan yang baik ialah rakyat kita boleh menikmati mungkin kemudahan yang lebih. Jadi, sebagai rakyat kita kena pilih sama ada kita mahu arus ini atau kita mahu perjalanan yang lain. Apa yang penting ialah kerajaan mesti memberi kepimpinan dalam perkara ini. Itu yang saya minta, kerajaan mesti menunjukkan dengan jelas apakah dasar sebenar yang patut diikuti oleh Malaysia dalam satu suasana yang rumit supaya orang kita tidak teraniaya oleh apa yang berlaku. Itu yang penting. Pada pendapat saya itu harus diberi perhatian. Jadi, kita ada dialog tiap-tiap kali sebelum bajet. Semua kementerian ada dialog dengan pihak swasta dan sebagainya. Berapa banyak daripada pendapat itu telah diambil kira dalam merancang bajet itu?

Adakah kita sudah mengambil tahu tentang semua aspek kerana globalisasi telah berlaku, sama ada kita hendak atau tidak ia sudah berlaku dan dalam suasana demikian apakah yang patut kita buat? Adakah idea-idea kita, dasar-dasar kita kena diubahsuaikan, kena difikir semula? Itu adalah perkara-perkara yang mana kerajaan harus menunjukkan kepimpinan. Saya mengambil contoh ini kerana tentulah rakyat rasa gembira. 30% duti import sekarang kosong. Itu bermakna kalau saya bayar RM1 dahulu sekarang sudah jadi- 65 sen sahaja. Ini bermakna saya sudah jimat 35 sen kerana duti import sudah dihapuskan daripada 35% kepada 0%. Lebih baik semua barangan kita boleh beli dengan murah, tetapi sebaliknya ada kesan yang lain dan saya sebagai seorang yang mungkin mementingkan diri sendiri sahaja kerana saya boleh beli barang dengan murah. Saya tidak peduli apa yang berlaku, tetapi akibatnya kerajaan dan negara apa akan terjadi. Itu sebagai pendapat seorang perseorangan, mungkin kita tidak mahu berfikir kerana ini bukan masalah kita, tetapi ia masalah kerajaan.

Kita sudah bagi mandat kepada kerajaan, maka kerajaan harus mengatasi masalah ini. Saya ambil ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kerana saya dapati banyak negara sama ada sebenarnya atau tidak, atau dari belakang telah memberi bantuan-bantuan tertentu kepada sektor-sektor di negara mereka yang mereka rasa adalah penting bagi perkembangan ekonomi, bagi hasrat negara dan bagi kemajuan

pada keseluruhannya. Sama ada hendak menguasai sesuatu rantau, sama ada hendak buat apa mereka ada agenda-agenda tertentu. Jadi, saya minta supaya kita juga memberi perhatian kepada perkara ini dan tidak bertindak sebagai satu pihak yang begitu jujur dan tidak mengambil berat sehingga akhirnya rakyat kita menderita dan teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi galakan yang telah disebut oleh kerajaan khasnya dalam sektor.....

Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Haji Kamaruddin.

Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok: Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' selepas sistem langit terbuka, apakah dilihat oleh pelabur luar terhadap negara kita mendapat kelebihan daripada negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Kamaruddin. Bagi saya, syarikat-syarikat yang datang dari sesuatu negara itu ada agenda mereka dan di atas sekali dalam agenda mereka ialah keuntungan dan juga akhirnya mungkin ada dasar-dasar eksploitasi juga, itu kita kena fikirkan, kerana mereka membawa duit, tentu mereka mahu pulangan yang lumayan. Pada saya jarang kita dapati ada rakan kongsi yang datang seolah-olah hendak menyumbang kepada kita tanpa mengira sama ada mereka dapat keuntungan atau tidak. Itu sangat luar biasalah bagi saya. Banyak daripada syarikat-syarikat ini ada agenda-agenda tersendiri, jadi bagaimana kita dapat mengawasi keadaan kita dan sampai ke suatu tahap di mana *win-win situation* Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua pihak itu menang, mereka juga menang dan kita juga menang. Rakyat kita dapat pekerjaan mungkin pendapatan mereka lebih, mereka ada kemampuan untuk membeli kereta dan sebagainya dan industri kita pun berkembang. Syarikat ini dapat untung dan mereka hantar untung ini balik dan sebagainya dan mereka menikmati segala kemudahan yang kita berikan sebagai taraf perintis, *tax incentive* dan sebagainya, mereka dapat kemudahan ini.

Tetapi kita harus mengkaji apakah industri-industri yang harus dibawa ke sini. Satu aspek yang kita sudah utarakan, kita sudah sebutkan banyak kali ialah *labour intensive* yang memerlukan buruh yang banyak kerana pasaran kita mungkin tidak dapat mencari orang ini. Katakan ada satu syarikat hendak ke sini untuk membuat

satu barangan yang memerlukan pekerja-pekerja am sahaja. Mungkin itu tidak sesuai lagi bagi kita dan kalau orang kita tidak mahu berkhidmat dalam sektor ini, kita kena cari orang dari Indonesia, orang dari Myanmar dan sebagainya dan itu akan membawa lebih banyak masalah kepada kita.

Kita kena kaji apakah industri-industri yang harus kita terlibat dan adakah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang ada di sini boleh memainkan peranan mereka sebagai pembekal yang ditempatkan di sini tetapi bekal ke China, ke Amerika Syarikat atau ke negara-negara lain, itu sedikit sebanyak akan menentukan bahawa rakyat kita masih menikmati kemudahan-kemudahan yang baik di sini. Bagi saya, semua ini kena ditunjuk oleh kerajaan, tetapi nampaknya ada ruang-ruang untuk diperbaiki dalam bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, balik ke sektor pertanian. Saya dapati pertanian sudah menjadi satu teras yang penting bagi negara kita dan oleh kerana itu kalau kita lihat peruntukan dalam bajet ini, peruntukan sudah ditingkatkan dan kita baru-baru ini telah mendengar bahawa pihak Kementerian Pertanian dan Industri Tani memerlukan 3,000 jawatan baru. Ini ialah untuk melantik pegawai-pegawai yang akan dapat membantu petani-petani dan juga sektor pertanian dan industri pertanian dalam perkembangan *business* mereka dan pegawai-pegawai ini ialah khas untuk memberi nasihat, untuk memberi bantuan dan sebagainya kepada industri supaya Malaysia ini tidak bergantung kepada import makanan dan sebagainya.

Oleh kerana itu, ada insentif-insentif yang diberi sebagai contoh, sektor pertanian ini diberi lanjutan tempoh skim galakan bagi pengeluaran bahan makanan, mereka diberi elaun modal dipercepatkan untuk sektor pertanian dan sebagainya. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pendekatan yang patut kerana kita ada banyak tanah kosong yang boleh digunakan dan cuaca kita juga baik, keadaan di sini juga baik dan kalau kita tanam apa pun ia boleh tumbuh dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu kebaikan di Malaysia ini. Kita harus menggunakan kesempatan ini supaya kita di suatu hari nanti menjadi pengeksport barangan makanan dan bukan pengimport seperti sekarang. Adalah patut bagi saya supaya sektor ini diberikan galakan dan saya minta supaya suatu kajian dibuat supaya sektor ini dapat mempergiatkan lagi aktiviti mereka dan tidak lama lagi kita tidak perlu mengimport lagi makanan dan sebagainya.

Tuan Chiam Yong Tee: Saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Chiam.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Mungkin satu masalah yang dihadapi oleh kaum tani ataupun peladang ialah walaupun mereka ingin bercucuk tanam, tetapi masalahnya mereka tidak ada tanah dan selalunya mereka yang memerlukan tanah untuk bercucuk tanam itu tidak diberi peluang memiliki tanah ataupun ditolak permohonan mereka untuk memajak ataupun menyewa tanah kerajaan negeri. Ini adalah suatu kekangan yang saya nampak yang dihadapi oleh kaum tani. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Datuk untuk menyelesaikan perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Chiam itu bahawa dalam sektor ini khasnya sektor yang mengeluarkan sayur-sayuran. Mereka benar-benar menghadapi satu masalah sehingga mereka ke bukit-bukit tertentu dan menggunakan kesempatan itu kerana pegawai itu mungkin tidak ada tenaga hendak naik mengawasi semua lereng bukit itu untuk menengok keadaan dan di sana mereka menggunakan kesempatan untuk menanam, akibatnya kita ada tanah yang runtuh dan sebagainya.

Ini disebabkan bahawa kita tidak ada suatu dasar yang jelas yang akan membolehkan pihak ini yang rajin, yang ada kemampuan supaya terlibat dan kalau kita mengkaji keadaan di Cameron Highlands, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa pihak itu yang ada di Cameron Highlands telah menggunakan kesempatan untuk membuka sedikit tanah lapang juga digunakan untuk tujuan ini.

Kalau konsep ini boleh dipanjangkan ke tempat-tempat lain maka pada saya tidak ada masalah kerana tanah itu tanah kosong dan tidak digunakan dan apabila kita memulakan dengan Skim FELDA dan sebagainya, kita juga mengikut cara yang sama. Kita tengok di tempat ini ada tanah yang sesuai dan kita galakkan para peneroka itu datang ke sana, kita beri galakan dan kita beri kemudahan, kita beri bantuan dan sebagainya dan sekarang mereka telah menambah produktiviti negara kita dan mereka sudah menjadi satu sektor yang begitu penting sehingga FELDA sudah menjadi begitu berjaya, sehingga mereka cuba pada tahun yang lepas untuk menyenaraikan FELDA dalam Bursa Saham Malaysia.

Ini adalah suatu contoh yang boleh berlaku kalau pihak kerajaan juga memberi tumpuan yang sebenarnya kepada sektor ini. Saya berharap dengan dasar-dasar seperti yang dicadangkan itu, maka kita boleh mencapai hasrat ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya Yang Berhormat menyebutkan tentang petani-petani yang tidak ada tanah. Tetapi ada di sesetengah negeri, petani-petani itu ada tanah. Misalnya pesawah-pesawah padi, saya ingat di Negeri Sembilan dan di beberapa buah negeri yang lain, ia ada tanah tetapi dia tidak dapat mengusahakan kerana tidak ada air dan sistem perparitan untuk sesetengah sawah padi ini nampaknya tidak mendapat kerjasama daripada pihak-pihak yang tertentu. Apakah ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak yang tertentu, walaupun peruntukan begitu banyak diperuntukkan, tetapi kalau tidak ada kerjasama daripada semua pihak mungkin tanah-tanah yang luas ini terbiar begitu sahaja. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya melihat pekebun-pekebun kelapa. Dahulu saya sudah sebutkan dalam Dewan ini. Oleh kerana mereka hendak mengikut program yang telah disusun atur oleh pihak kerajaan, sesetengahnya kebun-kebun kelapa mereka telah ditebang dengan janji bahawa sesungguhnya pihak kerajaan akan memberikan bantuan benih. Tetapi kadang-kadang sudah ditebang selama dua tahun, koko pun dia tebang, kelapa pun dia tebang, benih tidak sampai. Macam mana pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah saya dengan rela menyatakan bahawa sektor ini boleh memainkan peranan yang penting bagi perkembangan ekonomi sebagai satu penyumbang utama kepada pendapatan ekonomi kita. Apa yang harus dibuat ialah supaya masalah-masalah yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri, Yang Berhormat Chiam itu diberikan perhatian.

Saya yakin dengan mewujudkan 3,000 jawatan yang baru yang dipohon oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu, maka masalah ini akan diberi perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', sekejap. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chaim tadi berkenaan dengan orang-orang yang betul-betul berminat untuk bertani tetapi tidak diberi tanah dan perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Hassan tadi ialah masalahnya petani mempunyai tanah tetapi air tidak ada. Dalam kedua-dua keadaan ini, tanah dan air adalah di bawah

bidang kuasa kerajaan negeri. Segala yang diperbincangkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi adalah peruntukan yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi, dalam keadaan ini bagaimanakah penyelarasan harus diadakan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah air mungkin diatasi tidak lama lagi. Bulan depan kita ada suatu persidangan khas untuk meminda Perlembagaan supaya air sekarang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Saya harap dengan itu semua air yang dipohon itu dapat disalurkan ke kawasan-kawasan yang memerlukannya tetapi setahu saya, air bukan sahaja menjadi suatu masalah di Malaysia tetapi di seluruh dunia menghadapi masalah air sehingga masalah ini menyebabkan beberapa perang yang berlaku akibat daripada kekurangan air.

Siapa mahu menguasai air? Ini suatu perkara yang harus diberi perhatian tetapi setahu saya di Malaysia apabila kita pinda Perlembagaan, maka air itu menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, bagaimana pula hak untuk memiliki tanah bagi bercucuk tanam ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Hak memiliki tanah, bagi saya Tuan Yang di-Pertua tidak ada masalah kerana kerajaan negeri, mereka boleh keluarkan TOL iaitu lesen untuk menggunakan tanah secara sementara (*Temporary Occupation License*) untuk tanah-tanah. Kalau tanah itu sudah terbiar dan tidak digunakan, apakah salahnya kalau kita membenarkan petani itu menggunakan tanah itu? Mungkin di tempat-tempat di mana tidak mencukupi tanah seperti Pulau Pinang, kita menghadapi masalah. Tetapi kita boleh cari negeri yang mana ada begitu luas tanah yang terbiar sahaja supaya terlibat dalam program ini. Kalau kita ada hasrat, memang kita boleh buat, .

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini bukan satu masalah yang rumit. Beberapa negeri telah bersetuju bahawa Skim FELDA itu dibuka di negeri-negeri mereka dan telah memperuntukkan tanah dan sebagainya supaya ia digunakan dan bagi saya dalam sektor ini kalau kita betul-betul berhasrat, maka kita boleh mewujudkan satu suasana yang baik dan menggalakkan supaya mereka yang mahu menceburkan diri dalam sektor ini dapat berbuat demikian tanpa apa-apa halangan yang rumit. Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau Kerajaan Pusat bercadang mengambil alih pengurusan air daripada kerajaan negeri, jadi apakah ini tidak menjejaskan pendapatan daripada kerajaan negeri, sebab kita tahu satu sumber pendapatan penting kerajaan negeri ialah daripada sumber air. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, mungkin perbincangan itu kita kena tunggu sehingga kita membahaskan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Perlembagaan dan itu tidak lama lagi akan berlaku, tetapi pada pandangan saya, saya fikir bukan semua pihak berkuasa air itu untung. Kalau kita lihat PUAS, tidak puas langsung. *[Ketawa]* Mana ada puas? Pihak itu berhutang begitu banyak dengan Puncak Niaga, mana ada puas?

Cuma di Pulau Pinang, bukanlah saya hendak memuji Pulau Pinang kerana saya dari Pulau Pinang dan saya mewakili Pulau Pinang, tetapi hanya model Pulau Pinang itu nampaknya berjaya dan di negara kita, air yang paling murah itu dinikmati di Pulau Pinang. Ini disebabkan pengurusan air yang baik dan ini bukan pada masa sekarang sahaja, sungguhpun kita sudah diwastakan. Sekarang rakyat Pulau Pinang boleh membeli syer dalam syarikat Bekalan Air Pulau Pinang dan semasa disenaraikan di Bursa Saham, maka semua pengguna air diberi kesempatan untuk membeli syer daripada syarikat ini. Pada masa sekarang lembaga ini juga dipengerusikan oleh Ketua Menteri. Tetapi di negeri Kelantan ada masalah kekurangan air juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Siti Zailah, mohon penjelasan,

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Yang Berhormat, seolah-olah maknanya kerajaan negeri tidak boleh membuat untung daripada air ini. Jadi, apakah Kerajaan Pusat boleh menguruskan dengan baik sehinggakan mendapat untung? Sebab kita lihat sekarang, isu air antara negara kita dengan Singapura masih belum selesai dan menampakkan bagaimana ketidakadilan, bagaimana 1,000 galen air dibayar dengan harga 3 sen? Adakah ini satu kepintaran Kerajaan Persekutuan yang ada pada hari ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah sesuatu yang berlaku dalam sejarah, sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju, sebagai contoh Pulau Pinang masih membayar kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak RM10,000 setahun, selama-lamanya Tuan Yang di-Pertua, kerana pada suatu ketika Pulau Pinang dilihat sebagai tanah jajahan Kedah dan apabila diberi kepada *East Asia Company*, maka kena bayar pampasan selama-lamanya kepada pihak ini.

Negeri Sabah juga membayar kepada Kesultanan Sulu sebanyak RM3,000 setahun selama-lamanya, ini adalah mengikut sejarah. Jadi, semasa mereka

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Pulau Pinang kena membayar kepada Kedah sebanyak RM10,000 setahun dan Sabah kena membayar kepada kesultanan Sulu sebanyak RM5,000 setahun. Saya ingat, itu adalah perjanjian-perjanjian yang telah dibuat dahulu, tidak bolehkah pada bacaan Yang Berhormat Dato', perjanjian ini dikaji semula sama ada boleh dinaikkan ataupun diturunkan. Saya tidak kata turunkan sahaja, boleh jadi naik bagi memberi keuntungan kepada negeri Kedah dan Pulau Pinang. Tidak adakah cadangan hendak mengkaji semula perjanjian-perjanjian itu walaupun perjanjian itu dibuat pada masa dahulu, yang dikatakan selagi ada matahari dan bulan, maka tidak boleh. Saya ingat kerajaan sekarang boleh mengkaji semula perjanjian itu. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu memanglah boleh, Tuan Yang di-Pertua. Pagi ini, Menteri Kanan Singapura, Encik Goh Chok Thong telah datang dan berjumpa dengan Perdana Menteri dan satu daripada perkara yang mereka rundingkan ialah mengenai air. Kita berharaplah selepas itu ada hasil yang positif, yang mana kita dapat membereskan keadaan, supaya perhubungan di antara Singapura dan Malaysia itu berkembang maju lagi dan ini pun serupa dengan apa yang ditanya dalam isu air di antara Singapura dan Malaysia, bayaran yang kena dibayar kepada Kerajaan Negeri Kedah dan sebagainya.

Itu semuanya berlaku tetapi apa yang penting ialah kita berharap dengan pengambilan alih oleh Kerajaan Persekutuan, maka mereka ada peruntukan untuk menukar paip-paip yang lama dan setahu saya itu memerlukan perbelanjaan sebanyak RM500 juta, kalau hendak menggunakan peruntukan sebanyak itu, wangnya datang daripada mana? Adakah kerajaan negeri menggunakan wang sebanyak itu untuk

memperbaikinya kerana kita selalu mempersoalkan tentang kualiti dan mutu air tidak baik, kita terpaksa menggunakan penuras air dan sebagainya. Berapa banyak rumah yang memasang penuras air (*water filter*)? Kita lihat air itu bukannya jernih, air itu nampak ada kekotoran yang berwarna coklat. Adakah sihat untuk kita minum air ini atau tidak?

Ini menjadi satu isu. Siapa yang mampu mengawasi dan memperbaiki keadaan yang sebegini, bagi saya kerajaan negeri tidak boleh. Minta Kerajaan Negeri Kelantan pun mungkin tidak dapat. Kerajaan Negeri Selangor yang begitu kaya pun tidak dapat. Kalau kita bertanya, berapa banyak PUAS berhutang kerana air? Setahu saya setiap liter air yang dijual atau setiap gelen air yang dijual itu diberi subsidi. Jadi, bagaimana mereka boleh mendapat balik pulangan atau pelaburan yang telah dibuat itu, tidak ada harapan.

Oleh kerana itu, kerajaan sudah meluluskan penswastan kepada Puncak Niaga, ini diumumkan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi baru-baru ini. Kerajaan sudah bersetuju sungguhpun kita belum lagi mengubah Perlembagaan tetapi ini sudah dipersetujui supaya keadaan itu tidak bertambah buruk. Kalau kita tidak berbuat apa-apa, rakyat Selangor akan menderita pada akhirnya. Sama ada kita boleh memperkenalkan model Pulau Pinang kepada situasi ini, itu kita tidak tahulah. Itu terpulang kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk mengkaji perkara ini dan untuk mencadangkan satu model dan kita dapat menyoal perkara-perkara semacam ini semasa kita membahaskan pindaan kepada Perlembagaan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Musa minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi bagi contoh Pulau Pinang. Ini menunjukkan bahawa Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang adalah terbaik di Malaysia ini. Jadi, negeri-negeri lain dan juga Kerajaan Pusat patut belajar daripada negeri Pulau Pinang, apakah itu maksud Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kawan saya dari Pulau Pinang bertanya demikian, tentulah saya bersetuju. *[Ketawa]* Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Musa kerana pagi ini dilantik sebagai Ahli Senate. Beliau datang dari Pulau Pinang dan beliau adalah seorang tokoh politik di Pulau Pinang dan satu lagi rakan saya ialah Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah juga dari Pulau Pinang dan juga tokoh politik di sana.

Dengan kehadiran mereka ini saya berharaplah Pulau Pinang ini bukan sahaja soal air yang menjadi contoh dan teladan kepada negeri-negeri lain, tetapi perkara lain tidak termasuk darul sampah, *[Ketawa]* itu tidak perlulah, ya, kerana masalah yang kami hadapi ialah masalah kekotoran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi perbincangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak, tidak, kerana ada satu lagi perkara yang saya lihat adalah penting, Tuan Yang di-Pertua.

Pagi ini saya telah menyentuh sedikit tentang hutang, hutang daripada kerajaan negeri, badan berkanun, syarikat kerajaan, badan bukan kerajaan, agensi lain kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberitahu sedikit maklumat, pada tahun 2003, hutang ini ialah sebanyak RM9.77 bilion, semua maklumat ini adalah dari Laporan Ketua Audit Negara. Pada akhir tahun 2002 amaun itu ialah RM8.51 bilion, itu bermakna hutang itu sudah bertambah. Seperti yang saya sudah terangkan pagi ini, negeri Sabah dan Perlis tidak membayar balik sebarang pinjaman pada 2003. Ini adalah apa yang telah berlaku dan saya diberitahu oleh Ketua Juruaudit Negara bahawa ia adalah disebabkan oleh dua perkara. Satu ialah kerana 17 perjanjian penjadualan semula pinjaman masih belum dimuktamadkan. Bagaimana ini boleh mengambil masa yang begitu panjang? Sebab yang kedua ialah, tempoh tunggakan sudah di antara satu hingga 17 tahun. Ini bermakna bahawa ada badan-badan ataupun pihak-pihak yang tidak membayar dalam tempoh 17 tahun, bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh membiarkan keadaan ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, di antara pihak ini, saya hanya mencari yang bukan kerajaan negeri, bagi tahun 2003 negeri Sabah dan Perlis tidak bayar balik langsung tetapi Juruaudit juga menyatakan Perwaja Terengganu Sdn. Bhd, Equal Concepts Sdn. Bhd., Multimedia Development Corporation dan CTRM, Puncak Niaga, Airport Limo, UDA Holdings, Syarikat Padi Beras Nasional, SUKOM '98 Berhad, Keretapi Tanah Melayu, SME Ordinance, Warisan Jangka Holdings dan Kedah Aquaculture Sdn. Bhd., semuanya ini telah berhutang tetapi masalahnya hendak membayar baliklah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu perkara yang rumit dan saya harus meminta kerajaan supaya membereskan perkara ini dan supaya melihat mengapa perkara ini boleh berlaku dan sama ada berpatutan atau tidak bagi kita

membantu syarikat-syarikat swasta, kerana di dalam senarai yang saya baca itu ada GLC dan ada yang bukan GLC, ada syarikat swasta dan sebagainya.

Bagi saya adalah munasabah bahawa apabila kita meminjamkan wang kepada syarikat-syarikat dan badan-badan ini kita kena melihat, yang pertamanya sama ada kita patut memberi pinjaman kepada mereka dan keduanya, adakah mereka berkemampuan untuk membayar balik dan apakah syarat-syarat yang kita tetapkan. Kita tidak mahu melihat sehingga 17 tahun mereka tidak membayar balik dan bagi saya ini adalah pengurusan wang yang tidak cekap, tidak mahir dan berlawanan dengan strategi pertama kerajaan iaitu untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

3.30 ptg.

Dato Sri Empiang Jabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya berucap dan membahaskan Bajet 2005. Ini merupakan ucapan julung kali saya di Dewan yang mulia ini, setelah dilantik ke Dewan yang mulia ini. Kesempatan untuk berucap dan mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Bajet 2005 merupakan suatu peluang bagi saya untuk memberi sedikit pandangan mengenai isu-isu semasa yang banyak berkaitan dengan kehidupan dan pembangunan di seluruh tanah air negara Malaysia tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan bersyukur kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana negara kita Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita sayangi, yang berdedikasi, ikhlas dan prihatin terhadap masyarakat, negara serta bijak dan dihormati oleh segenap lapisan masyarakat telah membuahakan satu Bajet 2005, yang memestikan kesinambungan mutu, kualiti kepimpinan, cemerlang dan gemilang daripada bekas Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Teras dan corak pemerintahan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan terus berjaya dan menepati aspirasi negara Malaysia cemerlang, gemilang dan terbilang. Pada masa yang sama, mencapai *develop nation status*, dengan izin, serta progresif, makmur dan stabil, disegani dan dihormati oleh seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya ini berasal dari masyarakat bumiputera keturunan Iban dari luar bandar di Sarawak, saya ingin menyentuh dan menumpukan perhatian kepada isu-isu aspek pembaharuan yang masih lagi ketinggalan dari segi pembangunan, jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Di samping itu saya juga ingin memberi perhatian penuh terhadap unsur-unsur pembangunan luar bandar termasuk hal ehwal wanita di Sarawak yang pada hemat saya masih lagi memerlukan perhatian khusus dan istimewa daripada kerajaan.

Walau bagaimanapun, penduduk negeri Sarawak sangat bersyukur dengan tahap pencapaian dan kejayaan pelaksanaan pelbagai projek daripada Kerajaan Persekutuan sehingga hari ini. Kesungguhan dan komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan negeri Sarawak adalah disebabkan oleh jalinan mesra dan erat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Timbalan Ketua Wanita PBB, di mana Parti PBB merupakan tunjangan keras kekuatan Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sarawak, saya ingin memaklumkan akan sokongan kuat dan padu kami semua, ahli Parti PBB terhadap usaha gigih dan aspirasi Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak untuk menjadikan Sarawak sebuah negeri yang aman, tenteram, stabil, harmoni, bahagia dan sentiasa progresif dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Bajet 2005 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Menteri Kewangan telah menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan pimpinan Perdana Menteri memperakui Sarawak masih lagi memerlukan perhatian khas dari segi aspek pembangunan terutama sekali di kawasan luar bandar yang telah mendorong kerajaan untuk memberi keutamaan dan keistimewaan dari segi peruntukan bagi negeri Sarawak berdasarkan *the rural wattage*, dengan izin, yang amat dialu-alukan dan dihargai oleh negeri Sarawak. Saya berharap pendekatan sebegini akan berterusan di masa yang akan datang, terutama sekali dalam memberi pertimbangan dari segi

peruntukan kepada negeri Sarawak dalam usaha pembangunan negeri Sarawak lebih-lebih lagi bagi kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang saya ingin sentuhkan adalah berkenaan dengan penyusunan semula sistem percukaian. Pagi tadi kita telah mendengar dari Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh tentang hal ini dengan panjang lebar. Di dalam Bajet 2005, kerajaan telah mencadangkan supaya cukai yang sedia ada iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan dimansuhkan dengan gantian cukai penggunaan berasaskan nilai tambah yang dikenali sebagai cukai barangan dan perkhidmatan (*goods and services tax*) di mana ianya akan dilaksanakan pada 1 Januari 2007.

Saya amat berkeyakinan bahawa sistem percukaian baru ini sudah tentu akan memperbaiki sistem percukaian negara kerana kerajaan sudah tentu telah mengkaji dengan mendalam isu-isu berkenaan sistem GST ini dan membuat perbandingan dan telah melihat akan kesan-kesannya di negara yang telah menggunakan sistem percukaian GST. Namun demikian, saya mengharapkan supaya kerajaan memperkenalkan Sistem Percukaian GST ini kepada rakyat secara berperingkat-peringkat supaya rakyat tidak akan terkejut apabila sistem GST ini dilaksanakan nanti. Kadar percukaian GST ini adalah dicadangkan pada awalnya rendah untuk rakyat menyesuaikan diri dengan sistem percukaian baru ini, lebih penting lagi, kerajaan melalui kementerian dan jabatan yang berkaitan mengambil langkah untuk mendidik rakyat mengenai sistem GST yang baru ini supaya rakyat tidak akan berperasaan sangsi terhadap kerajaan yang boleh menimbulkan pelbagai masalah pada hari kemudian, apabila tanggungjawab kerajaan juga untuk menyenangkan hati rakyat dan memberi satu imej bahawa sistem percukaian GST ini bukan bagi membebankan rakyat ataupun satu kaedah kerajaan meningkatkan pendapatan.

Para peniaga juga mestilah diawasi untuk tidak membenarkan mereka menaikkan harga barang atau servis di pasaran yang lebih menjejaskan imej kerajaan kerana kadangkala para peniaga ini memang akan mencari jalan untuk meraih lebih banyak keuntungan dan menyalahkan kerajaan kerana kenaikan harga barangan di pasaran. Ini adalah amalan biasa para peniaga dan kerajaan harus mencegah kejadian sebegini dari awal lagi. Kerajaan juga boleh memberi penjelasan kepada para Ahli Dewan yang sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi untuk membolehkan para Ahli Dewan lebih mengenali sistem GST secara dekat dan

menjelaskan sistem GST ini kepada penduduk di kawasan luar bandar, yang saya percaya akan merasai kesan harga barang dan servis yang lebih tinggi. Penjelasan mengenai sistem GST kepada rakyat ini adalah penting sekiranya kerajaan ingin melihat ianya dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan Bajet 2005 dengan menyentuh sektor pertanian negara. Memandangkan kadar import barang makanan negara telah meningkat ke RM13.9 bilion pada tahun 2003, adalah tepat pada Malaysia negara kita memberi tumpuan kepada sektor ini seperti mana yang telah dicadangkan oleh kerajaan di dalam Bajet 2005 supaya sektor pertanian menjadi jentera ketiga pertumbuhan selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan. Namun demikian, sebelum kerajaan melaksanakan program-program tersebut, adalah penting untuk kita sedar bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan taraf dan sektor pertanian negara kita bukanlah suatu usaha yang senang. Ramai para petani yang telah menjangkau usaha tetapi masih lagi mencari kehidupan melalui aktiviti pertanian tidak akan dapat mengikut arus perubahan seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan melalui agenda transformasi sektor pertanian.

Oleh itu saya berpendapat transformasi sektor pertanian ini sebaik-baiknya ditumpukan kepada generasi yang lebih muda dan ada baiknya juga kerajaan memberi galakan dan insentif istimewa kepada para graduan dan pemuda-pemuda yang ingin menceburkan diri dalam sektor pertanian dengan kaedah moden. Perkongsian pengalaman dan gabungan tenaga kerja di antara petani muda, moden dan generasi petani tua juga boleh digalakkan di mana generasi petani tua yang mempunyai tanah dan pengalaman boleh menyewakan tanah mereka ataupun berkongsi bersama-sama membangunkan tanah bagi mengembangkan sektor pertanian negara.

Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi boleh memainkan peranan dengan memberi galakan dan tumpuan kepada para pelajar di bangku sekolah untuk mengikuti kursus pertanian sebagai alternatif kepada kursus-kursus yang biasa seperti kedoktoran, kejuruteraan, perdagangan dan sebagainya. Salah satu cara bagaimana kerajaan boleh menggalakkan lebih lagi penglibatan tenaga muda di dalam sektor pertanian adalah dengan menawarkan lebih banyak projek perintis kepada para graduan, terutamanya kepada lepasan Universiti Putra Malaysia dan juga lepasan kursus pertanian dari institusi pendidikan swasta luar negara.

Dengan adanya projek perintis ini lebih ramai yang akan tertarik dengan sektor pertanian moden. Cara ini juga akan membantu meringankan tekanan terhadap pelajar di IPTA terutamanya dalam kursus yang mempunyai permintaan yang banyak kerana ada di antara pelajar itu yang mungkin berminat dalam sektor pertanian yang boleh memberi pulangan yang lebih lumayan selepas tamat kursus dan mereka tidak perlu risau tentang mencari pekerjaan, kerana kerajaan telah menyediakan projek perintis kepada mereka yang berminat dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga mesti bersedia dan komited dalam usaha membantu petani dan sentiasa mengikut arus perubahan sektor pertanian dunia, supaya lebih berkesan dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada para petani. Pegawai kerajaan memainkan peranan sebagai jambatan di antara kerajaan dari aspek memasarkan dasar-dasar negara dan pelaksanaan dalam usaha mentransformasikan sektor pertanian, tanpa komitmen daripada mereka adalah sukar untuk kita mencapai matlamat dan visi untuk mentransformasikan sektor pertanian negara. Visi untuk melihat sektor pertanian negara berkembang maju mestilah dikongsi dan disokong oleh setiap lapisan masyarakat. Bagi pihak swasta pula penglibatan di dalam sektor pertanian akan lebih mendapat perhatian dengan adanya insentif cukai dan saya amat gembira melihat adanya banyak insentif cukai bagi pihak swasta seperti potongan 100% ke atas perbelanjaan modal taraf perintis atau elaun cukai pelaburan selama lima tahun dan elaun pelaburan selama 15 tahun. Pekebun-pekebun kecil juga tidak ketinggalan, kerana di dalam Bajet 2005 ini kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion bagi membantu mereka mengusahakan projek pertanian mereka dengan penggunaan benih tanaman dan baka ternakan yang berkualiti.

Saya juga menyambut baik cadangan dan usaha kerajaan yang ingin mengembangkan sektor Produk Halal negara yang masih lagi di peringkat awal. Pasaran Produk Halal di peringkat antarabangsa adalah sangat luas dan memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang dikagumi dan dihormati oleh negara-negara Islam lain dan persijilan Logo Halal Malaysia diiktiraf di seluruh dunia, maka sudah tepat pada masanya para pengusaha tempatan merebut peluang ini dan berusaha untuk memasarkan Produk Halal Malaysia di negara-negara Islam yang lain. Selain daripada menembusi pasaran antarabangsa, peluang ini yang

disediakan di dalam Sektor Produk Halal ini juga akan mendedahkan usahawan-usahawan tempatan ke teknologi-teknologi baru, pemindahan teknologi kaedah-kaedah terbaru, dalam usaha penternakan haiwan dan juga keuntungan dari segi pertukaran mata wang. Semua ini bukan sahaja untuk kebaikan para pengusaha tempatan malahan adalah baik untuk negara juga.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Sarawak juga telah mencapai 40 tahun merdeka dalam Malaysia, namun Sarawak masih lagi belum mencapai tahap pembangunan yang setaraf dengan Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, saya yakin Kerajaan Persekutuan tidak akan lupa dengan tanggungjawab serta janji-janji untuk meneruskan program pembangunan bagi Sarawak, lebih-lebih lagi pembangunan luar bandar. Ramai sekali penduduk negeri Sarawak yang masih tinggal di kawasan-kawasan luar bandar, di pinggir pantai yang sangat memerlukan pembangunan, bagi saya sendiri yang berasal dari kawasan luar bandar telah melalui kehidupan yang pahit semasa kecil di kawasan luar bandar.

Oleh kerana itu, saya amat faham akan kesulitan kehidupan di kawasan luar bandar, di mana setiap hari merupakan suatu perjuangan untuk mencari nafkah kehidupan bagi keluarga dan beban tersebut lebih berat lagi sekiranya terdapat ramai anak-anak yang masih berada di alam persekolahan dan memerlukan duit untuk bersekolah terutama sekali apabila menduduki peperiksaan umum.

Peruntukan yang telah dicadangkan bagi Bajet 2005 iaitu RM130 juta untuk program bekalan *electricity*, RM95 juta untuk bekalan air, RM174 juta untuk pembinaan jalan kampung, RM50 juta untuk menyiapkan dan membina jalan luar bandar dan RM18.7 juta bagi meningkatkan taraf kesihatan luar bandar, merupakan suatu jumlah yang besar dan saya percaya rakyat di kawasan luar bandar akan menyambut baik peruntukan tersebut dan akan menantikan program pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan serta-merta.

Walaupun bagaimanapun, saya mengharapkan kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memantau perkembangan pelaksanaan projek kawasan luar bandar supaya tidak kelewatan dari segi pelaksanaan dan kumpulan sasaran yang sepatutnya menikmati projek-projek tersebut benar-benar mereka yang memerlukannya. Rakyat Negeri Sarawak masih lagi memerlukan banyak pembangunan luar bandar, terutama sekali pembangunan prasarana infrastruktur kerana banyak kawasan-kawasan luar bandar yang masih lagi belum menikmati

sepenuhnya bekalan air, elektrik, klinik kesihatan dan sebagainya. Malah jalan-jalan kampung yang menghubungkan antara satu kampung atau rumah panjang dengan pekan kecil juga masih tidak mencukupi.

Saya amat mengharapkan dan memohon supaya kerajaan bersedia untuk memberi pertimbangan supaya peruntukan pembangunan infrastruktur dan komunikasi dapat ditambahkan untuk membolehkan lebih banyak kawasan di buka dan dibangunkan supaya dapat menjadi *economically, sustainable, economic entities*, dengan izin, yang dilengkapi penuh dengan kemudahan ICT menerusi *fiber optic, broadband* dan komunikasi satelit. Sekiranya tidak ada usaha untuk membangunkan serta memberi kemudahan seumpama ini, maka kawasan luar bandar ini tetap akan ketinggalan dan tidak dapat mengikut serta menikmati arus perubahan Wawasan 2020.

Di samping itu, saya juga ingin memohon supaya Kerajaan Pusat untuk meningkatkan kadar peruntukan bagi membina lebih banyak lagi pusat-pusat kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk juga hospital di Sarawak dengan kadar segera dan menempatkan lebih ramai doktor-doktor dan pegawai-pegawai perubatan, jururawat-jururawat untuk membolehkan langkah mewujudkan konsep kehidupan keluarga bahagia di kawasan luar bandar di Sarawak.

Saya juga mengharapkan supaya peruntukan kemudahan awam seperti bekalan air luar bandar, elektrik, projek jalan kampung, jalan luar bandar dan juga projek ekonomi kampung dapat ditambah, kerana ini akan dapat memudahkan serta mempercepatkan program peningkatan kebolehan dan jati diri penduduk luar bandar dan kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri, untuk mengasingkan Kementerian Pendidikan kepada dua kementerian yang dinamik iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi adalah satu langkah yang realistik. Dengan adanya kedua-dua kementerian ini saya yakin tumpuan kepada pendidikan negara akan lebih fokus bagi meningkatkan prestasi dan perkembangan sektor pendidikan negara. Peruntukan yang telah dicadangkan dalam Bajet 2005 adalah terbesar berbanding dengan sektor yang lain iaitu $\frac{1}{4}$ daripada peruntukan mengurus dalam tahun 2005 dan pecahannya adalah RM16.3 bilion bagi Kementerian Pelajaran dan RM5.2 bilion bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Ini menunjukkan

hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk memajukan lagi serta menitikberatkan peranan utama pendidikan bagi masa hadapan negara.

Namun demikian, kalau kita meneliti dengan mendalam keadaan pendidikan di Sarawak, tahap kemajuan pendidikan nampaknya jauh ketinggalan. Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar masih lagi serba kekurangan. Sekolah-sekolah sering mengalami kekurangan bilik-bilik darjah, kemudahan-kemudahan belajar dan juga tenaga guru. Sebagai contoh, keadaan rumah guru di sekolah-sekolah kawasan luar bandar juga amat menyedihkan dan saya tidak menyalahkan para guru yang enggan mengajar di sekolah-sekolah kawasan luar bandar dengan keadaan rumah guru yang usang dan buruk tanpa sebarang kemudahan.

Ini jauh berbanding dengan para guru yang mengajar di bandar atau pekan-pekan kecil. Sekolah luar bandar di Sarawak juga mengalami keadaan di mana kekurangan atau tidak ada *pre-schooling*, *classes*, dengan izin, atau tadika, contohnya di rumah-rumah panjang. Ini amat membimbangkan kerana tidak adanya *pre-schooling classes* akan menyebabkan kanak-kanak luar bandar jauh ketinggalan dari segi keupayaan untuk membaca dan menulis berbanding dengan kanak-kanak yang telah menghadiri *pre-schooling* di bandar.

Apabila kanak-kanak ini berhijrah ke bandar untuk meneruskan pelajaran mereka, mereka akan menghadapi kesusahan untuk mencapai ke tahap keupayaan kanak-kanak di bandar kerana mereka telah jauh ketinggalan dari segi pendidikan asas. Mereka akan menghadapi tekanan dan sering kali akan putus asa untuk meneruskan pendidikan mereka. Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran dicadangkan supaya membuat kajian mendalam serta mencari jalan untuk mengatasi masalah ini dengan menyediakan *pre-schooling* di kawasan luar bandar supaya kanak-kanak di luar bandar dapat memulakan pendidikan asas mereka lebih awal sama seperti mereka di bandar supaya jurang perbezaan di antara mereka yang di bandar dan yang di luar bandar dapat dikurangkan sedikit demi sedikit.

Usaha kerajaan bagi menyediakan kemudahan yang sepatutnya ke sekolah-sekolah luar bandar bagi memberi peluang pelajar-pelajar didedahkan kepada alam informasi teknologi amatlah diterima dengan tangan terbuka. Akan tetapi sebelum itu, kerajaan harus memastikan bahawa kemudahan-kemudahan asas sudah dipenuhi kerana apa gunanya komputer yang mahal dan canggih kalau tidak ada tenaga

pengajar yang berupa mengajar pelajaran menggunakan ataupun kemudahan *internet* telah disediakan, namun sekolah tersebut tiada kemudahan telefon.

Keadaan sekolah-sekolah di bandar pula berbeza, di mana sekolah-sekolah menghadapi kekurangan bilik darjah dan kelas yang sesak dengan pelajar-pelajar disebabkan peningkatan *enrolment* pelajar di sekolah. Di samping itu, sekolah di bandar juga menghadapi masalah kekurangan kemudahan komputer dan sejak kebelakangan ini, banyak pelajar di sekolah bandar, yang telah terlibat di dalam aktiviti-aktiviti negatif seperti samseng dan tidak berdisiplin. Pelajar-pelajar ini merupakan unsur-unsur negatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menimba ilmu di sekolah dan sekiranya kementerian tidak mengambil tindakan yang tegas, masa depan anak-anak sekolah kita sudah tentu akan tercemar dan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan mesti mencari jalan untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin kerana apalah guna kalau kerajaan telah memperuntukkan sebegitu banyak peruntukan bagi anak-anak kita yang merupakan masa depan negara, namun ianya tidak dapat membuahkan hasil yang boleh mengerakkan negara maju ke hadapan setapak lagi. Usaha-usaha untuk mengatasi gejala-gejala sosial di kalangan anak-anak sekolah dan kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah bandar dan luar bandar, memang bukan perkara yang senang, tetapi saya yakin dengan adanya kerajaan yang prihatin dan keadaan rakyat dan golongan remaja serta sokongan rakyat maka masalah ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon serta mengharapkan jasa baik kerajaan supaya mencari jalan bagi menambahkan lagi peruntukan pembangunan membina sekolah-sekolah teknik, politeknik dan sebagainya di kawasan luar bandar kerana kemudahan-kemudahan sebegini masih lagi tidak mencukupi. Keperluan ini lebih membimbangkan lagi kerana kekurangan dari segi kemudahan pendidikan ini amat menjejaskan penduduk luar bandar di mana majoriti penduduknya terdiri daripada golongan bumiputera yang masih mundur dan belum seberapa maju.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu guru. Sebagai seorang bekas guru sekolah di Sarawak, saya rasa *profesion* perguruan pada masa ini sedang menghadapi krisis identiti di mana guru dipaksa oleh masyarakat untuk memainkan peranan tambahan, bukan sahaja sebagai guru tetapi juga sebagai ibu atau bapa. Kepada pelajar boleh dikatakan disebabkan pelajar banyak menghabiskan waktu mereka di sekolah, para ibu bapa telah mengalihkan tanggungjawab mereka kepada para guru di

sekolah. Kita sering mendengar rungutan daripada guru yang mengadu bahawa ibu bapa pelajar enggan bersua muka dengan guru disebabkan tidak ada masa dan mengharapkan guru untuk mendisiplinkan anak-anak mereka ataupun tidak mempedulikan langsung perkembangan persekolahan anak-anak mereka.

Keadaan ini amat membimbangkan dan boleh mengakibatkan para guru merasa tertekan kerana persoalan di manakah sepatutnya peranan guru ini berakhir dan bermula timbul. Langkah positif yang dicadangkan oleh kerajaan bagi meningkatkan lagi martabat dan insentif *profesion* perguruan dalam Bajet 2005, seperti peluang kenaikan pangkat tanpa meninggalkan sekolah dan terus mengajar bagi mereka yang gemar mengajar sangat dialu-alukan.

Tambahan pula pengwujudan jawatan khas seperti guru cemerlang dan pengetua cemerlang adalah satu jalan pengiktirafan kerajaan kepada para guru yang setia dan komited kepada *profesion* guru.

Timbalan Yang di-Pertua: Maaf, Yang Berhormat, minta duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani untuk mempengerusikan seterusnya Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini. *[Tepuk]*

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Karim Ghani: Teruskan.

Dato Sri Empiang Jabu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi. Langkah positif yang dicadangkan oleh kerajaan bagi meningkatkan lagi martabat dan insentif *profesion* perguruan dalam Bajet 2005, seperti peluang kenaikan pangkat, tanpa meninggalkan sekolah dan terus mengajar bagi mereka yang gemar mengajar sangat dialu-alukan. Tambahan pula, pengwujudan jawatan khas seperti Guru Cemerlang dan Pengetua Cemerlang adalah suatu pengiktirafan kerajaan kepada para guru yang setia dan komited kepada *profesion* perguruan adalah tepat pada masa dan waktunya para guru tidak akan berasa terpinggir ataupun merasakan perjuangan mereka sebagai pendidik tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan julung kali saya ini, saya ingin kerajaan memberi pertimbangan terhadap cadangan saya supaya kerajaan menambahkan peruntukan grant kepada Sarawak dalam program saintifik dan penyelidikan, *intensify research in priority area*, dengan izin bagi mempertingkatkan penglibatan penyelidikan dalam bioteknologi dan banyak lagi program lain. Saya juga

ingin supaya kerajaan dengan kadar segera membekalkan Sarawak dengan pesawat helikopter canggih bagi *fire fighting*, dengan izin dan juga operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kerana helikopter-helikopter jenis ini sangat diperlu bagi operasi SAR seperti mana semasa kejadian nahas helikopter di Bario, Bak Kelalang pada Julai 2004, walaupun helikopter jenis canggih tersebut telah berada di Semenanjung Malaysia, namun ia tidak sempat dihantar ke Sarawak bagi membantu dalam usaha mencari dan menyelamatkan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Natal kepada semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang beragama Kristian dan juga Selamat Tahun Baru 2005. Semoga tahun 2005 akan membawa kemajuan bukan sahaja kepada diri kita sendiri tetapi juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Bajet 2005.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

4.12 ptg

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2005. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Karim kerana mempengerusikan mesyuarat kita pada petang ini dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang baru dilantik pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana terus melaksanakan segala usaha untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi dalam negara kita. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. di atas pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi kita yang semakin kukuh. Apa yang kita harapkan ialah rezeki yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kesejahteraan seluruh rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2005 adalah tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelapan dan tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia yang Kesembilan. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian sejauh manakah pemantauan dibuat terhadap Rancangan Malaysia Kelapan yang telah lalu adakah mencapai targetnya dan apakah strategi yang digunakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya wujudnya

keseimbangan ekonomi terutama di antara negeri-negeri maju di sebelah barat dengan negeri-negeri yang kurang maju di sebelah timur. Dan kita mahu satu strategi yang konkrit perlu dirancang bagi mengurangkan jurang ekonomi antara negeri-negeri di sebelah pantai timur dan negeri-negeri di sebelah pantai barat.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan di antara empat strategi yang digunakan dan dicadangkan oleh kerajaan dalam Bajet 2005 ini. Cuma saya bimbang dengan penyusunan semula sistem pencukaian dengan mewujudkan cukai barangan dan perkhidmatan atau ringkasannya GST yang akan dilaksanakan pada awal tahun 2007 ini. Adakah kerajaan telah membuat kajian terperinci terhadap perkara ini sebelum ia dilaksanakan. Berapakah kadar GST yang akan dikenakan kepada rakyat dan berapakah kadar cukai GST ini dan apakah senarai barangan keperluan asas yang akan dikecualikan dalam cukai ini.

Adakah GST ini akan dilaksanakan terhadap semua barangan dan perkhidmatan yang dijual di pasaran sebab kita semua tahu tujuan utama untuk GST ini dilaksanakan ialah selain daripada untuk menambahkan pendapatan kerajaan, ia juga untuk mengurangkan cukai individu ataupun orang-orang yang kaya dan mengurangkan cukai korporat ataupun syarikat. Saya ingin penjelasan juga daripada pihak kerajaan kenapa kerajaan ingin mengurangkan cukai terhadap individu sebab kita tahu individu yang membayar cukai ini adalah individu yang kaya dan kenapa cukai syarikat ataupun korporat ini hendaklah dikurangkan?

Apakah kajian telah dibuat terhadap kesannya kepada rakyat bawahan terutama golongan yang berpendapatan rendah? Sebab dalam kajian mendapati 50% daripada keluarga di negara kita ini mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM1,800 sebulan. Jadi sekiranya cukai GST ini dinaikkan sudah tentu ia membebankan rakyat terutama bagi keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai. Jadi secara walaupun cukai ini dikenakan kepada barangan yang tertentu tetapi ia boleh mempengaruhi harga pasaran kepada keperluan yang lain. Sebagai contoh kita lihat baru ini bagaimana apabila harga minyak naik maka secara tidak langsung ia mempengaruhi kenaikan barang-barang harian yang lain. Ini sudah tentu akan membebankan rakyat. Jadi saya mengharapkan supaya kerajaan mengkaji dengan sebaik mungkin sebelum dilaksanakan cukai GST ini supaya ia memberi keadilan yang baik terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita alu-alukan usaha kerajaan untuk membuat potongan cukai pendapatan terhadap pendapatan perniagaan yang membayar zakat perniagaan. Ini adalah bertepatan dengan ajaran Islam supaya zakat perniagaan ini dikeluarkan sebanyak 2.5%. Persoalannya ialah kenapa hasil Petronas yang kita dapat tahu tahun ini sahaja mendapat keuntungan melebihi RM25 bilion tetapi dalam jawapan menteri dalam minggu lepas bahawa Petronas tidak pernah mengeluarkan zakat. Kenapa rakyat dipaksa untuk mengeluarkan zakat tetapi syarikat milik kerajaan sendiri tidak pernah mengeluarkan zakat. Di mana sebenarnya penghayatan Islam dalam pelaksanaan ekonomi negara yang melaungkan slogan Islam Hadhari. Saya ingin penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan suasana yang ada sekarang ini bagaimana kita lihat bagaimana di dada-dada akhbar setiap kali berlakunya musim banjir atau musim tengkujuh ini banyak nyawa yang terkorban. Suasana ini memang selalu berlaku terutama di negeri-negeri di sebelah pantai timur. Di antara masalah yang besar terutama di sebelah pantai timur ialah hakisan pantai, bagaimana ombak besar yang melanda sehingga merosakkan banyak infrastruktur, bangunan dan rumah rakyat dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan dengan keteguhan ekonomi yang ada pada negara kita hari ini kerajaan memberi perhatian dalam soal membina benteng pemecah ombak terutama di sepanjang pantai di perairan timur sebab perkara ini amat penting dalam kita menjamin kesejahteraan rakyat sebab kita tidak mahu banyak lagi harta awam akan musnah akibat daripada hakisan ombak yang semakin melebar sekarang ini.

Jadi saya ingin tahu dalam Bajet 2005 ini berapakah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam membina benteng pemecah ombak terutama di negeri Kelantan. Saya ingin juga mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk mewujudkan dana khas pembangunan dan promosi...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Silakan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Siti Zailah. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan, berlakunya banjir yang sudah pasti di Terengganu dan di Kelantan, apakah di bawah pemerintahan PAS di Terengganu ataupun di Kelantan telah membuat perancangan yang rapi bagi menangani masalah banjir? Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat, ya Yang Berhormat Siti Zailah sila teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat segala daya kemampuan yang ada dalam kita menanagi masalah banjir tetapi dalam kemampuan yang amat terhad, kewangan kerajaan negeri yang amat terhad, sudah tentulah kita tidak mampu mengatasi, contohnya dalam membina benteng pemecah ombak yang menelan belanja berpuluh juta ringgit sudah tentulah kita tentu kita tidak mampu melaksanakan tanpa kita bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Jadi sebagai sebuah negeri yang kita sama-sama juga di bawah Kerajaan Pusat dan rakyat Kelantan juga menyumbang cukai kepada Kerajaan Pusat, maka semestinya tanggungjawab ini bukan persoalan negeri tetapi ini adalah tanggungjawab sosial sebagai sebuah kerajaan yang memerintah. Jadi, itulah pada jawapan saya Yang Berhormat.

Saya ingin juga menyentuh tentang dana khas pembangunan dan promosi produk halal yang memperuntukkan dana sebanyak RM10 juta. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk promosi produk halal dan kita mengharapkan negara kita di antara negara pengeluar makanan halal yang terbesar di dunia.

Jadi, apa yang kita harapkan ialah di dalam kita melaksanakan pembangunan ini ialah mestilah kita memberi keutamaan terutama di dalam pembangunan dari segi pertanian dan keutamaan kepada negeri-negeri yang mempunyai potensi pertanian tinggi. Contohnya, saya mengharapkan supaya dana ini juga dialirkan ke negeri Kelantan sebab negeri Kelantan ini juga mempunyai sumber bumi yang subur untuk pembangunan pertanian. Jadi, saya mengharapkan supaya tidak ada birokrasi dalam soal ini dan saya harapkan supaya dalam isu kemasukan pelabur-pelabur asing untuk melabur di negeri Kelantan juga supaya tidak ada sekatan politik supaya sama-sama kita dapat memajukan negara demi kepentingan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang melibatkan peruntukan mengurus sebanyak RM1.469 bilion. Kita berterima kasih di atas segala usaha pihak kementerian untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan berasaskan pertanian untuk keperluan negara melibatkan petani, penternak dan nelayan.

Kita semua tahu golongan petani, penternak dan nelayan di antara golongan yang paling memerlukan perhatian oleh pihak kerajaan kerana pendapatan mereka bermusim dan tidak tetap. Dalam suasana pertumbuhan ekonomi negara yang semakin kukuh ini, harga barang keperluan semakin meningkat, sudah tentulah golongan petani, penternak dan nelayan ini berdepan dengan tekanan ekonomi jika tidak ada suatu pembelaan.

Jadi, kita dimaklumkan juga Tuan Yang di-Pertua bagaimana imbalan perdagangan makanan negara bagi tahun 2001 dan tahun 2002 adalah mengalami defisit iaitu RM5 bilion pada tahun 2001 dan defisit RM5.8 bilion pada tahun 2002. Ini menunjukkan bahawa negara kita masih berada di dalam keadaan kekurangan sumber makanan. Jadi, apakah strategi yang dirancang oleh pihak kerajaan pada tahun akan datang agar pengeluaran makanan negara meningkat supaya ia dapat mengurangkan kebergantungan kita melalui makanan import.

Apakah usaha untuk mengurangkan makanan import hasil laut terutama bagi keperluan negara, sebab kita dapat tahu negara kita masih mengimport banyak makanan terdiri daripada ikan, daging dan sebagainya. Setakat ini, apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam Bajet 2005 ini supaya kita boleh mengurangkan defisit import kita, kebergantungan kita terhadap makanan daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga penjelasan sejauh manakah peranan FAMA dan MARDI dalam menyelesaikan isu lambakan buah-buahan tempatan di musim buah-buahan terutama di kawasan pendalaman, sebab kita lihat sekarang ini lambakan buah-buahan terlalu banyak. Harganya amat murah sampai setakat 50 sen satu kilo kalau buah duku, di musim buah-buahan. Sudah tentu ia tidak mendatangkan hasil yang lumayan kepada petani.

Jadi, apakah usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian ini, supaya lambakan buah-buahan ini boleh memberi hasil yang lumayan kepada petani dan pekebun-pekebun untuk kita menaikkan taraf ekonomi negara di masa akan datang. Saya juga ingin penjelasan iaitu dalam peruntukan yang dibentangkan di hadapan kita hari ini, di mana sebanyak RM619 juta untuk subsidi baja dan subsidi harga padi.

Terima kasih di atas perhatian yang diberi oleh kerajaan kepada para petani. Cuma, saya hendak tahu kenapa baja subsidi yang diberi oleh kerajaan ini masih di

cop guninya dengan cop dacing Tuan Yang di-Pertua. Saya berdepan dengan isu ini sebab saya duduk di kampung, sedangkan wang yang untuk kita beri subsidi kepada rakyat ini, wang negara, bukan wang Barisan Nasional.

Jadi, sepatutnya kalau hendak cop, sepatutnya cop Kerajaan Malaysia. Kerajaan Kelantan pun memberi subsidi baja kepada rakyat negeri Kelantan tetapi kita tidak cop di guni itu dengan cop bulan purnama. Jadi, saya haraplah kementerian ambil perhatian. Jangan pula baja padi dipolitikkan. Jadi, bagi saya tidak rasionallah bagi sebuah negara maju yang menjadi contoh kepada negara-negara lain. Kita sebagai Pengerusi OIC, Pengerusi NAM, sepatutnya semua sudut kita bagi contoh. Jadi, maknanya kalau kita lihat di negara luar....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya. Saya nampak Yang Berhormat agak laju sangat bercakap, saya minta dia berehat sedikit, bertenang kerana bercakap dalam *tension* ini mengakibatkan kesihatan. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan tentang kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan cop Barisan Nasional di baja. Saya rasa, pada pandangan saya tidak salah kerana kita sebagai sebuah kerajaan, kita sentiasa memberi segala bantuan jasa-jasa mereka yang telah mengundi kerajaan.

Jadi, pada pandangan saya, kalau hendak sikap, hendak sentuh tentang kita sebagai kerajaan, negara kita sebagai Pengerusi NAM, Pengerusi OIC, tetapi di bawah Kerajaan PAS sendiri telah pun menunjukkan kezaliman dari segi pemecatan, pembuangan jawatankuasa-jawatankuasa, penghulu-penghulu tanpa mengambil kira masalah-masalah. Begitu juga dengan sekolah-sekolah yang dulunya tetapi dirampas, anak-anaknya di bawah UMNO. Walaupun di bawah UMNO, tetapi dirampas, ditutup. Jadi, soal tentang Barisan Nasional hendak mempertikaikan keadilan, saya rasa kita kena tengok jugalah, kadang-kadang sekali-sekala tengok cermin. Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Puan Siti Zailah, teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan *tension* tetapi saya minat berbahas. Jadi, macam inilah. Kalau sudah naik itu, kadang-kadang meninggi suara. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, maknanya lambang dacing di baja pada pandangan beliau

tidak salah. Pada pandangan saya, tidak kena pada tempatnya. Kita mesti membezakan antara parti dan kerajaan. Kalau kita parti itu, kerajaan kita campuradukkan inilah yang menyebabkan timbulnya masalah dalam pentadbiran negara. Jadi, kalau kita lihat dalam negara-negara di seluruh dunia, tidak ada negara yang meletakkan lambang parti dalam peruntukan kerajaan....

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Puan Siti Zailah, duduk sebentar, dengan izin beri jalan?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adakah salah kerana kita tahu Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah, jadi Kerajaan Barisan Nasional yang memberi bantuan. Jadi, ini bukan soal parti, soal kerajaan yang memerintah, Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, kalau hendak bubuh cop itu, tidak ada masalah. Kita hendak beritahu kepada rakyat, inilah Kerajaan Barisan Nasional yang adil, yang dapat peruntukan, yang dapat sumber kewangan daripada rakyat. Kita bagi balik kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Puan Siti Zailah, teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ramai yang minat tentang baja padi ini. Jadi, soalnya sekarang masalahnya, kalau hendak cop, cop semualah. Kenapa baja padi sahaja yang di cop? Tetapi, saya tengoklah bagaimana? Di Kelantan pun kita bagi baja tetapi kita cop dengan cop bulan purnama. Di sini menunjukkan bahawa bagaimana dalam pentadbiran kita ada ketelusan. Sebagaimana tuduhan Yang Berhormat tadi bahawa ada penghulu yang dipecat. Cuba sebutkan penghulu mana? Setahu saya, tidak ada penghulu yang dipecat sebab penghulu di Kelantan lantikan secara kontrak daripada setahun ke setahun, mengikut prestasi dia. Kalau sekiranya prestasi dia tidak mencapai *target* kita, kita ganti dengan orang yang baru pada tahun seterusnya. Begitu juga sekolah Tadika. Malah, di Kelantan wujudnya sekolah Tadika dan Pasti bersebelahan. Tidak ada masalah diskriminasi langsung di Kelantan. Cuba, sila Yang Berhormat datang ke Kelantan, kita boleh bawa bukti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegur tentang projek-projek yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Kita menyambut baik di atas tanggungjawab yang dibuat oleh pihak kerajaan, tetapi, kenapa semua projek cop di label "ini projek Kerajaan Persekutuan"?

Mana-mana negara yang kita pergi, tidak ada satu negara pun yang letak ini projek Kerajaan Thailand, ini projek Kerajaan India. Tidak ada. Tetapi, kenapa di negara kita mesti diletakkan label “Ini projek Kerajaan Persekutuan” Memang kita rakyat sudah tahu, memang tanggungjawab kerajaan supaya memberi pembangunan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Kita ada negeri-negeri dalam satu negara. Jadi mungkin sesetengah projek itu datangnya daripada projek kerajaan negeri. Mungkin sesetengah projek datang daripada Kerajaan Negeri Kelantan, jadi dia bubuh projek kerajaan negeri. Jadi kalau projek itu datang daripada Kerajaan Persekutuan ia kena bubuhlah projek Kerajaan Persekutuan. Kalau tidak nanti orang akan kata projek ini siapa punya? Kerajaan negeri punya atau Kerajaan Pusat punya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil satu contoh yang mudah. Seorang bapa bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anaknya. Kerajaan negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Adakah seorang bapa apabila dia membeli sepasang pakaian dilabelkan pada pakaian ini bapa beli. Saya rasa semua Yang Berhormat boleh berfikir tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pelajaran yang mendapat peruntukan.....

Dato’ Musa bin Sheikh Fadzir: Minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:sebanyak 16....

Dato’ Musa bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kerajaan negeri ini tidak bersyukur apa yang Kerajaan Persekutuan buat. Kita perlu beritahu kepada rakyat ini projek Kerajaan Persekutuan. Kadang-kadang ada anak yang bapanya beli dia tidak bersyukur, dia perlu beritahu kepada anak barang ini bapa yang beli. Jadi dia kena beritahu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih teruskan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya ingin menyentuh kepada Kementerian Pelajaran yang mendapat peruntukan sebanyak RM16,321,292,000 untuk perbelanjaan mengurus dan RM398,177,500 untuk peruntukan pembangunan. Kementerian Pelajaran di antara kementerian mendapat peruntukan yang paling tinggi

berbanding dengan kementerian-kementerian yang lain. Saya mengucapkan tahniah di atas perhatian yang serius yang diberi oleh kerajaan dalam bidang pelajaran dan pendidikan.

Cuma saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan kenapa kerajaan menukar nama kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran. Ini banyak dipersoalkan bukan sahaja daripada pihak kami tetapi banyak pihak kenapa nama kerajaan yang daripada Kementerian Pendidikan ditukar menjadi Kementerian Pelajaran sedangkan kita lihat bagaimana pengertian pendidikan itu lebih luas dan lebih menyeluruh sebab kita hendak melahirkan pelajar kita bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi kita hendak melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akhlaknya. Mungkin Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan saya.

Oleh itu pendidikan ini perlu diberi perhatian yang lebih besar. Sebab itulah kita mencadangkan supaya ruang lingkup pendidikan ini bukan sahaja di sudut kecemerlangan akademik semata-mata. Hari ini kita lihat masalah sosial di kalangan pelajar-pelajar amat membimbangkan bukan sahaja masalah ponteng sekolah, lihat video lucah, melawan guru, pukul pelajar malah ada kes yang bunuh pelajar, terlibat dengan pil khayal, terlibat dengan dadah dan malah kita tidak kurang mendengar kes-kes yang melibatkan seks haram ataupun seks bebas. Malah ada laporan kes yang kita terima pelajar perempuan yang mengandung dan melahirkan anak di dalam tempoh masa persekolahan. Soalnya sekarang ialah bagaimana kementerian menangani segala isu ini supaya perkara ini tidak menjadi barah kepada negara kita. Adakah kita membuat kajian terhadap.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah. Berkaitan dengan kenyataan Yang Berhormat sentuh tadi tentang masalah gejala sosial dan mempersoalkan tentang peranan kementerian di dalam menangani masalah sosial.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, daripada maklumat yang kita terima semalam daripada rekod penagih dadah, negeri Kelantan merupakan negeri yang tertinggi sekali penagih dadah. Jadi kalau kita ingin mempersoalkan peringkat kementerian atau peringkat pusat, bagaimana pula pentadbiran negeri Kelantan sendiri yang mana telah terbukti kelemahannya tidak dapat menangani

masalah dadah dengan jumlah rekod yang tertinggi sekali johan dari segi penagih dadah di Kelantan. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Datuk Yaakob. Sila teruskan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan dadah bukan persoalan negeri. Kita berdepan dengan persoalan yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Saya pernah berbincang dengan pihak polis di Kelantan kenapa Kelantan menjadi negeri yang paling banyak penagihan dadah. Di antara penjelasan yang diberi oleh pihak polis ialah di antara puncanya ialah negeri Kelantan yang bersempadan dengan Thailand. Terlalu mudah bagi pengedar-pengedar untuk mempengaruhi pelajar-pelajar sekolah sebab di kalangan mereka ada yang berumur sekolah rendah sudah cuba dipengaruhi oleh pengedar-pengedar. Yang kedua, statistik yang tinggi menunjukkan Kelantan mempunyai penagih yang ramai ialah disebabkan bagaimana kejayaan polis Kelantan menangkap lebih ramai dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Itu menyebabkan statistik dari segi angkanya Kelantan tempat yang tertinggi.

Jadi saya tidak menafikan memang di Kelantan penagihan dadah memang wujud tetapi ini bukan masalah Kelantan sahaja sebab masalah ini berlarutan sudah lama. Sekarang kita sudah ada 28 pusat serenti tetapi kita tidak ada penyelesaian sampai sekarang. Jadi persoalan ini bukan salah mana-mana negeri. Tetapi persoalan ini saya lontarkan tadi bukan bererti saya menyalahkan kementerian, cuma saya kata mari kita macam mana fikir bersama sebab kita sayang bukan Kelantan sahaja tetapi seluruh negara kita, warganegara kita adalah saudara kita. Kita sama-sama berbumbung di bawah satu perlembagaan. Jadi sebab itulah saya mengharap supaya persoalan dadah ini bukan persoalan parti politik, bukan persoalan sebuah negeri tetapi ialah persoalan bersama yang kita harus fikirkan secara betul-betul supaya ia tidak menjadi musuh yang akan menghancurkan bangsa kita. Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Jadi saya ingin penjelasan juga daripada pihak kementerian apakah hala tuju pendidikan agama dalam negara kita. Adakah pemantauan dibuat dari segi pengurusan dasar pendidikan supaya kita dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berakhlak sebab kita lihat sekarang ini permasalahan di kalangan pelajar terutama dari segi krisis akhlak sedang menular di dalam negara kita. Apa yang menyedihkan kita

pula ialah iaitu bagaimana kerajaan di dalam jawapan rasmi dalam Dewan minggu lepas iaitu kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian apakah untungnya kepada kerajaan berbuat demikian. Apakah untungnya kita menyekat bantuan kepada sekolah agama. Semakin hari semakin banyak sekolah agama yang terpaksa ditutup kerana masalah kewangan dan semakin banyak pula bertambahnya isu sosial di kalangan pelajar semakin meningkat. Apakah ini merupakan satu peringatan daripada Allah supaya kita jangan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan politik mengatasi daripada kepentingan Islam itu sendiri. Sama-sama kita fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan di mana dalam bajet kali ini melibatkan peruntukan sebanyak RM6.78 bilion untuk mengurus dan RM1.08 bilion untuk pembangunan. Kita semua sedar sebagai sebuah negara yang maju kita tidak mampu menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang *productive* jika rakyat tidak mencapai satu taraf kesihatan yang baik. Oleh itu, kita mengalu-alukan segala usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Saya ingin penjelasan tentang kempen anti merokok. Berapakah peruntukan yang dicadangkan oleh kerajaan untuk program anti merokok dalam Bajet 2005. Apakah pemantauan dibuat dan sejauh mana kempen 'Tak Nak Merokok' yang telah dilaksanakan setakat ini berkesan. Saya mengharapkan kempen anti merokok ini bukan setakat melepaskan batuk di tangga sahaja. Bagaimana sudah ribuan rakyat Malaysia mati akibat rokok.

Dalam satu kajian yang telah dibuat 95% penghidap penyakit kanser paru-paru berpunca daripada merokok. Di negara kita hari ini kita lihat bagaimana penghisap rokok semakin bertambah. Bagaimana dalam kajian di hospital 100,000 pesakit yang dimasukkan ke hospital berpunca daripada rokok. Dalam statistik menyatakan bagaimana orang dewasa lelaki yang berumur 18 tahun ke atas menjadi perokok dalam negara kita sudah menjangkau 54.5% dan di kalangan remaja pula yang menjadi penghisap rokok yang serius sekarang sudah menjangkau angka 17% dan lebih daripada 40% adalah di kalangan remaja dan kanak-kanak yang sudah mula menghisap rokok.

Ini satu perkara yang menggerunkan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu rokok ini adalah satu agenda Barat. Bagaimana mereka hendak meraih wang daripada negara yang sedang membangun. Agenda mereka sebenarnya ialah wang. Bagaimana dalam kajian didapati 1.1 bilion perokok dalam dunia ini adalah datang daripada negara yang ketiga, bukan daripada negara pengeluar dan 15% sahaja perokok daripada negara maju. Jadi bayangkan Tuan Yang di-Pertua, mereka ...

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Puan Siti Zailah, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat saya Senator Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Diucapkan terima kasih kerana tidak jemu-jemu memberi laluan. Tentang rokok, apa pandangan Yang Berhormat tentang trend atau pola yang berlaku hari ini di mana ramai remaja, gadis, wanita yang mana saya lihat semakin bertambah dari segi amalan menghisap rokok. Mereka juga merupakan bakal ibu-ibu yang mana impaknya akan memberi kesan kepada wanita-wanita muda. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Puan Siti teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyedari dan mengikut kajian perokok di kalangan muda dalam negara kita lebih kurang 5% yang menjadi penghisap rokok. Ini merupakan satu angka yang membimbangkan sebab wanita ini dia akan melahirkan anak, menjadi ibu dan sudah tentu rokok ini dia akan mempengaruhi janin dalam kandungan. Ini merupakan satu perkembangan yang tidak sihat dalam negara kita dan dalam tinjauan yang kita dapati, di antara punca kenapa wanita merokok, katanya kononnya untuk menguruskan badan, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya tidak merokok, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Jadi maknanya mereka cuba menguruskan badan dengan cara merokok. Ini mungkin satu tanggapan yang salah sedangkan kesan daripada merokok itu cukup parah. Sebab itulah saya kira perkara ini perlu...

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Siti, Yang Berhormat Datuk Syed Ali minta laluan

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya memang amat tertarik kalau kita bercakap hal

rokok dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah tadi pun banyak memaklumkan kepada kita bahawa lebih kurang 17% daripada penghisap rokok ini datang daripada remaja-remaja. Soalan saya kepada Yang Berhormat, kita tahu bahawa rokok ini tidak baik untuk dihisap. Saya ada mencadangkan supaya harga rokok dinaikkan lebih tinggi lagi, tetapi setinggi mana pun percayalah ada yang mampu membeli juga.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, kerana apa ramai remaja yang menghisap rokok ini? Kita melihat anak-anak remaja ini mempunyai ibu dan bapa. Kenapa ibu dan bapa tidak memainkan peranan supaya anak-anak ini tidak menghisap rokok? Ada sesetengah ibu bapa membuat tabiat yang suka merokok di hadapan anak-anak ini. Jadi saya difahamkan di Kelantan paling ramai remaja yang menghisap rokok. Kalau boleh Yang Berhormat tolong maklumkan pada saya, betul atau tidak apa yang saya cakap ini? Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Sebelum Yang Berhormat Puan Siti Zailah menjawab, apakah kemungkinan di zaman Nabi dahulu tidak ada orang merokok? Kalau zaman Nabi dahulu ada orang merokok, mungkin rokok itu juga ditafsirkan sebagai haram. Macam mana? Teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Kita sedar bagaimana di antara punca remaja kita merokok. Di antaranya yang pertama mungkin dipengaruhi kawan-kawan; dan yang kedua tiada perhatian daripada ibu bapa.

Kita tahu harga rokok ini mahal. Tetapi macam mana belia-belua, pelajar-pelajar boleh membeli rokok sedangkan mereka tidak ada pendapatan. Ini bermakna mereka mendapat wang yang lebih ataupun mungkin kemewahan itu punca mereka terdedah kepada bahaya ini. Jadi saya kira persoalan ini kita sebagai ibu bapa, sebagai warga, sebagai pemimpin masyarakat hendaklah sama-sama memberi kesedaran kepada rakyat bagaimana bahayanya rokok ini kepada rakyat di negara kita.

Tentang hukum rokok ini, kita semua tahu bagaimana ulama sepakat mengatakan rokok ini adalah haram. Sebab tidak ada manfaat yang kita dapat daripada merokok selain daripada memberi bahaya kepada kesihatan malah ia membazir sebenarnya. Wang yang kita belanjakan untuk rokok ini kalau kita simpan untuk sedekah ataupun untuk program pembelajaran anak-anak kita di masa-masa depan, sudah tentu memberi manfaat yang cukup besar. Tetapi faham sahajalah

agenda Barat, apabila mereka menjual rokok, sudah tentu di dalam rokok itu dimasukkan dadah atau sebagainya yang menyebabkan perokok itu menjadi ketagih.

Malah kita lihat dalam negara kita ini, seolah-olah cukup payah hendak membuang rokok. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat dalam Dewan ini, sepatutnya menjadi model kepada kita. Menjadi model, kalau boleh makna kita meninggalkan budaya yang tidak sihat ini. Sebab perkara ini memberi kemudahan bukan sahaja kepada diri perokok, malah kepada anak isteri dan zuriatnya. Inilah satu perkara yang saya kira amat besar kita beri perhatian. Saya tidak menafikan di mana sahaja orang merokok bukan sahaja di Kelantan, di Kuala Lumpur, malah di kantin. Kadang-kadang kalau saya makan saya jadi loya sebab di kantin kita pun ramai perokok juga.

Jadi maknanya, jangan letakkan perokok ini hanya di Kelantan. Negatif semua orang Kelantan, mentang-mentanglah saya dari negeri pembangkang. Tetapi saya sebenarnya membangkang apa yang tidak baik sahaja, Yang Berhormat. Apa yang baik saya setuju dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu bagaimana Amerika menyumbang kepada Israel lebih daripada USD3 juta setahun untuk membantu Israel untuk membunuh umat Islam di Palestin. Jadi bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita membeli sebatang rokok bermakna seolah-olah kita juga turut memberi sedekah sumbangan kepada Amerika untuk sama-sama membunuh rakyat Palestin.

Jadi itulah, supaya kita sama-sama mempunyai kesedaran tentang persoalan ini, berjuta-juta wang negara dihabiskan untuk merawat penyakit yang berpunca daripada rokok sahaja. Jadi saya berharap supaya program Kempen Anti Merokok ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh sebab kita tahu bagaimana iklan rokok ini, kita hendak penjelasan, apabila kerajaan sudah sedar bagaimana bahaya merokok, kenapa masih lagi dibiarkan iklan-iklan merokok berleluasa dan rokok ini masih diberi peluang untuk dijual secara berleluasa dalam negara kita. Malah kita lihat ada iklan rokok yang lebih besar daripada saiz iklan "Tak Nak" merokok. Jadi macam mana penyelesaiannya?

Jadi saya berharap dalam persoalan isu ini kerajaan supaya jangan ada *double standard*, supaya kita benar-benar ikhlas, supaya jangan kita mementingkan cukai daripada rokok kerana untuk kita hendak dapat cukai daripada jualan rokok, untuk pendapatan negara, tetapi di masa yang sama kita menghancurkan rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya meninggikan cukai rokok sahaja tidak menjadi penyelesaian kepada isu ini. Saya mengharapkan supaya kerajaan memikirkan jalan yang terbaik dan kita tidak hendak wang rakyat kita dibazirkan demi untuk kepentingan kuasa Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok: Saya minta laluan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai iklan rokok tadi, di negeri mana yang kata lebih besar dari iklan "Tak Nak" itu?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, banyak tempat. Yang Berhormat boleh lihat di mana-mana ada iklan rokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan doktor dalam Kementerian Kesihatan. Sebagaimana yang kita tahu, kita mengalami kekurangan doktor dalam negara kita dan kerajaan telah mengambil sikap untuk menjemput doktor-doktor luar berkhidmat di negara kita. Jadi saya ingin tahu berapa ramai doktor-doktor luar yang sedang berkhidmat dalam negara kita dan apakah pemantauan dibuat terhadap doktor yang diimport ini. Sebab kita dapat maklumat daripada klinik-klinik bahawa doktor-doktor luar ini kurang mengikut disiplin ataupun peraturan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Kementerian. Jadi, sejauh manakah pemantauan dibuat terhadap isu doktor luar ini?

Saya juga ingin menyentuh cadangan kerajaan untuk menarik subsidi ubat murah kepada pesakit sebagaimana yang dihebohkan, bagaimana ada cadangan daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk menarik bantuan ubat murah kepada pesakit-pesakit luar.

Saya kira perkara ini perlu diberi kajian terperinci sebab kita dapat tahu nilai sebiji ubat yang diberi kepada rakyat tidak sampai nilai 10 sen pun. Jadi sudah menjadi tanggungjawab kerajaan membantu golongan yang miskin. Kalau kita boleh membantu syarikat-syarikat yang besar dalam mengembangkan ekonomi mereka, kenapa bantuan kepada rakyat yang miskin kita perlu tarik dan dalam Dewan Negara minggu lepas, bagaimana Kementerian Kerja Raya telah menjelaskan kerajaan memberi pampasan kepada syarikat konsesi PLUS untuk menampung kekurangan pungutan tol di jalan-jalan raya pada tahun lepas sahaja berjumlah RM200 juta. RM200 juta wang rakyat digunakan untuk menampung kekurangan hasil kutipan supaya syarikat ini tidak mengalami kerugian.

Macam mana syarikat besar kita boleh bantu sedangkan apa ubat untuk rakyat yang miskin yang nilai tak sampai 10 sen satu biji, kita hendak tarik balik. Adakah ini negara yang memberi kebajikan kepada rakyat bawahan. Saya cukup tidak setuju dan saya harapkan perkara ini dibuat kajian terperinci. Janganlah sebagai satu, ada pepatah Melayu mengatakan, "kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan". Itu satu peribahasa yang mungkin kita boleh fikir balik sebab perkara itu demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Sumber Manusia, di mana mendapat peruntukan sebanyak RM365,681,300 untuk perbelanjaan mengurus dan mendapat peruntukan RM314,749,700 untuk pembangunan. Saya ingin penjelasan dari pihak kementerian, bagaimanakah usaha kerajaan dalam mengurangi isu pengangguran yang semakin meningkat dalam negara kita. Sebab kita lihat hari ini bagaimana 68,800 orang siswazah dalam negara kita masih menganggur dan dalam dewan juga telah didedahkan bagaimana dalam Jabatan Perkhidmatan Awam, kekosongan jawatan kalau tak silap saya lebih kurang 265,700 orang mempunyai masih kekosongan.

Jadi kenapa fenomena ini berlaku? Kita semuanya tahu siswazah adalah satu aset yang amat bernilai bagi negara kita. Apakah usaha kerajaan agar hampir 70,000 siswazah yang menganggur ini tidak terus menganggur supaya ia dapat berbakti kepada bangsa dan negara. Supaya ilmu dan tenaga mereka tidak disia-siakan. Sudah banyak wang negara dihabiskan untuk mendidik mereka tetapi kita tidak dapat memberi pulangan yang baik untuk kita memanfaatkan kepada negara.

Kita banyak mengimport tenaga mahir daripada luar dalam pelbagai bidang, kenapa kita tidak memanfaatkan tenaga yang ada dalam negara kita? Apakah wujudnya persefahaman antara kementerian-kementerian yang berkaitan agar penawaran kursus-kursus di IPTA ataupun di IPTS selaras dengan permintaan keperluan tenaga kerja negara, supaya tidak wujud lagi siswazah yang menganggur dan ratusan ribu jawatan kosong dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya ingin penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh akhirnya Kementerian Dalam Negeri yang mana kita semua tahu bagaimana Kementerian Dalam Negeri mendapat peruntukan RM3.9 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM567.4 juta untuk pembangunan. Saya menyokong peruntukan yang banyak diberi untuk memelihara

keamanan dan keselamatan negara. Seharusnya wang ini diuruskan dengan sebaik mungkin tanpa ada sebarang penyelewengan.

Apa yang menyedihkan kita hari ini, ada segelintir golongan daripada anggota keselamatan yang masih menerima rasuah. Selagi ada golongan seperti ini selagi itulah ia akan menjadi musuh dalam selimut ataupun gunting dalam lipatan kepada rakyat dan negara. Justeru itu, kesedaran agama perlu diberi penekanan supaya tidak wujud lagi anggota polis ataupun anggota perkhidmatan awam yang melibatkan diri dengan rasuah ataupun ada anggota polis yang melindungi tempat-tempat hiburan yang beroperasi secara haram atau ada wujudnya pihak keselamatan yang melindungi pembekal dan pengedar-pengedar barangan seludupan seperti dadah dan sebagainya.

Dalam suasana pergolakan dunia hari ini, kita amat simpati terhadap apa yang menimpa rakyat Iraq dan Palestin yang menjadi mangsa kerakusan Amerika dan Israel. Kita semua bersetuju pencabulan terhadap hak asasi manusia yang dilakukan oleh Amerika dan Israel ini adalah sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan. Tetapi sedarkah kita Yang Berhormat sekalian, di negara kita pun yang melaksanakan sistem demokrasi berparlimen ini, kita masih ada berlaku pencabulan terhadap hak asasi manusia iaitu Akta ISA.

Akta ISA adalah di antara akta yang bercanggah dengan hak asasi manusia, tahanan ISA ditahan tanpa bicara, tanpa pengadilan di mahkamah. Yang menjadi mangsa bukan sahaja tahanan ISA tetapi juga keluarga mereka, anak-anak dan isteri mereka yang menunggu entah bila suami dan ayah mereka akan dibebaskan. Saya mengharapkan supaya Akta ISA ini dikaji semula di Parlimen, seharusnya sebagai sebuah negara yang berdaulat dan demokrasi, Akta ISA ini seharusnya dihapuskan demi kepentingan hak asasi manusia.

Dalam negara kita, kita punya banyak akta yang boleh mendakwa pelbagai kesalahan yang dibuat, kita punya mahkamah yang berwibawa untuk memutuskan sesuatu kes untuk diadili. Kenapa masih perlu kita mewujudkan Akta ISA ini. Dan kita lihat kenapa tahanan-tahanan ISA ini sampai sekarang tidak didakwa dan dibicarakan di mahkamah kalau mereka benar-benar bersalah, tidak ada erti Tuan Yang di-Pertua, sebuah negara demokrasi selagi adanya undang-undang, ISA masih di guna pakai dalam negara kita. Tiada erti kita melaungkan Islam Hadhari jika keadilan tidak dapat ditegakkan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Puan, minta laluan, terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya ISA ini pada pandangan kita bukanlah mencabul hak asasi manusia, sebab kita lebih sayangkan negara kita daripada individu. Kita tidak mahu negara kita jadi macam negara lain yang dibom sana, dibom sini, kalau ada makhluk macam ni di negara kita, apakah yang akan jadi di negara kita? Kita sayangkan negara ataupun kita sayangkan individu. ISA ini adalah untuk mencegah perkara-perkara ini berlaku di negara kita, bukanlah kita hendak menganiaya orang ataupun kita hendak menidakkan hak asasi manusia itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Siti.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof: [*masalah rakaman*]individu yang bersalah kita berhak membawa mereka ke mahkamah pengadilan. Persoalannya di sini kita mempunyai akta yang cukup banyak yang kita telah kita luluskan di Parlimen ini. Kita mempunyai polis yang berwibawa, kita mempunyai mahkamah yang cukup cekap dan yang berwibawa, polis yang cekap dan sebagainya tetapi kenapa mereka yang ditahan ini tidak didakwa di mahkamah. Itu saja persoalannya, saya bukan menentang, menyokong orang yang bersalah, saya tetap bersetuju orang yang salah kita perlu dakwa mereka dan kita memberi hukuman yang sebaiknya tetapi kita tidak sepatutnya dalam negara kita yang maju, yang sistem demokrasi ini kita mengurung seorang insan itu dengan tidak ada tahu penjelasan yang konkrit apa kesalahannya dan bila dia akan dibebaskan. Itu sahaja yang saya tentang.

Sepatutnya orang yang bersalah ini dibuktikan salahnya, dibawa ke mahkamah, kita jatuh hukuman. Kita cukup undang-undang yang ada dalam negara kita. Saya kira undang-undang kita cukup kaya dalam kita hendak mendakwa pesalah-pesalah ini. Tetapi persoalannya sekarang, kenapa mereka tidak didakwa ke mahkamah. Itu sahaja yang saya tidak setuju. Dan kita lihat pada 9 Disember 2004, dua tiga hari yang lepas, kita dapat tahu bagaimana tahanan ISA di Kamunting ini telah dipukul dengan cota, ditendang dan dibelasah. Saya ada bawa salinan laporan polis yang dibuat oleh keluarga mangsa ISA. Dua, empat, lima, enam kes yang menyatakan bagaimana polis telah menendang mereka, membelasah mereka, ada yang sampai biru, sampai berdarah luka, dipukul sampai bengkak kepala tetapi apabila mereka hendak mendapat rawatan tidak dibenarkan.

Apakah ini keadilan dalam sebuah negara yang melaungkan demokrasi berparlimen yang melaungkan Islam Hadhari? Saya tidak nampak apa rasional

keadilan di sini. Kalau mereka itu benar-benar bersalah bawa mereka kepada pengadilan, kenapa dizalimi dan dianiaya? Kalau kita membela rakyat Palestin dengan kerakusan kuasa Amerika, membunuh sewenang-sewenangnya rakyat Palestin dengan tidak ada satu sebab, kenapa perkara ini harus kita menurut jejak langkah Amerika di dalam kita menentukan hak asasi manusia ini? Seharusnya kita sebagai negara yang berdaulat, kita tidak boleh lagi mengambil undang-undang yang ditinggalkan oleh penjajah Barat ini di dalam kita melaksanakan pentadbiran negara kita.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat saya minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang begitu emosional sekali.

Saya ingin mendapat penjelasan, kalau hendak dipertikaikan soal ketidakadilan polis, ketidakadilan kerajaan di dalam melaksanakan akta ataupun ISA ini, saya minta kalau boleh Yang Berhormat faham apa erti ancaman ataupun keselamatan dalam negara. Kita lihat JI ataupun KMM, di mana gerakan mereka kita ucapkan syabas kepada pihak polis dan tentera telah dapat awal-awal mencium akan gerak geri strategi mereka di dalam melakukan beberapa keganasan, dan terbukti gerakan-gerakan sebagaimana yang saya sebutkan itu telah melakukan jenayah baik di dalam negara mahupun di luar negara hingga membunuh ratusan manusia yang tidak berdosa, dan begitu juga sehingga menimbulkan kesan dan implikasi yang buruk kepada sesebuah negara, seperti mana berlaku di negara jiran gara-gara golongan yang mana kita katakan JI, KMM dan lain-lain lagi gerakan bawah tanah.

Jadi untuk membicarakan kumpulan-kumpulan seperti ini ada kaitannya dari segi maklumat ataupun tafsiran ancaman kepada negara. Kita tahu bahawa akta yang walaupun kita sebut ISA dalam negara kita, tetapi pelaksanaan undang-undangnya banyak dilaksanakan di negara-negara lain termasuk juga negara-negara Islam, di mana demi kebaikan keselamatan ataupun ancaman kepada sesebuah negara, mereka juga melaksanakan ISA mungkin tidak sama nama, tetapi mereka mempraktikkan ISA demi keselamatan dalam negara. Lantaran itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff, apakah kita masih ingin membela sebab sudah terbukti dari segi maklumat yang diperolehi oleh polis, walaupun kita tidak dapat bukakan kesnya di mahkamah, tetapi telah ada bukti di pihak polis. Saya yakin dan saya yakin polis

negara kita begitu adil dan sudah pasti maklumat-maklumat yang mereka ada menyebabkan mereka tidak boleh kita bicarakan secara terbuka demi keselamatan maklumat dalam negara. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Puan Siti Zailah sila teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat minta laluan. Saya ingin menyambung apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi.

Sebenarnya kerajaan kita ada banyak agensi. Agensi keselamatan yang kita kenali dan yang tidak kita kenali. Mereka ini mempunyai bukti yang kukuh sebelum mereka membuat penangkapan. Ini juga berlaku kepada mereka yang dikenakan buang pulau ataupun yang akan dihantar ke Pulau Jerjak mahupun yang akan dibuang daerah. Mereka ini diekori oleh agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menjaga keamanan negara. Jadi bila sudah ada bukti kukuh dan cukup, maka mereka ini akan diambil tindakan.

Saya rasa amalan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah supaya mereka yang benar-benar boleh mengancam keselamatan negara harus ditempatkan di ISA. Sekian. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Teruskan Yang Berhormat Puan Siti.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat persoalan. Kita lihat apa yang sedang berlaku di depan kita ini, bagaimana keadilan itu kita tidak laksanakan terhadap tahanan ini, itu sahaja. Bagaimana kita tahu, bagaimana mereka yang ditangkap oleh pihak polis dengan bukti-bukti yang sah, tetapi persoalannya kalau sudah ada bukti, tetapi mengapa tidak didakwa di mahkamah. Kenapa kita dera mereka dengan tidak tahu bila mereka akan keluar. Ini sahaja hendak mendera tahanan dan mendera perasaan keluarga mereka.

Saya bukan hendak membela pesalah, tetapi maksud saya di sini dari segi keadilan undang-undang sebab kita adalah negara yang berdaulat. Kita mesti dakwa mereka ke mahkamah keadilan. Kalau betul-betul ada bukti, dan sekiranya tidak cukup dengan mahkamah di sini, kita bawa ke Mahkamah Antarabangsa. Kita ada undang-undang dan seharusnya saya fikir undang-undang yang seperti ini perlu kita

kaji balik supaya ia benar-benar memberi keadilan dan menjamin hak asasi manusia. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Siapa lagi?

5.05 ptg.

Datin Chong Set Mui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dan membahaskan Bajet Persekutuan 2005.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana menyampaikan Bajet 2005 yang bersifat prihatin dan mesra rakyat.

Saya lihat inti pati utama di dalam Bajet 2005 ini juga mengandungi polisi-polisi dan hala tuju Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang menghala ke empat tahun yang akan datang sehinggalah ke pilihan raya seterusnya dan selepasnya.

Dalam jangka masa pendek Yang Amat Berhormat Pak Lah juga telah mendapat penghormatan daripada *International Finance Growth*, dengan izin apabila beliau bersama dengan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed Yakcob telah dipilih sebagai *Asia's Best Finance Minister*, dengan izin oleh *International Finance Magazine - The Emerging Market*, dengan izin. Pengiktirafan antarabangsa yang sama juga datang daripada *Standard and Poor's*, dengan izin yang telah menaik taraf *political economy currency rating* negara. Ini adalah satu pengiktirafan yang amat jelas terhadap polisi kewangan Malaysia yang pragmatik sepanjang tahun ini.

Seterusnya defisit Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga menurun ke 4.5% dari purata 8.0% dalam beberapa tahun yang lepas dengan rancangan penurunan kepada 3.8% untuk tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2005 kerajaan benar-benar menghargai kerja keras semua kakitangan awam apabila Yang Amat Berhormat Pak Lah mengumumkan satu bulan bonus di dalam ucapannya. Kini bonus telah terletak di tangan semua kakitangan awam terutamanya kepada mereka yang berurusan secara terus dengan orang awam. Mereka semua seharusnya meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian bagi membalas kemurahan hati pihak kerajaan kerana memberikan bonus kepada mereka semua.

Sekiranya sistem penyampaian gagal memenuhi harapan rakyat, maka apa juga polisi baik yang dirancang akan gagal dicapai dan dihargai oleh rakyat, dan

akhirnya kerajaan akan disalahkan kerana gagal meningkatkan mutu pelbagai perkhidmatan umum atau menjalankan projek-projek pembangunan bagi kebaikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan yang boleh diterima sekiranya sistem penyampaian kerajaan dipertingkatkan, ia sudah tentu dapat mengurangkan terhadap tahap penyalahgunaan di dalam berbagai bentuk termasuk rasuah, kerana kecenderungan memberikan wang agar suatu kerja dapat berjalan atau dilakukan tidak akan dipraktikkan. Kos untuk melakukan suatu urusan niaga juga akan menurun dan mutu kecekapan pun meningkat. Pelabur-pelabur asing akan bertambah yakin dengan sistem perkhidmatan umum negara kita dan mereka akan seterusnya melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Pak Lah haruslah diberi pujian kerana menangani masalah ini dengan serius. Beliau hanya akan berjaya sekiranya kakitangan awam memberikan perkhidmatan mereka dengan amanah. Susah sangatkah masalah ini ditangani sedangkan semua adalah dibayar gaji untuk kerja anda. Mengapakah anda semua harus menyukarkan keadaan kepada orang awam, terutamanya kepada mereka yang benar-benar memerlukan perkhidmatan anda. Sekiranya anda menjalankan tugas anda dengan bermaruah, maka perkhidmatan anda sudah tentu akan dihargai dan diiktiraf sepanjang hayat anda.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam cadangan memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan yang meluas berdasarkan cukai perkhidmatan pada tahun 2007. Saya harus menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Pak Lah telah mengambil langkah yang pragmatik di dalam merancang cukai negara dan pungutan dalam negeri dalam tahun akan datang. Banyak negara termasuk negara jiran kita telah berjaya melaksanakan GST. Saya percaya ianya juga akan diterima oleh rakyat Malaysia sekiranya ia dijalankan dengan dirancang secara teliti dan tidak menyusahkan, dan objektifnya haruslah diterangkan dengan jelas kepada rakyat termasuk kebaikan jangka panjang pada negara dan pembayar cukai, di mana kita boleh mengharapkan suatu pengurangan kepada kadar cukai korporat dan perseorangan.

Saya memohon rakyat Malaysia agar melihat kepada GST ini sebagai rejim cukai berpatutan di mana sudah tentu akan dijalankan pada suatu hari nanti. GST seharusnya tidak dipolitikkan dan sekiranya terdapat sebarang kelemahan sudah tentu ia akan diperbaiki. Mungkin sebagai permulaan, jumlahnya haruslah berpatutan dan

tidak keterlaluan dan semua barangan keperluan utama dan peniaga kecil-kecilan haruslah dikecualikan kepada GST.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Siapa lagi? Dijemput.

5.15 ptg.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk membahaskan Bajet 2005. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu bajet yang saya rasa cukup baik, yang seimbang. Daripada apa yang kita lihat, bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan bahawa Perdana Menteri menekankan kepada dua perkara.

Pertama ialah menguruskan kejayaan, dan kedua, memperkasakan rakyat luar bandar. Dari peruntukan yang kita lihat dalam bajet yang dibentangkan, dengan jelas kita dapat lihat bahawa peruntukan yang begitu banyak diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Hasrat kerajaan untuk membela nasib rakyat luar bandar akan terjamin sekiranya bajet yang dibentangkan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Hasrat kerajaan ini akan tercapai sekiranya mendapat sokongan daripada rakyat, daripada kerajaan-kerajaan negeri, daripada kementerian-kementerian – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kementerian-kementerian yang terbabit dengan pembangunan luar bandar.

Sekiranya kita hendak membangunkan atau hendak memperkasakan rakyat luar bandar, seperti mana kita tahu rakyat luar bandar kebanyakan adalah terdiri daripada petani-petani, pesawah-pesawah, nelayan dan sebagainya, dan mereka ini adalah daripada rakyat yang berpendapatan rendah. Untuk menambahkan hasil, perkara pertama yang perlu, yang saya rasa perlu dan juga yang telah dikatakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu perubahan minda di kalangan rakyat luar bandar, pertama, kerana hari ini kalau kita tengok, kalau kita pergi ke kawasan-kawasan luar bandar, saya ambil contoh di kawasan-kawasan pedalaman Kedah ataupun di Perlis, ramai orang kampung yang ada tanah tetapi

tidak tahu hendak menggunakan hasil, tidak tahu untuk menggunakan tanah-tanah mereka untuk mengeluarkan hasil. Mereka sekadar kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, itu sahaja sedangkan kita tahu daripada tanah yang ada pada rakyat di luar bandar ini boleh menghasilkan hasil yang lebih baik daripada apa yang mereka jangkakan, tetapi bagaimanakah perkara ini boleh kita jalankan.

Itulah saya katakan tadi, kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, sebab kerajaan negeri saya sifatkan sebagai sebuah syarikat, kita contohkannya sebagai anak syarikat kepada syarikat *holding company*. Jadi, apabila kira serahkan peruntukan-peruntukan tertentu kepada kerajaan negeri untuk membangunkan negeri itu, khususnya negeri-negeri yang masih lagi kurang membangun seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan beberapa negeri lagi, maka kerajaan negeri harus cari satu formula bagaimana kita hendak majukan negeri itu supaya rakyat di dalam negeri itu dapat kecapi nikmat yang rakyat dari negeri-negeri maju yang lain sudah kecapi.

Pulau Pinang dahulu bukanlah sebuah negeri yang maju, begitu juga Johor, tetapi setelah ada infrastruktur yang baik, ada segala kemudahan-kemudahan yang baik akhirnya *investor*, pelabur-pelabur asing masuk. Pelabur-pelabur asing masuk kita bagi kemudahan-kemudahan tertentu untuk menarik minat mereka, bukanlah sekadar kerana Pulau Pinang ada pelabuhan, itu bukanlah salah satu daripada sebab mereka masuk ke dalam negeri itu. Ada cara lain yang boleh kita lakukan seperti negeri Pahang yang kononnya hampir mufliis. Satu negeri yang mempunyai aset yang begitu banyak, yang boleh dimajukan. Jarak daripada Bentong ke Kuala Lumpur bukanlah satu jarak yang jauh dari segi *transportation*, saya rasa tidak ada masalah untuk kita masukkan pelabur-pelabur asing. Apabila masuk pelabur-pelabur asing, maka barulah rakyat akan dapat merasakan nikmat yang telah lama rakyat negeri-negeri lain sudah rasa.

Dalam isu pertanian, kerajaan negeri bersama-sama dengan Kementerian Pertanian harus memikirkan bagaimana kita hendak pastikan setiap individu di dalam kawasan luar bandar yang mempunyai tanah seluas lebih kurang satu relung atau satu ekar, macam mana kita hendak majukan tanah itu, hendak meningkatkan pendapatan tuan punya tanah itu. Kalau kita biarkan sahaja, tanah itu mungkin dipajak kepada si anu si anu tertentu dengan harga yang lebih rendah dan akhirnya hasrat dan matlamat kerajaan untuk menaikkan taraf hidup seseorang individu itu tidak akan tercapai.

Kalau hari ini kita pergi ke Baling, mungkin dia tidak tahu fungsi FAMA ini macam mana. Sejauh mana FAMA memainkan peranan bahawa FAMA ini adalah sebagai satu agensi di bawah Kementerian Pertanian yang memasarkan produk-produk pertanian daripada kawasan-kawasan luar bandar, mungkin orang-orang luar bandar tidak tahu perkara ini. Jadi, selagi orang-orang luar bandar tidak tahu tentang perkara ini, maka objektif kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar tidak akan tercapai.

Banyak peruntukan diberikan kepada Kementerian Pertanian dan kurang kepada kementerian-kementerian lain sebab kita tahu dari segi ekonomi, kalau kita naikkan ekonomi dari segi pertanian, kos yang kita belanja dibandingkan dengan kos yang kita buat pembinaan adalah lebih rendah daripada kos pembinaan dan *returnnya*, (pendapatannya) lebih tinggi daripada kos pembinaan. Sebab itulah hari ini kerajaan telah sedar, maka diberi tumpuan kepada sektor pertanian, cuma cara kita hendak mengendalikan sektor pertanian ini supaya hasrat kerajaan kepada rakyat termiskin atau rakyat di kawasan luar bandar terjamin.

Keduanya saya hendak sentuh ialah tentang Kementerian Kewangan. Seperti mana yang dikatakan oleh Menteri Kewangan II tadi ialah sokongan daripada sektor swasta untuk merangsang ekonomi negara. Memang kita tahu sektor swasta memainkan peranan yang begitu baik dalam merangsang ekonomi negara, tetapi kerajaan juga harus lihat dan bantu sektor swasta ini, sebab ada kalanya kadang-kadang saya rasa polisi-polisi yang digunakan oleh kerajaan lebih menekankan sektor swasta daripada terus membangun.

Sekiranya satu syarikat itu menjalankan satu perniagaan bertahun-tahun lamanya maju, tetapi akhirnya disebabkan kelembapan ekonomi maka syarikat ini mempunyai masalah seperti tidak dapat membayar balik hutang bank, maka syarikat ini disenaraihitamkan di dalam SITOS ataupun SICRIS. Apabila syarikat ini disenaraihitamkan di dalam SITOS, maka sekiranya ada projek-projek baru yang syarikat ini hendak majukan tidak boleh lagi sebab bila dia pergi kepada bank, bank keluarkan surat kepada SITOS mengatakan, bahawa hutang dia tidak dibayar. Maka pinjaman tidak boleh diberi, sedangkan kalau diberi pinjaman yang baru ini mungkin dia boleh bayar hutang lama untuk pulihkan balik senarai hitam dalam SITOS tadi – tetapi ini tidak dilakukan. Sebab itu kalau kita tengok daripada laporan SITOS dan SICRIS banyak syarikat bumiputera yang disenaraihitamkan. Syarikat ini tidak boleh

pergi mana lagi. Kalau tidak boleh pergi ke mana-mana lagi, macam mana kita hendak merangsang ekonomi.

Kalau kerajaan boleh belanja berbilion ringgit ataupun berjuta ringgit untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kerajaan yang lain, yang saya rasa tidak begitu merangsangkan ekonomi negara dan tidak dapat membantu ekonomi negara, saya rasa lebih baiklah wang ini disalurkan kepada syarikat-syarikat lain ataupun kita beri peluang kepada syarikat-syarikat ini yang mana telah disenaraihitamkan beri mereka peluang lagi. Sebab kalau orang sakit, kita tidak bagi ubat dia akan mati, jadi kita kena beri ubat jangan kita biarkan sahaja. Satu masalah atau dua masalah, kadang-kadang dua pinjaman dia tidak bayar masuk dalam *report*, masuk dalam *report* tidak mengapa, sekarang ini *report* itu pula semua orang boleh dapatkan maklumat melalui laporan SITOS ini. Kadang-kadang ini memalukan maruah seseorang. Saya rasa tidak patut sehinggakan ada satu kes di mana seorang hendak jual rumah kerana hendak mencari wang, tetapi disebabkan nama dia ada di dalam laporan SITOS, maka pembeli rumah ini takut lalu tidak jadi membeli rumah tersebut. Pembeli ini melalui peguamnya pergi *check* balik daripada SITOS dapat tahu mengatakan si penjual ini telah disenaraihitamkan oleh institusi perbankan.

Kita tidak menggalakkan sektor swasta untuk membantu kerajaan bahkan kita lebih menekankan sektor swasta. Kalau ini berterusan maka saya rasa agak sukar untuk sektor swasta terus memberangsangkan ekonomi negara. Saya haraplah kepada Kementerian Kewangan mencari satu formula lain supaya jangan kita matikan syarikat-syarikat yang telah lama hidup disebabkan oleh kelembapan ekonomi kita biarkan dia.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Dato' Haji Karim bin Ghani: Yang Berhormat Dato' Omar.

Dato' Omar bin Faudzar: Ya.

Datuk Haji Karim Ghani: Oleh sebab masa sudah sampai jam 5.30 petang boleh kita sambung besok? Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab masa sudah sampai, maka saya tangguhkan persidangan kita ini sehingga jam 10.00 esok pagi, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

